



NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA
PENGKAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETIGA BELAS**

**19 MEI 2017,
22 MEI 2017 HINGGA 25 MEI 2017**

25 MEI 2017 (KHAMIS)

Dikeluarkan oleh

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

25 MEI 2017 (KHAMIS)

Kandungan	Muka Surat
SOALAN-SOALAN LISAN	
Soalan No. 35 – Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee)	7
Soalan No. 36 – Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman)	8
Soalan No. 37 – Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu)	10
Soalan No. 40 – Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng)	12
Soalan No. 41 – Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L Thambyappa)	13
Soalan No. 46 – Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon)	14
Soalan No. 47 – Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim)	16
Soalan No. 48 – Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor)	19
SESI PENGGULUNGAN	
Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow) mengambil bahagian dalam sesi penggulungan	22
<i>Dewan ditangguhkan pada jam 1.05 tengah hari</i>	
<i>Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang</i>	
SESI PENGGULUNGAN DISAMBUNG SEMULA	
Timbalan Ketua Menteri I mengambil bahagian dalam sesi penggulungan	41
RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN WARISAN NEGERI PULAU PINANG (PINDAAN) 2017	
Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) membentangkan Rang Undang-undang	54
<i>Dewan ditangguhkan pada jam 3.55 petang</i>	

Kandungan	Muka Surat
<i>Dewan disambung semula pada jam 4.15 petang</i>	
PENGUMUMAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI	56
RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PINJAMAN NEGERI PULAU PINANG (BANK DAN SUMBER-SUMBER KEWANGAN LAIN) AHUN 2017	
Y.A.B. Ketua Menteri membentangkan Rang Undang-undang	56
Timbalan Ketua Menteri I menyokong dan memberi ulasan	59
Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.	60
Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.	60
Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.	61
Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.	61
Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.	62
Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.	63
Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.	64
Timbalan Ketua Menteri II mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.	65
Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan.	64
PENGGULUNGAN USUL	
Y.A.B. Ketua Menteri mengambil bahagian dalam sesi penggulungan Rang Undang-Undang	66
RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBADANAN STADIUM DAN KAWASAN LAPANG PULAU PINANG 2017	
Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng) membentangkan Rang Undang-undang	71
Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin) menyokong dan memberi ulasan	72
Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) mengambil bahagian dalam perbincangan	72
Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) mengambil bahagian dalam perbincangan	74
<i>Dewan ditangguh pada jam 6.35 petang</i>	

Kandungan	Muka Surat
<i>Dewan disambung semula pada jam 8.00 malam</i>	
Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) mengambil bahagian dalam perbincangan	75
Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) mengambil bahagian dalam perbincangan	78
Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L Thambyappa) mengambil bahagian dalam perbincangan	79
Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) mengambil bahagian dalam perbincangan	80
Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) mengambil bahagian dalam perbincangan	80
PENGGULUNGAN USUL	
Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng) mengambil bahagian dalam sesi penggulangan Rang Undang-undang	81
USUL DARIPADA YB. TIMBALAN KETUA MENTERI II	
YB. Timbalan Ketua Menteri II mencadangkan Dewan meluluskan usul di bawah Subseksyen 13(3) Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010	87
USUL DARIPADA AHLI KAWASAN PADANG LALANG	
Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng) membentangkan usul	89
Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) mengambil bahagian dalam perbincangan	91
Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) mengambil bahagian perbincangan	92
Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) mengambil bahagian dalam perbincangan	94
PENGGULUNGAN USUL	
Ahli Kawasan Padang Lalang mengambil bahagian dalam sesi penggulangan	94
UCAPAN PENANGGUHAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI	95
<i>Dewan ditangguhkan pada jam 10.40 malam</i>	

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 25 MEI 2017(KHAMIS)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13.	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15.	YB. Ong Kok Fook	Berapit
16.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
25.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
27.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
30.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32.	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
33.	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
34.	YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
35.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
36.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
37.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
38.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
2.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggai

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3.	YB. Puan Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Bacaan Doa.

Timbalan Setiausaha Dewan:

“Doa”.

Setiausaha Dewan:

Soalan lisan

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

YB. Yang di-Pertua Dewan, soalan 35, soalan saya.

- No. 35. Adakah Kerajaan Persekutuan mempunyai rancangan untuk memperluaskan lebuh raya yang bersambung kepada Jambatan Pulau Pinang pertama sehingga ke Seberang Jaya untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas terutamanya semasa waktu lepas kerja?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Silakan YB. Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Yang di-Pertua Dewan, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari kawasan Jawi. Beliau bertanyakan adakah Kerajaan Persekutuan mempunyai rancangan untuk memperluaskan lebuh raya yang bersambung kepada jambatan pertama Pulau Pinang sehingga ke Seberang Jaya untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas terutamanya selepas waktu kerja. YB. Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan lisan daripada YB. Ahli Kawasan Jawi pihak Kerajaan Negeri sememangnya prihatin mengenai kesesakan yang berlaku pada waktu puncak di Lebuh Raya Utara-Selatan antara Sungai Dua dan Juru yang bersambungan dengan Jambatan Pulau Pinang. Kerajaan Negeri difahamkan bahawa Kementerian Kerja Raya Malaysia sedang menjalankan kajian kemungkinan bagi cadangan pembinaan lebuh raya baru di kawasan utara sebelum sebarang cadangan pembinaan atau pelebaran lebuh raya sedia ada dilaksanakan. Dalam pada itu beberapa inisiatif juga telah dilaksanakan oleh LLM dan Projek Lebuh Raya Utara Usahasama Berhad iaitu PLUS untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas aliran trafik di kawasan Sungai Dua hingga ke Juru seperti berikut,

- a. membina *uni-directional ram* yang menghubungkan lebuh raya Utara – Selatan dan jalan perusahaan;
- b. menandakan semula garisan jalan atau *lane finalization* di laluan berikut :
 - (i) dari persimpangan Jambatan Pulau Pinang hingga ke jalan susur ke Seberang Jaya di kilometer 137 arah utara dan juga;
 - (ii) dari kawasan rehat dan rawat Juru hingga ke Plaza Tol Juru iaitu arah selatan.

YB. Yang di-Pertua Dewan, sementara menunggu apa-apa sahaja rancangan untuk melebarkan atau membina jalan pintas di lebuh raya iaitu khasnya dari Seberang Jaya ke Jambatan, Kerajaan Negeri melalui JKR telah melantik kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja naik taraf susur keluar bulatan Seberang Jaya yang dijangka siap pada bulan Ogos 2018, skop projek ini melibatkan pelebaran sedia ada bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di kawasan berkenaan. Kos projek tersebut adalah RM2.7 juta dan kerja-kerja sedang giat dijalankan dan kita, ini adalah usaha Kerajaan Negeri di bahagian jalan susur dan saya telah melalui Ahli Parlimen Parti kita telah berkali-kali membangkitkan isu kesesakan Lebuh Raya Utara khasnya di Seberang Jaya pada waktu puncak untuk Kerajaan Pusat mengambil langkah untuk mengatasinya tetapi sehingga sekarang belum ada seperti yang saya jawab mungkin telah dijalankan kaji selidik untuk perancangan yang lebih rapi. Terima kasih.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

YB. Dato' Speaker, soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal memberi jawapan yang teliti dan juga menjawab bahawa Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk melebarkan jalan di kawasan *roundabout* itu. Saya hendak tanya soalan tambahan saya mengapa Menteri Pengangkutan, kerana perkara ini telah berlaku lama kesesakan lalu lintas itu mengapa Menteri Pengangkutan tidak turun ke padang atau pun tidak mengambil berat terhadap pengguna-pengguna jalan yang lebih 10 tahun. Adakah ini bermakna semua penduduk di Seberang Perai tidak membayar cukai atau pun kita tidak membayar *roadtax* mengapa Menteri Pengangkutan tidak mengambil berat langsung terhadap sistem kesesakan lalu lintas terutama selepas waktu kerja.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' Yang di-Pertua, ingin saya memperbetulkan YB. Ahli Kawasan Jawi bahawa pembinaan lebuh raya atau jalan-jalan adalah di bawah Kementerian Kerja Raya iaitu Menteri Kerja Raya dan bukan di bawah Menteri Pengangkutan. Disini seperti yang tadi saya menjawab dan juga pada empat (4) tahun dahulu telah ada satu cadangan oleh sebuah syarikat swasta dimana mereka mencadangkan supaya diadakan satu jalan pintas iaitu JELAS. Mereka mencadangkan supaya mengadakan satu jalan pintas tetapi bukan di atas jalan sedia ada, ia melalui kawasan yang lebih dalaman tetapi sehingga sekarang belum juga ada apa-apa jawapan dari situ.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

YB. Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Adakah PLUS kerana ini adalah, saya percaya *highway* ini adalah di bawah PLUS, so sama ada PLUS ada sebarang perancangan sebelum ini kerana saya rasa PLUS mereka setiap hari ada membuat kutipan di Juru TOL dan Sungai Dua TOL so mereka setiap hari ada kutipan tetapi kerja-kerja pelebaran jalan tidak dirancangan. So saya hendak tanya selain daripada Menteri Kerja Raya adakah PLUS membuat sesuatu supaya dapat menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Masalah yang menyebabkan berlakunya kesesakan di lebuh raya berkenaan iaitu berdekatan Seberang Jaya adalah kerana semua kenderaan-kenderaan tempatan *local vehicle* berkongsi sama dengan kenderaan-kenderaan yang hendak pergi ke selatan dan hendak pergi ke utara jadi disitulah ada berlakunya pertempuran di lebuh raya berdekatan dengan Seberang Jaya. Jadi tadi saya ada menjawab bahawa usaha telah dijalankan untuk membina *mini ramp* di kawasan perusahaan dan juga melukis semula *lane-lane* atau lorong-lorong jalan itu supaya ia tidak berlaku pertempuran. Jadi itulah sahaja apa-apa yang mereka lakukan, dan kita berharap kerajaan pusat boleh menimbang untuk sama ada membina jalan pintas atau menaik taraf lebuh raya sedia ada supaya kesesakan lalu lintas tersebut dapat diselesaikan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila Ahli Yang Berhormat Bertam.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Sharifudin Azhar Bin Othman):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Soalan 36, soalan saya

No. 36. Pembangunan SJK (T) dan SJK (C):

- (i) Apakah program dan perancangan Kerajaan Negeri dalam membangunkan masa depan kedua-dua jenis sekolah tersebut?
- (ii) Senaraikan jumlah sekolah mengikut DUN beserta jumlah pelajar, nama guru besar dan nombor telefon.
- (iii) Nyatakan jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan dan negeri bagi kedua-dua jenis sekolah.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Hal Ehwal Pendidikan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan namun Kerajaan Negeri bersedia membantu dalam hal ehwal pendidikan untuk kepentingan dan masa depan masyarakat. Senarai Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJK T) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJK C) mengikut daerah dan Dewan Undangan Negeri (DUN) akan diletakkan di atas meja Ahli Yang Berhormat setelah

selesai sesi soalan lisan ini. Namun maklumat berkenaan jumlah pelajar, nama guru besar dan nombor telefon boleh dirujuk kepada Jabatan Pendidikan Negeri kerana ianya tidak dikemukakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri. Sejak tahun 2009 hingga 2017 Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan masing-masing sebanyak RM15,015,000.00 juta kepada SJK(T) dan RM36,000,539.00 kepada SJKC. Jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada kedua-dua sekolah tersebut tidak didedahkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Hj. Shariful Azhar Bin Othman):

Soalan tambahan. Sedarkah Yang Berhormat di awal tahun boleh dikatakan setiap tahun, semasa pendaftaran pelajar baru Tahun 1 ke Sekolah Tamil atau Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina ada sekolah yang mencatatkan pendaftaran cuma seorang pelajar, Sekolah Tamil dan Sekolah Cina, yang boleh diklasifikasikan sebagai sekolah yang kurang murid. Jadi apakah puncanya melalui pengetahuan Yang Berhormat dan apakah usaha yang boleh dilakukan oleh Yang Berhormat sendiri untuk memberi galakan kepada ibu-bapa, ibu-bapa dikalangan India dan juga Cina untuk menambah enrolment pada sekolah tersebut kalau seorang pelajar pada satu tahun, saya rasa ini tidak begitu elok.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih YB. Bertam, sebagai contoh kekurangan pelajar, saya rasa masalah di Pulau Pinang memang saya beri contoh ada sebut Sekolah Tamil di Nibong Tebal, pendaftarannya pada tahun 2008 adalah diantara 15 -19 murid. Ini memang saya rasa menunjukkan kita kurang di Nibong Tebal, Sekolah Ladang Sepah, kemudian selepas 2008, Kerajaan Negeri telah menyalurkan banyak bantuan kepada sekolah-sekolah Tamil dan Cina termasuk juga Sekolah Agama Rakyat. Jadi apabila kita buat pembaharuan di Sekolah Ladang Sepah, sebab isunya kita bimbang muridnya antara 15 hingga 19. Jadi mungkin satu masa ketika sekolah ini tidak boleh berfungsi jadi apabila kita buat pembaharuan, kita menyalurkan bantuan sebagainya saya rasa pendaftaran sekarang ini sudah lebih daripada 60 hingga 70. Itu mungkin masalah saya tidak tahulah ada seorang pelajar sahaja, mungkin di negeri lain, pendaftaran ini sangat-sangat kurang terutama di sekolah Cina dan Tamil dan ini perlu diambil kira oleh Kerajaan Pusat kenapa muridnya kurang sebab 60 tahun penghijrahan penduduk ke bandar-bandar telah ini membawa satu situasi di mana sekolah-sekolah ini kalau tidak ada rumah, tidak ada penduduk di sekitar sekolah kemungkinan besar sekolah ini tidak boleh dapat pendaftaran. Di Batu Kawan mungkin saya rasa YB. Padang Lalang mungkin tahu berkenaan sekolah-sekolah di sekitar, memang saya ada dengar dan Batu Kawan pada masa itu muridnya adalah mungkin dibawah 100 tapi apabila sekolah dibina semula dan sebagainya saya rasa peningkatan murid jelas saya nampak. Jadi saya rasa isunya ialah lokasi sekolah dan sama ada sekolah ini ditempatkan dimana ada sekitarnya penduduk penduduk Cina atau masyarakat India. Ini satu isu bukan sahaja di peringkat negeri tapi di peringkat nasional bagaimana kita mengatasi masalah pendaftaran dan *enrolment* di sekolah-sekolah ini. Ini perlu ditandatangani dan rasa rasa di kalangan Cina dan India tidak bukan masalah besar. Memang kita ada dulu tahun awal 20an dan pertengahan 20an telah ditangani dengan baik saya rasa mana-mana Sekolah Tamil, 28 sekolah ini saya rasa pendaftaran di Darjah 1 saya rasa tidak ada masalah.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Soalan tambahan saya, soalan saya mengapa Kerajaan Persekutuan sampai hari ini tidak boleh memberi peruntukan yang tetap setiap tahun kepada sekolah-sekolah Cina dan juga Tamil kerana setiap tahun kita dapat tahu bahawa peruntukan kepada sekolah Cina terutamanya SJK C peruntukan tahun 2016 sampai 2017 masih belum jelas so saya nak tanya sama ada Perai pandangan mengapa Kerajaan Persekutuan tidak boleh memberi peruntukan tetap sepertimana Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih YB. Jawi, saya rasa sukar bagi saya menjawab soalan itu. Ini tidak kena mengena dengan Kerajaan Negeri. Memang saya setuju, yang anehnya penyaluran dana kepada sekolah-sekolah Cina dan Tamil ini, saya rasa mungkin 9 tahun sudah meningkat. Dulu tidak ada, selepas gabungan Pakatan Harapan mengambil pemerintah, pada tahun ini dan tahun lepas, kita nampak Kerajaan Pusat juga bantu sekolah-sekolah Tamil dan Sekolah-sekolah Cina, Saya rasa kedua-dua tidak sebenarnya mengalami kekurangan dana seperti dahulu sebab sumbangan daripada Kerajaan. Saya dengar juga kes Byram. Sebab kita mau pindah sekolah oleh kerana kena pindah sekolah dan baru-baru mereka dapat RM500 ribu daripada Kerajaan Pusat. Tapi mungkin satu dua sekolah berapa bajetnya jadi mereka dapat dan saya rasa itu tanda yang baik, samada mereka dapat di Sekolah-sekolah Tamil mungkin ada 200 Sekolah-sekolah Tamil dan juga Cina saya tidak pastilah tapi di Pulau Pinang mungkin Kerajaan Pusat ini bagi dana melalui agensi-agensi yang telah ditentukan mungkin kerana politik itulah saya minta Sekolah Byram ini jangan belanja RM500 ribu sebab you akan pindah, kalau you buat pembaharuan sekolah pun

you tidak guna. Tapi saya dengar dia sudah belanja RM500 ribu.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

YB. Dato' Yang di-Pertua, soalan saya nombor 37.

- No. 37. Senaraikan dengan terperinci (negara asal/umur/jantina/status ibu bapa dan sebagainya) kanak-kanak tanpa kewarganegaraan (*stateless children*) dalam Negeri Pulau Pinang. Huraikan polisi strategi, tindakan dan pelan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menangani isu ini agar tiada masalah-masalah timbul dari isu ini membawa impak kepada masyarakat kita pada bila-bila masa saja.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Jabatan Pendaftaran Negara tidak menyimpan rekod bagi kanak-kanak yang tiada taraf kewarganegaraan (*stateless children*). Walau bagaimanapun, Kerajaan negeri melalui Program Kewarganegaraan Pulau Pinang yang telah dilancarkan pada 1 Februari 2013 berfungsi bagi membantu individu yang tidak mempunyai kad pengenalan dengan melaksanakan tugas-tugas berikut:-

- (i) Mengumpul data dan maklumat berhubung penduduk-penduduk Pulau Pinang yang masih belum mempunyai taraf kewarganegaraan iaitu tidak memiliki sijil kelahiran, kad pengenalan atau pun hanya mempunyai taraf pemastautin tetap;
- (ii) Mengadakan perjumpaan dengan semua Pegawai-pegawai Pembantu Kewarganegaraan sekali dalam sebulan bagi mengkompilasi data dan maklumat berhubung penduduk tanpa kerakyatan bagi seluruh Pulau Pinang;
- (iii) Menyediakan laporan-laporan berkala dengan menggunakan data dan maklumat yang telah dikumpul;
- (iv) Membantu penduduk-penduduk yang masih belum mempunyai sijil kelahiran, kad pengenalan atau hanya mempunyai taraf pemastautin tetap untuk membuat permohonan secara sah dan lengkap di Jabatan-jabatan Pendaftaran Negara; dan akhir sekali
- (v) Mengatur dan mengkoordinasi dengan kesemua Pusat-pusat Khidmat ADUN-ADUN dan Ahli-ahli Parlimen di daerah masing-masing bagi tugas-tugas pelaksanaan program ini yang berkaitan.

Sejak 1 Februari 2013 hingga 31 Disember 2016, sebanyak 793 individu telah dibantu oleh Pegawai-pegawai Pembantu Kewarganegaraan dalam permohonan mereka untuk memperolehi sijil kelahiran, MyKad Biru, status kewarganegaraan dan lain-lain permohonan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Soalan tambahan. Terima kasih atas maklumat yang tersebut, saya ingin bangkit di sini bilangan kanak-kanak tanpa kewarganegaraan yang dimaklumkan *Home Ministry* di seluruh negara mungkin 290,437 orang antara satu hingga lapan belas tahun untuk tahun 2016. Memang juga sukacita bahawa Kerajaan Negeri ambil langkah untuk menangani isu ini. Kita memang faham sekarang bukan saja kategori tahap kewarganegaraan ini mungkin timbul dari warga asing yang masuk tanpa permit, sudah mula dilaporkan ada beranak dan ini mungkin akan bertambah terutamanya dibandar besar seperti Penang, KL. Di Penang mungkin di Seberang Perai terdapat banyak kes-kes macam ni. Adakah satu kalau boleh satu identiti pendaftaran diadakan dan identiti diadakan juga supaya satu program khas pendidikan atau kesihatan juga boleh diberikan kerajaan kepada kanak-kanak ini kerana tanpa sebarang sijil kelahiran mereka selalunya tidak dapat diberi khidmat yang sewajarnya seperti yang dicatatkan hak asasi manusia di bawah *United Nations Convention On Rights Of The Child* di mana kita juga ada ahli dalam perkara ini, sila huraikan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya ingat ada dua (2) soalan. Satu ialah bilangan kanak-kanak di negara ini yang tanpa kad pengenalan, tanpa silil kelahiran dan sebagainya. Saya tak pasti samada 200 ribu lebih ataupun lebih daripada itu sebab saya rasa sampai hari ini, kita tidak dapat satu maklumat yang sebenarnya tentang mereka yang tidak ada dokumen apa ini kertas-kertas identiti. Jadi inilah saya rasa dan Kerajaan Negeri jangan harap Kerajaan Negeri akan buat, cuma kita membantu mereka kita ada lima orang pegawai di tiap-tiap daerah, kita ada satu coordinatior yang mana kita membantu mereka yang datang ke pejabat

samada ADUN atau pejabat mereka masing-masing so kita membantu mereka memohon sebab kita faham bahawa ini bukan satu yang mudah, begitu rumit jadi kita bantu kita tidak boleh mohon bagi pihak mereka. Mereka memohon, mereka terpaksa pergi ke JPN dan mohon samada sijil kelahiran, kad pengenalan ataupun sijil kewarganegaraan.

Kes ini dan kita bantu iaitu di mana dia mohon kita sudah lebih saya ingat dekat lapan ratus tapi berapa berjaya, tapi yang berjaya ini saya ingat kurang daripada lima puluh, begitu sukar sekali mereka mendapat ini bukan satu senang dan kita juga cadang bahawa pihak JPN melonggarkan kalau mereka yang lahir di Malaysia longgarkan syarat supaya mereka boleh memperolehi sijil-sijil secara mudah tapi kita boleh bantu sebab permohonan proses permohonan ini adalah satu tugas kami. So jadi baru-baru ini Datuk Seri Najib juga melancarkan program, Indian Blue Print dan salah satu komponen Indian Blue Print bahawa mereka mahu supaya untuk membantu masyarakat India untuk dapat sijil kewarganegaraan asalnya mereka ini lahir di Malaysia. Tapi berapa bilangan tapi yang sedia adalah kita pun tidak tau *role of town* adalah tiga ratus ribu orang masyarakat India tidak ada sijil kewarganegaraan tapi mengikut pusat ini mungkin kurang saya pun tidak tau berapa angkanya tidak ada satu banci membuat untuk menentukan berapa bilangan, lebih kurang.

Aspek kedua ialah tentang warga asing. Warga asing ini mereka yang datang secara sah dengan dokumen adalah mereka saya ingat kebanyakan mereka ialah lelaki jadi mungkin ada syarat mereka tidak boleh membawa anak-anak mereka sini, asalkan mereka bawa keluarganya saya rasa itu bukanlah apa ini tugas Kerajaan Negeri untuk kita memang bantu tidak kira sebab dalam apa ini kerja-kerja sekarang kita bantu semua kita bantu masyarakat Melayu, masyarakat India, masyarakat Cina, masyarakat Thai dan sebagainya kita boleh bantu dari segi perikemanusiaan tapi sama ada mereka berhak untuk mendapatkan sijil atau pun identiti mereka itu saya rasa ini perlu ditentukan oleh JPN, so jadi saya faham apa ini YB. Tanjong Bunga bahawa isu ini mungkin ini memberi suatu kepada kanak-kanak mereka ini mungkin tidak bersekolah ada juga bilangan yang ada di sini tidak dapat peluang persekolahan dan sebagainya so jadi inilah satu di mana Kerajaan Negeri ini mungkin kita dapat hasrat sesuatu untuk membantu mereka walau bagaimanapun saya rasa siapa-siapa boleh pergi pejabat apa ini pegawai-pegawai kewarganegaraan dapat bantuan ini dari segi perikemanusiaan. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Final last.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Final last. Thank you. Memang saya faham apa yang dimaklumkan semua itu dari proses JPN tapi maksud saya sementara itu dijalankan kanak-kanak ini akan hidup juga dari setahun ke setahun hingga ke selama-lamanya hanya dia matilah. Tapi dia akan tinggal di Negeri kita atau Malaysia dia tak ada dokumen dia tak boleh keluar Negara dia tak boleh ke mana-mana tak boleh pergi dia akan ada di sini jadi kita harus proaktif daftarkan mereka sepenuh-penuhnya supaya kita boleh *track* apa soalan apa isu mereka ada terutamanya isu pendidikan, isu sosial kemudian isu kesihatan bila mereka sampai dua puluh tahun ke atas itu memang ada *problem* isu sosial. Itu akan menjadi isu panjang dan saya harap mungkin satu program khas seperti program ibu tunggal macam-macam boleh diadakan supaya kita kumpulkan data-data kategori ini supaya kita tangani isu ini dan Negeri kita dan berasaskan kita bermisi visi menjadikan satu kerajaan kebajikan masyarakat jadi kita kena proaktif sebelum dia jadi masalah yang besar jadi bolehkah satu pusat pengasuhan sekurang-kurangnya atau pusat pengasuhan khas diberikan atau diperuntukkan supaya kanak-kanak yang kesian dari bidang kemanusiaan dia berada di Negeri kita kita kena tangani kita tak boleh simpan dia di bawah *carpet* kita kena hadapinya dan menunjukkan kita adalah satu kerajaan yang berkemanusiaan dan juga mau bagi kebajikan kepada semua manusia. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Saudara Yang Berhormat daripada Tanjung Bunga seorang betul-betul globalis. Dia tak kisah sempadan, tak kisah keturunan agama dan sebagainya saya rasa itu satu yang saya terima tapi walau bagaimanapun saya rasa kuasa Kerajaan Negeri sangat terhad dalam hal ini, kita sebenarnya tak ada kuasa mungkin kita boleh daftar siapalah kita untuk daftar mereka, kalau kemasukan pekerja asing atau pun pekerja tanpa dokumen ini adalah rekod simpanan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan so kalau mereka ini masuk Negara ini mereka merupakan kedudukan mereka adalah haram dari segi undang-undang tapi kita perlulah melihat perkara ini daripada segi kebajikan dari segi bagaimana kita boleh bantu mereka jadi apabila kita membantu mereka macam mana kita mau bantu mereka apabila mereka kedudukan mereka ini tidak diterima dari segi undang-undang so adalah masalah *legal* dan sebagainya jadi sebab itu saya mau ulang lagi pejabat kita di lima daerah pegawai kita ini telah dihasilkan kalau kita boleh, kita juga apa ini pergi boleh bantu siapa-siapa yang datang ke pejabat kita. Tapi kalau mereka adalah pendatang tanpa dokumen ini begitu sukar untuk mereka kita tidak boleh bawa mereka ke mana-mana kalau kita simpan rekod macam mana kita mau simpan rekod, tidak ada passport, tidak ada dokumen macam mana kita mau rekodkan butir-butir mereka jadi saya rasa kalau mereka ini adalah merupakan sebagai *refugee* mungkin mereka boleh pergi kepada UNISEL boleh bagi kad mereka, supaya kad mereka walau pun mereka tidak boleh bekerja, tapi kerajaan sentiasa mungkin dia tutup satu mata mereka boleh kerja sebab kita tidak ada satu dasar tentang *refugee* ini cumalah apa ini baru-baru kita dah kita mau bagi status *refugee* kepada Rohingya saya itu pun belum capai lagi, so *below of official policy this country* jadi balik kepada soalan tadi pada Yang Berhormat saya faham tapi tangan kita pun diikat Kerajaan Negeri boleh ikat sebab satu kita tak ada kuasa, satu kalau kita mau daftar pendatang atau pun pendatang asing tanpa dokumen ini saya rasa macam mana kita mau daftar kalau kita tidak dapat butir-butir yang boleh terima sebagai sah dan kita pun tidak boleh dapat apa-apa kerjasama kalau kita panggil Imigresen dia akan tahan mereka.

Jadi itulah apa ini saya tidak mengelak soalan tadi tapi walau bagaimana pun saya rasa saya sentiasa pegawai-pegawai kewarganegaraan laporkan kepada saya dalam mesyuarat macam-macam isu ini mereka bawa kepada saya. Jadi kita bantu mereka kalau kita tidak boleh bantu mungkin kita akan beri nasihat kepada mereka pergilah sini sana dan sebagainya. Dan saya dah faham bahawa kanak-kanak mereka ini mereka datang tanpa izin, tanpa dokumen mana sekolah mereka mau pergi rakyat sendiri pun kalau mereka tidak ada dokumen sekolah-sekolah pun tidak benarkan mereka datang walau pun ibu bapa mereka warganegara Malaysia kalau mungkin kesilapan JPN atau kesilapan mana-mana pihak kalau mereka tidak ada IC, tidak ada sijil mereka tidak dibenarkan daftar ke sekolah. Ada banyak kes macam itu kadang-kadang kita pun rasa kita sendiri pun tidak boleh jaga apa ini rakyat Malaysia macam mana kita mau jaga rakyat daripada luar negeri yang datang tanpa rekod. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya terima kasih YB. Perai, saya ingin mempersilakan soalan 38 dari Penaga, memandangkan YB. Penaga tak ada dalam Dewan, soalan akan dilangkaukan. Seterusnya YB. Permatang Berangan. Memandangkan YB. Permatang Berangan pun tak ada dalam Dewan, soalan terus dilangkau. Saya ingin persilakan YB. Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, soalan saya soalan 40.

- No. 40. (i) Status Pasar Mount Erskine yang usang dimaklumkan kepada ADUN kawasan bahawa akan diubah suai dengan keseluruhan ataupun buat pindaan pada tahun 2016, apakah statusnya sekarang?
- (ii) Kenapa sampai sekarang rancangan ubah suai yang sepatut pada tahun 2016 tidak dilaksanakan?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh YB. Kebun Bunga tapak Penjaja Mount Erskine ini terletak di atas tanah simpanan jalan bagi tujuan pelebaran jalan di kawasan berkenaan. Buat masa ini Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecil ke atas kerosakan sepanjang tahun 2016.

Kedua, antara sebab pembaikan tidak dapat dinaik taraf secara menyeluruh adalah kerana terdapat kerja-kerja pembangunan unit kediaman di kawasan berkenaan yang akan menggunakan jalan dan laluan tapak penjaja berkenaan. Sepertimana saya kata tadi, ia terletak dalam simpanan jalan.

Terdapat satu pemaju yang telah dikenakan syarat bagi menyediakan tapak penjaja dalam pemajuan kediaman sekitar kawasan berkenaan. MBPP dalam perancangan untuk memindahkan sebahagian peniaga di Tapak Penjaja Mount Erskine ke tapak baru yang akan disediakan oleh pemaju yang dikenakan syarat oleh MBPP.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Soalan tambahan saya adalah, saya berterima kasih kepada maklumat yang diberi tetapi penduduk di sana masih kita tau masih perlukan pasar yang diubah suai dan diupgradakan bolehkan Padang Kota memberi tahu kepada kita selain daripada ada rancangan dengan ada syarat untuk sesuatu pemajuan untuk membantu membina atau pun menyediakan tapak tersebut adakah *time frame* kah atas ini kerana soalan yang ditanya beberapa penggal yang lalu nampak dengar ada *time frame* tapi pada jawapan yang sekarang ini tak berapa *clear* tak ada *time frame* dekat jangka masa berapa oleh itu saya boleh jawab kepada orang tempatan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih sekali lagi kepada Dato' Yang di-Pertua, dua daripada projek di kawasan ini adalah diluluskan pada tahun 2014 dan saya percaya masih dalam pembinaan dan akan siap dalam dua atau tiga tahun atau pun kemudian. Untuk menangani isu-isu di tapak mungkin saya boleh arahkan MBPP untuk melihat apa-apa kerja pembaikan yang masih perlu ditapak, supaya sekurang-kurangnya dalam tempoh peralihan ini keadaan di pasar Mount Erskine dapat diperbaikilah.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Padang Kota. Saya ingin mempersilakan YB. Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Soalan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah soalan 41.

No. 41. Pelan Induk Pengangkutan bertujuan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang. Apakah status pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan sehingga kini?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua untuk menjawab YB. Batu Uban, berhubung dengan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang. Status terkini adalah seperti berikut.

- (i) Penyediaan laporan Environmental Impact Assessment bagi Bayan Baru Light Rail Transit atau LRT. Kini diperingkat akhir dan dijangka akan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk pertimbangan pada penghujung bulan Mei tahun ini. Iaitu sedikit masa lagi.
- (ii) Kedua, bagi projek LRT skim rail iaitu rail skim, Bayan Lepas LRT telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat atau SPAD pada 29 Mac tahun lalu. Dan masih dalam penelitian pihak SPAD. SPAD kini juga dalam proses penyediaan Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Utara, yang dijangkakan akan siap pertengahan tahun 2018. Justeru kelulusan Skim Rail LRT ini yang kita kemukakan tertakluk juga kepada persiapan Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Utara ini.
- (iii) Ketiga, laporan kajian terperinci impak alam sekitar bagi projek LRT ini yang disediakan oleh Kerajaan Negeri adalah komprehensif yang merangkumi sebanyak 8 komponen, iaitu kajian bunyi, pemodenan dan langkah-langkah kawalan atau *noise measurement*. Kajian impak sosial, kajian penghakisan, kajian impak trafik, kajian keselamatan awam. Kajian impak visual, kajian dan pencemaran air dan kajian pencemaran udara. Sekian.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Soalan tambahan. Satu pasukan bernama *Penang Transport Council* ditubuh oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk kaji cadangan *Penang Transport Master Plan*. Adakah cadangan dari ini PTC diambil pertimbangan oleh Kerajaan Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Mesyuarat yang diadakan oleh *Penang Transport Council* sama ada dalam mesyuarat rasmi ataupun kemudiannya melalui bengkel-bengkel yang menyemak dokumen-dokumen adalah diambil maklum oleh pihak Kerajaan Negeri dan akan dipertimbangkan cadangan-cadangan untuk lihat kesesuaian untuk diterapkan dalam rancangan kemudian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Padang Kota. Saya terus ingin masuk ke soalan 42. Soalan YB. Permatang Pasir. YB. Permatang Pasir tidak ada dalam Dewan, soalan dilangkau. Soalan 43, soalan YB. Teluk Bahang, YB. Teluk Bahang juga tiada dalam Dewan. Soalan dilangkau. Soalan 44. Soalan YB. Pinang Tunggal, YB. Pinang Tunggal telah pun mengambil cuti sakit. Soalan dilangkau. Soalan 45, soalan YB. Pulau Tikus. YB. Pulau tikus tiada dalam Dewan, Soalan dilangkau. Seterusnya soalan 46, YB. Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima Kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya soalan 46.

- No. 46. Senaraikan kes bunuh diri yang berlaku di Pulau Pinang mengikut jantina, umur dan kaum sejak tahun 2014 sehingga kini. Apakah punca-punca berlakunya penambahan kes bunuh diri serta apakah usaha yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri dalam menangani masalah yang semakin serius?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Soalan 46. Terima Kasih kepada YB. Machang Bubuk. Maklumat yang diperolehi oleh daripada Polis DiRaja Malaysia bagi kes-kes bunuh diri di Pulau Pinang mengikut jantina, umur kaum sejak tahun 2014 hingga 2017 adalah seperti berikut.

Kes-kes bunuh diri bagi pecahan 9 bangsa ataupun warganegara utama dan jantina dari tahun 2014 hingga 2017 adalah seramai 118 orang. Melibatkan 93 lelaki dan 25 wanita. Butiran penuh bagi bangsa, warganegara bagi tempoh tersebut adalah seperti dilampiran yang akan diberikan kepada Yang Berhormat dan akan diletakkan diatas meja selepas sesi ini. Manakala bagi kes-kes bunuh diri yang melibatkan 118 orang tersebut dan pecahan bangsa, warganegara dan umur pula dari tahun 2014 hingga 2017 adalah seperti dilampiran seterusnya lampiran B. Adalah didapati mereka terlibat bunuh diri adalah dikalangan berumur 19 hingga 44 tahun. Seramai 80 daripada 118 orang atau 68%. Pecahan mengikut umur ini adalah seperti dilampiran B dan akan diedarkan kepada Yang Berhormat.

Punca-punca bunuh diri bagi kesemua 118 kematian daripada tahun 2014 hingga 2017 boleh diklasifikasikan kepada 6 kategori. Punca masalah keluarga, jumlah keseluruhan 4 tahun tersebut adalah empat orang. Tahun 2014 ada satu orang. Tahun 2015 dua orang. Tahun 2016 satu orang. Tahun 2017 tiada. Kedua punca masalah hutang, tahun 2014 ada satu orang, tahun 2015 satu (1) orang, tahun 2016 satu (1) orang dan tahun 2017 tiada. Jumlah tiga (3) orang....gangguan). Terima Kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

YB. Dato' Yang di-Pertua. Terima Kasih YB. Pantai Jerejak, jadi tadi kata hanya ada dua (2) kategori sahaja. Empat (4) kategori ada enam (6) kategori.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya sambung untuk habiskan kategori ketiga adalah sakit jiwa. Tahun 2014 ada tiga (3) orang, tahun 2015 dua (2) orang, tahun 2016 tiada, tahun 2017 juga tiada. Jumlahnya lima (5) orang.

Yang keempat selisih faham dengan teman lelaki dan juga ataupun teman wanita. Ini juga merupakan satu yang direkodkan sini. Tahun 2014 tiada, Tahun 2015 tiada, tahun 2016 ada dua orang, tahun 2017 tiada. Jumlahnya dua (2) orang.

Punca tekanan perasan tahun 2014 satu (1) orang, tahun 2015 dua (2) orang, tahun 2016 tiga (3) orang, tahun 2017 satu (1) orang. Jumlah keseluruhan tujuh (7) orang.

Dan yang keenam. Sebab-sebab yang tidak diketahui, tahun 2014 tiga puluh orang, tahun 2015 dua puluh sembilan orang, tahun 2016 dua puluh empat orang, tahun 2017 empat belas orang. Jumlah Keseluruhan 97 orang. Jadi keseluruhan pada tahun 2014 keenam-enam kategori tersebut 36 orang. Tahun 2015 keseluruhan 36 orang. Tahun 2016 keseluruhan 31 orang, tahun 2017 lima belas orang. Jumlahnya menurun. Jumlah 118 keseluruhannya.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta maaf. Saya cuba nak minta Yang Berhormat untuk mengulangi kes-kes yang membunuh diri akibat putus hubungan teman lelaki dan wanita. Putus cinta kira tu. Berapa kategori dan boleh diberitahu. Saya tertarik.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Itu kategori ke-4. Punca dia selisih faham dengan teman lelaki dan wanita hanya pada tahun 2016 ada 2 orang sahaja, tahun 2014 tiada, tahun 2015 tiada, tahun 2017 tiada. 2 kes pada tahun 2016. Terima Kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan tambahan saya macam mana Yang Berhormat dapat maklumat ini dan mengesahkan bahawa bila akibatnya orang itu bunuh diri. Terutamanya kalau perselisihan faham dengan teman lelaki dan teman wanita kerana orang itu telah bunuh diri. Cuma saya, bukan saya nak pertikaikan cuma hendak tahu bagaimana kita mengesahkan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jawapan permulaan Polis Diraja Malaysia yang bagi.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Soalan tambahan. Terima Kasih Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. YB. Pantai Jerejak sudah habis baca semua atau masih ada lagi...(gangguan). Sebab saya...(gangguan) rasa YB. Seri Delima selalu mencelah bila...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Akibat kematian perselisihan faham dengan teman lelaki dan wanita.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya izin YB. Pantai Jerejak mungkin bacakan statistik.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

So, Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri soalan belum tanya lagi.... (gangguan).

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya hendak habiskan statistik ini.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Yes. Yes.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Untuk pecahan bangsa ataupun warganegara serta jantina. Yang itu saya sebutnya ada Melayu, Cina, India, Nepal, Bangladesh, Indonesia, Myanmar, Vietnam dan Thailand. Ini antara pecahan bangsa, ada dalam rekod tersebut. Maknanya bukan bangsa melayu cina india sahaja tetapi termasuk bangsa-bangsa daripada luar negara juga. Kemudian juga kes bunuh diri mengikut pecahan bangsa warganegara dari umur, peringkat umur pun ada juga ada statistik ini dari pelbagai bangsa Melayu, Cina, India, Nepal, Bangladesh, Indonesia, Myanmar, Vietnam dan Thailand. Semua akan di berikan kepada Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima Kasih YB. Pantai Jerejak. Dato' Yang di-Pertua, saya ada soalan tambahan. Tadi Dato' Pantai Jerejak ada menyebutkan tentang kes bunuh diri yang sebab-sebabnya tidak diketahui dan ia merangkumi satu bilangan yang agak besar yang ada 6 kategori itu yang salah satu sebab yang tidak diketahui adalah bilangan yang paling banyak, maksudnya orang itu bunuh diri dikategori sebagai bunuh diri tetapi tidak tahu sebabnya. So ini adalah satu persoalan yang agak membimbangkan kerana keadilan dan kebenaran tidak tahu kenapa seseorang itu mati atau meninggal dunia atau tiada siasatan-siasatan yang dapat mengkategorikan dia sebagai tidak diketahui. So, saya hendak tanya samada kes-kes yang seperti ini adakah ia disiasat dengan sepenuhnya atau ia hanya diletakkan satu kategori untuk memudahkan sebagai macam *Exit Closure* untuk membuat anggapan bahawa orang itu bunuh diri sahaja tanpa sebab. Tapi kita semua tahu memang tidak ada seorang pergi membunuh diri tanpa sebab kecuali sakit jiwa. So, saya rasa nombor ini agak membimbangkan dan saya juga hendak tahu samada pihak Polis ada mengemukakan apa-apa siasatan susulan atas sebab-sebab tidak diketahui itu. Atau mereka dibiarkan mati begitu sahaja.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Data yang kami terima adalah memang daripada siasatan, hasil siasatan dari Polis Diraja Malaysia memang kita ambil maklum kerana daripada kelima-lima kategori diatas memang jelas masalah keluarga memang dinyatakan, masalah hutang, sakit jiwa, selisih faham dengan teman lelaki dan wanita, tekanan perasaan. Tetapi data ini memang tidak dinyatakan rekod seperti ini. Jadi saya juga mengambil kesempatan ini untuk pastikan PDRM harus memberi pecahan yang details supaya kita boleh selesaikan masalah dipunca sebab apa pembunuhan diri tersebut berlaku.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya ingin persilakan YB. Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

YB. Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor 47.

No. 47. Nyatakan jumlah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi permohonan skim bantuan penyelenggaraan rumah bertingkat HAPPY sejak diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri? Sila huraikan dalam pecahan mengikut tahun dan daerah?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima Kasih YB. Dato' Speaker, YB. Sungai Pinang, Dato' Speaker saya (mohon izin) supaya saya jawab sekaligus soalan 47 dengan 63 yang merangkumi perkara yang sama iaitu berkenaan Tabung HAPPY.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Semangnya ucapan gulung saya telahpun sentuh secara terperinci HAPPY ini tapi saya akan ringkaskan semula kerana ada soalan lisan yang dinyatakan. Berkenaan Sungai Pinang yang ditanya ialah berapa jumlah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri *is actually a good question because it was answered in my gulung* yang saya nyatakan dalam gulung saya berkenaan HAPPY. HAPPY adalah tabung yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menampung baki 10% dan 30% yang terpaksa dibiayai oleh penghuni-penghuni skim-skim Kos Sederhana Rendah dan Kos Rendah. Tapi ia hanya dapat disalurkan sekiranya terlebih dahulu Kerajaan Pusat menyalurkan dana melalui Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M). Semalam saya dah nyatakan dan angka-angka ini semua dalam minda saya. Saya tak perlu baca. Saya begitu marah selalu apabila kita sentuh isu HAPPY. Kerana saya *unhappy*. Dato' Speaker. HAPPY ini diperkenalkan tahun 2012 apabila TP1M diperkenalkan. Sejak itu Negeri Pulau Pinang kita sudah pun ada....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

2013.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Sejak itu kita sudah pun ada, daripada kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan kerana permohonan untuk mana-mana peruntukan di bawah TP1Malaysia mesti melalui Pihak Berkuasa Tempatan iaitu MBPP dan MPSP dan kita sudah pun ada 143 permohonan di kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan tersebut.

Semalam saya sudah beritahu daripada 143 permohonan, permohonan ini untuk projek kritikal, bukan untuk memperbaiki wajah sesuatu skim perumahan, bukan, kritikal untuk *lift*, orang hendak naik ke tingkat 15, warga emas terpaksa jalan, tidak ada *lift*, tangki air bocor, air yang kita minum tidak boleh diminum. Itu perkara di bawah TP1Malaysia 143 permohonan Dato' Speaker. Semalam saya sudah kata, berapa yang diluluskan? Cuma 29 sahaja, semalam saya juga kata untuk 2016. Kosong, satu pun tidak diluluskan. Bukan sahaja di Negeri Pulau Pinang tetapi di lapan (8) negeri lain di Malaysia. Yang mengejutkan sekali, semalam saya ada di sini, YB. Telok Bahang sudah kata dia akan cadangkan supaya menjemput saya, *in fact it was* YB. Pulau Betong yang kata ada Majlis Tindakan untuk pihak Seberang yang membincangkan isu-isu penting. Semalam apabila saya bangkitkan isu-isu ini, seperti HAPPY ini, apakah yang berlaku pada TP1Malaysia, mengapakah ia tidak bergerak dan tahun 2016 satu permohonan pun tidak diluluskan. Yang mengejutkan saya beritahu semalam tahun 2013, RM30 juta, 2014 RM40 juta, 2015 RM50 juta, tiba-tiba 2016 RM3.98 juta, 92.5% *drop, my friends over there what is happening?* Di mana dana, Kerajaan Pusat tidak ada duit lagi? Itu perlu dijawab.

Saya berbalik kepada soalan YB. Sungai Pinang yang bertanya beri pecahan bagaimana HAPPY dibelanjakan? *Of course as I said just now, 29 projects were approved but of course it ended in 2015. For your information, Dato' Speaker, our contribution* ataupun dana kita yang disalurkan melalui HAPPY, 29 projek itu melibatkan Sungai Pinang, perbelanjaan sebanyak RM4,739,241.60 *for the 29 projects approved*. Untuk tahun 2015 di Daerah Barat Daya, RM9,610.00, di Daerah Seberang Perai Tengah RM44,856.10, *total for 2015 ...*(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

2013.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

*Sorry, 2013, Dato' Speaker you are right, total for 2015 is RM54,466.10 for 2013. For 2014, untuk Daerah Timur Laut ada RM1,156,900.00 untuk Barat Daya ada RM133,720.00 untuk Seberang Perai Utara ada RM1,122,000.00 yang membawa kepada jumlah keseluruhan RM2,412,620.00, untuk tahun 2015 di Daerah Timur Laut kita ada RM265,000.00 dan Barat Daya kita ada RM702,655.50, untuk Seberang Perai Utara kita ada RM277,250.00 dan untuk Seberang Perai Tengah untuk tahun 2015 juga kita ada RM646,750.00 yang membawa jumlah keseluruhan untuk tahun 2015 RM2,092,155,000.5. Untuk satu projek yang diluluskan TP1Malaysia pada tahun 2015, tadi saya kata pada tahun 2016 tidak ada projek yang diluluskan dan ini adalah jawapan dari Menteri, *but in 2015, at the end, there was one project by TP1Malaysia which we* salurkan kepada HAPPY tetapi penyaluran berlaku pada 2016, *but it was not a project approved in 2016, that was* Daerah Barat Daya RM180,000.00 *so the entire sum as I said just now is RM4,739,241.60.**

Untuk YB. Sungai Pinang, peruntukan yang disalurkan pada tahun 2016 yang saya nyatakan tadi adalah untuk Projek Perbadanan Pengurusan Sinar Bukit Dumar, Blok 96, *I think that is your area* yang telah diluluskan TP1Malaysia pada tahun 2015.

Saya beralih sekarang kepada YB. Batu Uban kerana juga menyatakan tentang isu HAPPY. Soalan senang, tepat dan betul tetapi apabila saya jawab soalan HAPPY dari YB. Batu Uban saya memang *unhappy* kerana soalan yang ditanya tentang sama ada boleh kos sederhana rendah dan kos rendah ini *apply* untuk skim HAPPY dan ada dirujuk secara khas Seri Villa Kenangan di Kampong Batu Uban. Memang boleh YB. Dr., memang boleh tetapi kalau tidak terima dari TP1Malaysia, maka kita tidak boleh salurkan dana dari HAPPY ini dan saya telah nyatakan semalam dalam sesi penggulungan dan saya hendak ulangi sekali lagi sekarang, memandangkan prestasi begitu buruk di dalam penyaluran dana daripada TP1Malaysia, saya telah mohon kepada Kerajaan Negeri supaya dana dalam HAPPY di *transfer* kepada dana 80/20 supaya saya boleh guna dana itu untuk membantu projek-projek seperti Seri Villa Kenangan ini. Jadi bila HAPPY tidak bergerak langsung, saya minta YB. Batu Upan *apply direct* kepada 80/20, saya tengok bagaimana saya boleh bantu. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan YB. Datuk Keramat. *Instead of you transfer* duit itu dari HAPPY ke tabung yang lain, kenapa tidak gunakan HAPPY ini dan ubah polisinya supaya dalam kes-kes tertentu di mana ada keperluan mendesak seperti kerosakan lif atau pun tangki air bocor, seperti mana Yang Berhormat cakap tadi, gunakan duit HAPPY itu untuk menyelesaikan masalah yang cukup mustahak itu dahulu. *Instead of you transfer* duit tetapi *you* ubah polisi HAPPY untuk tujuan seperti itu. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih YB. Pulau Betong, *actually* apa yang kita transfer duit itu adalah daripada tabung penyelenggaraan satu lagi di mana ianya di bawah bidang kuasa Negeri di mana ianya digelar sebagai tabung maksimum 80/20 iaitu untuk projek-projek kritikal seperti kerosakan lif dan sebagainya, kita boleh bagi 80% maksimum tetapi 20% terpaksa keluar dari poket penghuni. *Rather than the money park in HAPPY, several years* RM3 juta setahun Negeri bagi tetapi *burn* sahaja kerana TP1Malaysia is *not forthcoming. Unfortunately due to the prestasi* buruk seperti yang saya sudah katakan semalam Dato' Speaker, *this year 2017, we only got RM1million but at least I got RM1million and it goes to AP20 and definitely at least I can use that AP20 to assists. In fact yesterday I already said, I think YB. Pulau Betong is not here, for your information, every year , under 80/20 which is for critical projects including lifts and tangkir air dan sebagainya, I only get RM2.8 million. So this year plus 1million from HAPPY I got RM3.8 million. For your information, I have already up to date, I just want to repeat because it is very important, up to date as for April 27, 2017 I have 11 applications* yang saya lulus di bawah 80/20 for all critical projects. 11 projects ini bernilai RM1.57 juta, my tabung, what I have to play with, to assist all these schemes now, RM2.8 + 1 is RM3.8 million but don't forget yang lulus 11 itu RM1.57 tetapi ada pending 13 lagi projek, 13 projek ini bernilai RM3.8 juta as of today, saya ada lagi 6-7 bulan.

There will definitely be more applications and YB. Batu Uban is already looking at me because I just invited him just now and it is going to increase. Dato' Speaker, actually the total figure is RM5.37 juta as of today and my fund is only RM3.8. The point is, that is why yesterday I said what happens to TP1Malaysia because if TP1Malaysia is there, it can assist us, we need that assistance as well. So I think that is all I have to say, in fact I implied even members from Seberang kalau perlu mari jumpa saya. Saya akan bantu, kalau you sendiri tidak boleh bantu, Kerajaan Pusat tidak boleh bantu di bawah TP1Malaysia, Kerajaan Negeri akan bantu di bawah 80/20. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat. Permasalahan pengurusan bangunan perumahan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah dan kebergantungan kepada dana Kerajaan Pusat mendedahkan permasalahan untuk Negeri Pulau Pinang ini yang kita nampak hanya akan menjadi lagi teruk pada tahun-tahun hadapan. Sebenarnya kita kena tengok penyelesaian dari segi jangka masa panjang. Ianya mencungkilkan permasalahan yang telah berlarutan sekian lama di mana kalau kita bandingkan pengurusan bangunan atau pun perumahan bukan kos rendah dan bukan sederhana rendah berbanding dengan rendah dan kos sederhana rendah menunjukkan bahawa tidak ada *self help...*(dengan izin). Ini *evidence*, boleh dibuktikan dengan hutang yang besar yang tidak dapat dikutip melalui bayaran perkhidmatan. Penghuni-penghuni ataupun pemilik-pemilik bangunan rumah-rumah ini tidak mahu membayar bayaran perkhidmatan, tambahan pula tidak diuruskan dengan baik sebab tidak ada Perbadanan Pengurusan (JMP) dan sebagainya. Ini menambah lagi masalah mereka, kalau ada JMP yang kukuh dan kuat, mereka boleh kutip daripada bayaran perkhidmatan, *service charges* dan membantu mengurus. Sepatutnya *sinking fund* yang dikutip oleh pemaju juga boleh digunakan untuk menyelenggara bangunan. Persoalannya di sini bagaimanakah kita akan menyelesaikan, selain dari berharap kepada peruntukan Pusat, bagaimana dapat kita selesaikan secara *long term*, jangka masa panjang permasalahan ini kerana ia akan menjadi semakin teruk di masa-masa hadapan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar. *In fact, point* yang dibangkit oleh YB. Telok Ayer Tawar itu begitu betul. Saya telah menyatakan di sidang DUN yang dahulu, *the ideal level* adalah supaya kutipan penyelenggaraan adalah sempurna, *but we are having a problem especially* di skim-skim kos rendah dan kos sederhana rendah di mana kutipan mungkin *just about 50% and that is the reason why* Kerajaan Negeri and also Kerajaan Pusat *come out with this type of* tabung to assist these golongan yang berpendapatan rendah yang tinggal di skim-skim kos rendah dan sederhana rendah. *Of course coming back to what* YB. Telok Ayer Tawar kata, apakah pelan jangka masa panjang, *we have to have a plan, I totally agree with you. In fact what we have done is through the COB's.* Kita ada banyak program dan rancangan penyedaran. Program dan rancangan penyedaran di mana kita masuk ke dalam skim-skim ini

I was in Padang Lalang area, PPR flat in Desa Wawasan very bad kutipan but we advice them, mengapa kita bagi kesedaran kenapa kita kutip untuk kebaikan kamu sendiri bukan untuk kita dapat apa-apa untung atau sebagainya. Untuk kebaikan sendiri. So we will continue with especially kos rendah, kos sederhana rendah, even the PPR. So that we can instill some awareness in them.

But I think Dato' Telok Ayer Tawar, at the end of the day, Kerajaan Pusat and Kerajaan Negeri, we are on the same pitch where this is concern because kita tahu skim-skim seperti ini kos rendah, kos sederhana rendah mereka memerlukan bantuan daripada kita. That is why come back to at the end of the day sampai kita achieve ideal tersebut, skim-skim tabung-tabung ini wujud Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia, tabung 80/20 di negeri Pulau Pinang. Question is, before we come to that ideal day, where is the money in TP1M. Yesterday I heard Telok Bahang said dia mau jemput ataupun akan cadang jemput saya kepada Majlis Tindakan. I hope that this will happen and when I come, i want that will be the top of the agenda. We must answer the question. Where is the money that TP1M is concern. Thank you.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Datok Keramat. Saya nak minta...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih. Saya berterima kasih lah atas tabung penyelenggaraan di mana telah membantu banyak PPR di kawasan saya tetapi memandangkan skim-skim di kawasan itu adalah skim-skim kos rendah dan sederhana rendah, mereka menghadapi masalah untuk membayar 20% itu dan lagi saya nak cadangkan adakah Kerajaan Negeri supaya meminta daripada Kerajaan Pusat, bolehkah mereka menyerap GST selain daripada 20% itu untuk penyelenggaraan seperti lif, memakai berpuluh-puluh ribu, beratus-ratus ribu dan 20% itu adalah satu jumlah yang besar kepada skim-skim perumahan rendah. Jadi, tambahan GST adakah kemungkinan apakah pandangan YB. Datok Keramat supaya boleh meringankan beban penduduk-penduduk di seluruh negeri. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih YB. Sungai Pinang di atas soalan ini. *In fact, I think* Sungai Pinang hadir bersama dalam Jawatankuasa saya yang mempertimbangkan permohonan-permohonan di bawah 80/20 ini dan isu ini saya telah bangkit lama kerana ini adalah projek kritikal. *Very good point. Very good question. This are critical project* pun kita perlu bayar GST. Yang tidak masuk akal dan *in fact* saya telah mohon Pegawai Kewangan yang hadir juga dalam jawatankuasa ini, yang mempertimbangkan permohonan-permohonan di bawah 80/20 ini untuk menulis satu surat kepada Kementerian, minta sama ada boleh dipertimbangkan *I think I have mention that* supaya GST tidak dikenakan kepada projek-projek kritikal kerana tak masuk akal. *This is* projek yang membantu rakyat. So, saya setuju keseluruhannya dengan YB. Sungai Pinang dan saya akan *follow up* dengan Pegawai Kewangan untuk *follow up* dengan Kementerian berkenaan dengan isu ini. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Datok Keramat, saya ingin jemput YB. Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

YB. Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan 48.

- No. 48. (i) Apakah benar MPSP dan MBPP akan melaksanakan kerja-kerja pembersihan taman dan kawasan melalui tender kepada syarikat yang terpilih?
- (ii) Bagaimana dengan kedudukan pekerja-pekerja kontrak MPSP/MBPP, adakah dikekalkan atau ditamatkan?
- (iii) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam membela nasib pekerja-pekerja kontrak kini?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan-soalan dari YB. Sungai Dua, ada tiga (3) bahagian. Pertamanya kerja-kerja pembersihan MPSP akan di *outsource* kepada syarikat kontraktor tetapi hanya melibatkan pembersihan jalan-jalan negeri serta jalan-jalan bandaran yang berdaftar dengan sistem maklumat rekod-rekod jalanraya Malaysia atau MARRIS sahaja. Tender bagi kerja-kerja ini akan diiklankan secara terbuka pada bulan Jun ini dan pemilihan kontraktor akan dibuat secara telus.

Pelaksanaan kerja-kerja pembersihan taman rekreasi awam MPSP dilaksanakan secara dalaman oleh kakitangan MPSP sediada. Taman rekreasi awam juga diselenggara oleh syarikat korporat melalui program *Public, Private, People, Partnership (4P's)* yang mana syarikat-syarikat korporat menaja projek-projek untuk tempoh seperti yang dipersetujui. Manakala MBPP pula, melaksanakan kerja-kerja pembersihan taman dan kawasan melalui tender kepada syarikat yang terpilih untuk kawasan-kawasan yang tertentu sahaja dan untuk kawasan yang tidak dilantik kontraktor, MBPP akan menggunakan khidmat pekerja awam yang untuk melaksanakan projek-projek pembersihan taman dan kawasan.

Kedua, Kerajaan Negeri telah memberi komitmen kepada pekerja-pekerja kontrak MBPP dan MPSP. Tidak akan ditamatkan kerja mereka kecuali kerja-kerja kontrak yang melanggar peraturan dan dikenakan tindakan tatatertib seperti lazimnya. MPSP mengesahkan tiada pekerja kontrak akan ditamatkan kontrak mereka selepas kerja-kerja *outsourcing* ini kepada syarikat kontraktor sepertimana dijawab tadi. *Redeployment* pekerja yang sedia ada akan dibuat dengan menempatkan semula pekerja-pekerja ini ketugasan-tugasan lain ataupun ke kawasan-kawasan lain yang lebih memerlukan dalam kawasan MPSP.

Ketiga, Kerajaan Negeri sentiasa membela kebajikan kakitangan sama ada kakitangan kontrak ataupun kakitangan tetap. Antara langkah-langkah yang diambil ialah dengan kemukakan permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam atau JPA bagi mewujudkan beberapa jawatan tetap bagi membolehkan pekerja kontrak ini diserap ke jawatan tetap ini. Di samping itu, Kerajaan Negeri turut memanjangkan beberapa kemudahan yang dinikmati oleh kakitangan tetap kepada kakitangan kontrak seperti berikut:

- (a) memanjangkan kemudahan rawatan di klinik-klinik panel Pihak Berkuasa Tempatan secara percuma,
- (b) memanjangkan skim insurans berkelompok kepada semua kakitangan kontrak,
- (c) pemberian insentif elaun khas sebanyak RM200 setiap bulan kepada kakitangan kontrak PBT yang menjalankan kerja-kerja 3D iaitu *dirty, difficult and dangerous*.

Malah Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2, tahun 2016 yang digunapakai oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan membolehkan pegawai-pegawai lantikan kontrak menikmati kemudahan seperti berikut:

- (a) kadar kelayakan cuti rehat tahunan bagi pesara kerajaan yang dilantik secara kontrak adalah berdasarkan kadar kelayakan sehari sebelum bersara.
- (b) Pegawai yang telah berkhidmat secara kontrak tidak kurang 4 tahun boleh diluluskan cuti haji bergaji penuh tidak lebih 40 hari sepanjang tempoh perkhidmatan kerajaan.
- (c) Pegawai lantikan kontrak yang tidak layak kemudahan cuti haji bergaji penuh boleh dipertimbangkan cuti tanpa gaji tidak melebihi 40 hari untuk tujuan mengerjakan haji dengan syarat pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun.
- (d) Kemudahan cuti tanpa rekod selama tiga hari berturut-turut bagi urusan kematian ahli keluarga terdekat.
- (e) Kemudahan cuti isteri bersalin sejumlah 7 hari cuti tanpa rekod dan dihadkan kepada 5 kali sepanjang tempoh perkhidmatan.
- (f) Cuti rehat yang dibenarkan untuk tujuan pemberian wang tunai sebagai gantian cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan adalah 15 hari atau separuh dari kadar cuti rehat yang berkecukupan pada tahun berkenaan. Sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Padang Kota.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih. Soalan tambahan. Untuk makluman Dewan saya pernah bertanya dahulu tentang perbezaan kos diantara tender atau pun *outsourcing* kerja-kerja pembersihan dengan dilaksanakan sendiri oleh pihak Majlis, pihak MPSP dan sebagainya. Dan jawapan daripada Padang Kota pada masa itu kos adalah lebih tinggi bila kita buat sendiri. Jadi satu soalan apa rasionalnya kita laksana sendiri sedangkan kosnya lebih tinggi dan saya juga nak ucap terima kasih kerana dibentangkan secara *detail* cuma saya ada satu masalah tentang pekerja MPSP yang sering jumpa dengan saya. Mungkin *geng* ni ada masalah.

Tapi saya rasa cara tindakan itu macam tidak berapa kena. Bila dia tidak bekerja, dia kata mungkin dia tak mai kerja, dia kena tindakan disiplin lepas itu arahan yang diberikan dia kena datang kerja berturut-turut tak boleh cuti dah. Kalau cuti sakit dan sebagainya, dia tak boleh cuti dia akan tempoh sarat dia kena mai kerja penuh tu ditambah lagi. Jadi saya rasa ini kalau betul lah satu tindakan yang saya rasa membebankan pekerja itu. Dia dah tak mai kerja mungkin dia ada sebab dan alasan. Dia kena tindakan disiplin, dia terpaksa datang kerja berturut-turut lepas itu tanpa cuti. Jadi soalan saya nak tanya betulkah tindakan yang macam ini. Saya rasa macam tak berapa nak kena tindakan yang membebankan dan memberi satu tekanan kepada pekerja yang tak mai lepas tu dia terpaksa tak boleh cuti kena datang kerja berterusan. Kalau tidak dia akan diambil tindakan berhenti dan sebagainya. Itu soalan saya.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Sungai Dua atas dua soalan tambahan. Pertamanya saya telah menyatakan satu senarai panjang tentang apa yang boleh dinikmati oleh pekerja-pekerja kontrak. Senarai dia panjang. Itu pun satu kos kepada Majlis Perbandaran berbanding dengan kontraktor, pekerja kontraktor kemungkinan besar tidak menikmati kemudahan-kemudahan yang saya sebutkan tadi.

Walau bagaimanapun, kos sebenar akan ditentukan semasa tender itu ditutup dan dipilih kontraktor. Jadi, walaupun mungkin lebih tinggi sedikit, tetapi dalam keadaan yang saya umumkan tadi, kita sebenarnya boleh menggunakan peruntukan dari MARRIS untuk membiayai pelantikan kontraktor itu tanpa melibatkan perbelanjaan tambahan daripada Majlis Perbandaran. Dan MARRIS pun ada syarat-syarat yang perlu dipatuhi dan itulah mengapa kita memilih menggunakan *outsource* bagi kontrak-kontrak yang menggunakan peruntukan dari MARRIS. Keduanya memang benar MPSP telah meletakkan syarat-syarat yang amat ketat untuk menangani isu-isu disiplin atau kurangnya disiplin di kalangan pekerja-pekerja kontrak yang kadangkala suka mai 1 hari cuti 2 hari.

Untuk menangani isu itu dan untuk menyemaikan semangat cinta peluang pekerjaan yang diberikan dengan begitu banyak kebajikan, dengan komitmen Kerajaan Negeri tidak akan tamatkan kontrak walaupun kita berhak buat begitu, namun ada segelintir yang merasakan ini keistimewaan mereka untuk ambil cuti bila-bila sahaja. Jadi, syarat yang ketat diletakkan untuk menjamin mereka setia kepada majikan MPSP. Setia kepada kerja yang diberikan dan mudah-mudahan dapat membina satu semangat berpasukan apabila melaksanakan tugas di lapangan. Sekian. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Saya cuma risau pekerja ini ramai. Saya takut bila di *outsource* kan, pekerja akan diberhentikan. Tapi kita ada jaminan diberikan, tidak ada pemberhentian, jadi saya nak ucapkan terima kasih. Dan syarat-syarat kelayakan pun banyak diberikan, jadi saya nak pastikan direkodkan supaya pekerja ini tak diberhentikan pekerja kontrak, diteruskan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Kita sudah buat jaminan komitmennya adalah *redeployment* untuk ke kawasan Penanti ke kawasan Machang Bubuk, Sungai Dua yang pada kini mungkin tidak diberi perkhidmatan yang secukupnya oleh kerana kekangan bilangan pekerja, jadi tujuan menggunakan peruntukan MARRIS tapak *outsource* sebahagian kerja dan pekerja-pekerja yang kininya melakukan kerja di tempat yang di *outsource* akan di *deploy* ke kawasan-kawasan lain untuk menambahbaik perkhidmatan jadi Penanti tak perlu tanya soalan tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat satu jam tiga puluh minit untuk soalan lisan telah pun tamat selaras dengan Sub Peraturan 26(7) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Sila YB. Pulau Jerejak.

YB. Timbalan Ketua Menteri I :

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi dan juga bagi soalan-soalan lain yang tidak dijawab akan diletak di atas meja ahli-ahli yang bertanya sebentar lagi dan akan dimasukkan di dalam penyata rasmi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Pantai Jerejak, Ahli-ahli Yang Berhormat kita masih berada dalam sesi pergulungan usul ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama saya ingin mempersilakan Ahli Yang Berhormat Padang Kota.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk buat ucapan untuk menjawab kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan usul mengucapkan terima kasih atas ucapan yang dilafazkan oleh Tuan Yang Terutama Tun pada hari Jumaat yang lalu dan sebagai permulaan bagi pihak pengundi-pengundi dan penduduk-penduduk Padang Kota saya ingin ucapkan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tun atas pelantikan semula sebagai Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang untuk empat (4) tahun dan mudah-mudahan Negeri Pulau Pinang akan terus maju dalam tempoh Tuan Yang Terutama Tun menjadi Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Saya juga ingin mengambil kesempatan pada pagi ini untuk menyentuh isu-isu yang dibangkitkan di bawah portfolio yang dipengerusikan oleh saya iaitu Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tembatan Banjir, saya percaya antara isu-isu yang dibangkitkan telah pun dijawab dalam sesi soal jawab ataupun dalam jawapan bertulis ataupun ada di jawab oleh EXCO-EXCO rakan-rakan EXCO saya semasa penggulgungan dan kita mungkin boleh tidak mengulangi perkara yang sedemikian.

Saya ingin mulakan dengan tembatan banjir iaitu tembatan banjir bagi Sungai Pinang akhirnya setelah hampir 20 tahun Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan RM150 juta dibawah *second growing plan*, Rancangan Malaysia Ke-11 dan Jabatan Pengairan dan Saliran sedang dalam proses pelantikan kontraktor *design and built*, proses ini dijangka akan siap pada bulan Ogos tahun ini. Kerajaan Negeri memang mengalu-alukan peruntukan ini walaupun sudah tunggu begitu lama dan sememangnya mengambil berat tentang pelaksanaan projek RTB ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Bengkel *Value Assesment* atau (VA) pengurusan nilai projek ini sedang dijalankan sepanjang minggu ini bagi menyediakan cadangan skop-skop utama projek RTB ini. Skop-skop kerja RTB Sungai Pinang termasuk kerja-kerja berikut,

- (i) Pelebaran dan pendalaman Sungai Pinang serta 6 cabang sungai
- (ii) Meninggikan tebing Sungai Pinang
- (iii) Pembinaan kolam takungan di sungai air hitam
- (iv) Menaikantaraf 3 jambatan yang dikenalpasti rendah dan menghalang laluan air pada masa ini
- (v) Membina *river mouth barrage* di muara Sungai Pinang.
- (vi) Membina rumah pam
- (vii) Menaikan sistem saliran sedia ada
- (viii) Memasang sistem SCADA info banjir

RTB Sungai Pinang dijadualkan akan bermula suku pertama 2018 dan Kerajaan Negeri berharap agar masalah banjir di kawasan Sungai Pinang khususnya di KADUN Datok Keramat dan lain-lain kawasan dapat diatasi apabila projek siap sepenuhnya pada tahun 2020 kelak.

Isu pencemaran Sungai Pinang sepertimana Yang Berhormat Sungai Pinang sedia maklum kebersihan sungai kebetulan nama KADUN Sungai Pinang seperti Sungai Pinang berada di kawasan Datok Keramat, kebersihan sungai adalah tanggungjawab semua termasuk Kerajaan Negeri dan rakyat jelata, walau bagaimanapun beberapa usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri bagi memulihara Sungai Pinang termasuk menggunakan teknologi IQPR yang berjaya memulihkan kualiti air Sungai Pinang berhampir kelas ke-2 dari kelas ke-4 hampir menjadi sungai mati, setelah menggunakan teknologi IQPR selama 3 tahun ini, hampir 3 tahun kita telah memulih kualiti air Sungai Pinang hampir kelas ke-2, selain Sungai Pinang sungai-sungai lain di Pulau Pinang juga diberi perhatian. Jawatankuasa *task force* pencemaran sungai dan laut Negeri Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh saya sendiri telah menetapkan agar setiap daerah memilih satu sungai untuk dijadikan Sungai angkat untuk dipelihara.

Sehubungan itu, Jawatankuasa akan ditubuhkan di peringkat daerah yang dipengerusikan oleh pegawai daerah masing-masing, ahlinya terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan dan diurusetikan oleh JPS daerah. Antara usaha-usaha bagi menangani masalah pencemaran sungai adalah seperti berikut :

- (i) Pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan kutipan sampah secara berkala.
- (ii) Pemasangan perangkap sampah di tempat-tempat yang kritikal oleh JPS dan pihak berkuasa tempatan.
- (iii) Tindakan penguatkuasa dan penempatan semula pemilik struktur-struktur haram di dalam dasar sungai.
- (iv) Pelaksanaan kempen kesedaran mengenai masalah pencemaran sungai kepada penduduk-penduduk sekitar.
- (v) Penubuhan *task force* yang saya katakan tadi.
- (vi) Penguatkuasa melalui undang-undang akta kualiti alam sekeliling tahun 2004 terhadap industri-industri dan premis-premis yang tertakluk kepada Jabatan Alam Sekitar.

YB. Pulau Betong telah membangkitkan masalah air bertakung di kawasan Titi Teras Balik Pulau. Berdasarkan perbincangan Pejabat Daerah bersama MBPP, JPS dan JKR penyelesaian terbaik bagi masalah ini adalah melalui pembinaan longkang konkrit, walau bagaimanapun pihak pemaju tidak bersetuju untuk membinanya kerana syarat kelulusan Kebenaran Merancang adalah untuk membina parit tanah untuk tujuan ini Pejabat Daerah Barat Daya telah memohon peruntukan daripada Jabatan Kewangan Negeri. Namun oleh kerana ianya melibatkan tanah persendirian pada ketika ini permohonan ini masih belum diluluskan. Walau apapun dalam kes ini JPS sememangnya akan memberi pertimbangan sewajarnya kalau ada permohonan untuk menggunakan caruman peparitan berdasarkan kepada keutamaan bagi projek-projek tebatan banjir baik pun kerja-kerja naiktaraf sistem peparitan ataupun kerja-kerja pengorekkan dan pendalaman sungai.

Untuk makluman YB. Pulau Betong, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM42.8 juta bagi projek-projek tembatan banjir di Daerah Barat Daya pada tahun ini. YB. Sungai Aceh semasa sesi soal jawab ada menanya tentang Sungai Kecil. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kawasan Sungai Kecil merupakan kawasan kampung yang masih di dominasi dengan aktiviti pertanian dan tidak banyak aktiviti pembangunan seperti kawasan pambandan yang lain. Penyelesaian kepada kepada kawasan Sungai Kecil adalah melaksanakan projek Rancangan Tembatan Banjir Sungai Kecil, untuk itu JPS sebenarnya telah kemukakan permohonan tetapi tidak diluluskan tetapi akan kemukakan semula projek RTP Sungai Kecil melalui Bahagian Pengurusan Banjir JPS Malaysia dengan kos anggaran RM12 juta sebagai projek baru dalam *growing plan* ke-3 tahun 2018. Setelah cadangan ini ditolak dalam permohonan *growing plan* pertama dalam rancangan Malaysia ke-11, permohonan ini sedang dalam semakan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perancang Negeri. Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sepertimana yang telah...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Saya terima kasih YB. Padang Kota cuma saya nak dapat pengesahan sebelum kita dapat peruntukan ini, banjir tetap akan berlaku kalau hujan, jadilah apakah langkah awal yang diambil bagi kita mengatasi masalah tersebut terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Mengikut laporan JPS daerah kalau kawasan ini kalau berhadapan dengan hujan lebat melebihi 60mm dalam satu jam atau dua jam memang akan berlaku banjir di kawasan ini dan JPS daerah akan ambil maklum cadangan Yang Berhormat dan melihat langkah-langkah jangka pendek untuk menangani isu-isu seperti mengorek dan mengukuhkan ban-ban dan sebagainya. *High impact project* yang diumumkan dalam...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan YB. Padang Kota, terima kasih YB. Padang Kota, saya nak tanya pihak berkuasa tempatan telah mengenakan caj caruman yang berlipat ganda pada sebelum ini ke atas pemajuan-pemajuan tanah untuk isu JPS ini, dari RM10,000 satu ekar kepada RM50,000 seekar, jadi saya nak tanya peruntukan caruman yang begitu besar ini yang kutip dari pemaju-pemaju bagaimanakah ianya digunakan. Adakah untuk membantu menyelesaikan masalah di kawasan kemajuan yang terlibat ataupun digunakan untuk tempat-tempat lain?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Walaupun sejak beberapa tahun ini memang isu caruman perparitan pernah saya jawab banyak kali namun pada kali ini pun akan jawab tentang penggunaan caruman perparitan dan balik kepada projek yang diumumkan dalam bajet 2017 Kerajaan Negeri melalui JPS telah kenalpasti 9 projek berimpak tinggi dan memperuntukkan sejumlah RM150 juta bagi tujuan tersebut, daripada 9 projek tersebut lima (5) projek adalah tertumpu di beberapa kawasan *hotspot* di sekitar daerah Seberang Perai Tengah, manakala baki empat (4) projek pula di Daerah Barat Daya dan di Seberang Perai Utara ada satu (1) projek di Mak Mandin manakala tiga (3) projek di Barat Daya adalah di Relau dan Bayan Lepas. Tender bagi pra kelayakan projek-projek ini yang melibatkan enam (6) tender telah ditekankan sebenarnya pada hari ini sudah diiklankan melalui akhbar-akhbar utama dan juga melalui e-perolehan negeri yang akan tutup pada 19 Jun tahun ini manakala dua (2) projek lagi masih dalam peringkat reka bentuk dan akan ditender pada tahun yang akan datang.

Tender yang iklankan pada hari ini adalah melibatkan kawasan-kawasan seperti pertamanya projek di Sungai Permatang Rawa di Kampung Tanah Liat, Taman Guru, Padang Lalang dan Kampung Permatang Rawa Daerah SPT. Tender kedua, untuk Projek Tebatan Banjir di Parit 4 Bukit Tengah dan Taman Desa Damai Seberang Perai Tengah juga. Ketiga, untuk tebatan banjir di Parit 5 Taman Mangga Jalan Juru di Daerah SPT juga. Keempat, tender untuk Projek Tebatan Banjir di Mak Mandin, Seberang Perai Utara. Keenam yang ini Yang Berhormat Batu Maung sudah menunggu begitu lama. Yang kelima, Projek Tebatan Banjir Bayan Baru bersama-sama dengan Timbalan Ketua Menteri I pun menunggu. Keenam, Tebatan Banjir di Sungai Nipah di Taman Ipin di Daerah Barat Daya yang dua lagi masih dalam perancangan dan akan ditender apabila siap. Ini menunjukkan bahawa apa yang dijanjikan dalam Bajet 2017 setelah beberapa bulan kita berusaha sudah sampai ke peringkat dipanggil tender harap keenam-enam projek ini akan dapat dimulakan pada bulan Oktober.

Keenam-enam projek ini melibatkan peruntukan RM132 juta daripada RM150 juta yang diberikan di bawah Bajet 2017. Ada isu berhubung dengan peruntukan Kerajaan Persekutuan sepertimana yang diuar-uarkan beberapa Ahli Pembangkang di dalam seisi perbahasan khususnya YB. Telok Ayer Tawar ada menyatakan dalam 8, 9 tahun ini Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM30.8 bilion untuk berbagai projek di Negeri Pulau Pinang untuk menunjukkan Kerajaan Persekutuan memang bertanggungjawab kepada Negeri Pulau Pinang dan tidak menganaktirikan Negeri Pulau Pinang. Itu kita terimalah dan menyambut baik sebab Negeri Pulau Pinang pun sebahagian daripada Persekutuan Malaysia. Pulau Pinang bukan, walaupun bukan diperintah oleh Barisan Nasional namun ianya satu negeri di dalam Persekutuan Malaysia ini. Dan juga tidak dapat dinafikan memang Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, ke-11 namun sebelum itu pun ada peruntukan-peruntukan. Itulah diumumkan dan digunakan untuk menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional Pusat lebih prihatin daripada Kerajaan Negeri Pakatan dari soal pembangunan. Saya cuma dapat kesempatan untuk menyemak rekod-rekod berhubung dengan peruntukan Persekutuan bagi Projek-projek Tebatan Banjir yang lain mungkin kesuntukan masa. Kita tidak ada senarai maklumat dari YB. Telok Ayer Tawar untuk kita mengesahkan tentang peruntukan datang daripada Persekutuan.

Setelah kita semak kalau boleh kita dapatlah semak projek-projek dan peruntukan yang diberikan. Setelah kita semak dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) misalnya mengikut rekod, peruntukan asal itu siling selalunya di Parlimen semasa bajet ianya akan umumkan siling projek-projek setelah dipinda itu lain cerita mungkin kurang mungkin tambah kebanyakan kurang daripada siling mengambil masa beberapa tahun sebelum projek itu dapat dilaksanakan. Kita ambil contoh Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) apa yang dikata diperuntukan siling itu peruntukan asal itu RM1.4 bilion disalurkan kepada Negeri Pulau Pinang. Tetapi mengikut rekod peruntukan yang dipinda RM300 dan RM5 juta. *From* RM5.1 billion dalam siling projek-projek apa yang sebenarnya selepas dipinda cuma RM300 dan RM5 juta iaitu 21% daripada peruntukan asal sahaja.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Boleh kita tahu ada *shortfall* di sini ya? Di mana yang projek mana yang tidak dapat dilaksanakan dan apakah sebabnya?.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya akan sampai kepada itu. Jadi secara amnya cuma 21% daripada RM1.4 bilion yang dikatakan dalam peruntukan asal. Misalnya ada beberapa lebih 12 projek saya pilih beberapa sahaja. Misalnya program sungai-sungai di seluruh Negeri Pulau Pinang peruntukan asal RM15 juta, tetapi peruntukan dipinda RM9 juta. Pembersihan dan rawatan air Sungai Pinang RM34 juta asal tetapi pinda RM15.8 juta. Pemuliharaan Sungai Juru, SPT itu sungai penting di kawasan SPT tetapi apa yang

diperuntukan asal RM100 juta tetapi setelah dipinda RM1.89 juta maksudnya pojek itu tidak dilaksanakan. Mungkin RM1 juta itu untuk kajian sahaja. Mungkin kajian tidak dilaksanakan Sungai Juru. pemulihan sungai-sungai di *Cyber City* FTZ RM60 juta dijanjikan tetapi setelah dipinda RM2.5 juta sahaja. Saliran bandar Pulau Pinang maksudnya di Bandar George Town RM40 juta tetapi setelah dipinda RM3.09 juta.

RTB Bandar Pulau Pinang tiada butir mana dia RM102 juta tetapi setelah dipinda RM10.6 juta. Sungai Perai, Yang Berhormat Perai pun tertanya-tanya nampaknya peruntukan banyak terima kasih. RM467 juta tetapi setelah dipinda RM123 juta masih besar jumlahnya. Sungai Junjung RM135 juta tetapi setelah dipinda RM17.2 juta dan sekian, sekian. Maksudnya soalan Yang Berhormat pun betul juga sudah dipinda maknanya tidak dilaksanakan. Ini contoh-contoh oleh kerana pindaan banyak projek tidak dapat dilaksanakan seperti yang saya pilih *shortfall* dalam peruntukan itu.

Maksud kita ada banyak ruang mungkin telah dikenalpastikan projek ini RMK9, RMK10. RMK10 lebih baik sedikit *shortfall* kurang mungkin apa yang dijanjikan mungkin RMK10 sudah tukar kerajaan. Apa yang dijanjikan sudah kurang banyak RM150 juta sahaja berbanding dengan RM1.4 bilion sebelum itu. Itu masa Barisan Nasional dan-dan tukar kerajaan RM1.4 bilion menjadi RM185 bilion beza sangat tetapi ada *shortfall* apa yang dipinda RM124 juta begitu pun ada *shortfall*. RMK11 kini cuma dapat Projek Rawatan Air di Batu Feringghi dan sambungan Tasek Gelugor tebatan banjir di Tasek Gelugor. Untuk Sungai Pinang memang RM150 juta dimasukkan cuma dilepaskan RM1 juta sahaja untuk kerja-kerja awalan dan kajian. Itu menunjukkan kita sama ada di pihak Kerajaan Negeri mahupun wakil Persekutuan di sebelah sana kita boleh tuntutan lagi sebab memang projek-projek dikenal pasti, tetapi tidak dilaksanakan. Itu di bawah bidang kuasa Persekutuan dan itu sudahpun diberi butiran-butiran projek di Parlimen pun semasa pembentangan bajet setiap tahun. Namun ianya tidak dilaksanakan, jadi apa yang dikatakan Ahli Kawasan Pulau Betong *applicable* kepada Kerajaan Pusat. Banyak dijanjikan dan *shortfall* itu begitu banyak. RMK9 misalnya cuma 21% daripada apa yang diperuntukkan. Saya nak menunjukkan walaupun Kerajaan Negeri cuma ada sumber kewangan yang sedikitlah berbanding dengan Kerajaan Pusat namun kita akan menggunakan peruntukan kita dengan sebaik-baiknya untuk melaksanakan projek-projek berskala kecil dan sederhana kalau projek melebihi RM100 juta, RM200 juta, RM500 juta itu memang Persekutuan perlu melaksanakannya.

Misalnya sejak tahun 2008 melalui peruntukan pembangunan bajet setiap tahun bagi tempoh ini, RM122.6 juta dari pembangunan negeri digunakan untuk Projek-projek Tebatan Banjir. Butiran-butiran itu banyak saya rasa tidak perlu satu demi satu. Caruman perparitan yang dibangkitkan sepanjang lapan (8) tahun ini sudah dibelanja dari caruman RM176.9 juta lebih banyak daripada peruntukan pembangunan negeri. Kita dapat *life saver* kalau tidak ada caruman perparitan maksud projek bernilai RM176 juta tidak dapat dilaksanakan ataupun perlu cari Pegawai Kewangan untuk bayar RM176 juta ini. Lagi peruntukan khas dalam bajet lepas RM150 juta itu pun kerana JPS dengan saya sendiri senantiasa mengacau ahli-ahli EXCO dalam Mesyuarat EXCO. Kita perlu peruntukan ini untuk projek-projek yang begitu banyak yang kita sudah rancang. Jumlah tiga (3) kategori ini sudah RM449 juta yang kita belanjakan sebelum saya belanja Tuan Speaker yang belanjakan, sebagai ahli EXCO tebatan banjir yang lepas dan MBPP pun dalam tempoh ini dana sendiri membelanja RM31 juta, MPSP saya rasa pun dalam lingkungan RM20-30 juta jumlah bagi dana dari negeri dalam tempoh ini hampir setengah bilion lebih RM500 juta yang kita pakai dana negeri atau sumber negeri atau caruman perparitan untuk melaksanakan beratus-ratus projek skim kecil dan sederhana ditempat-tempat yang perlu dilaksanakan projek-projek ini. Itulah cabaran dan amanat yang diberikan kita walaupun kerja untuk menangani banjir ini bukan satu kerja yang mudah sangat tetapi kita berusaha dengan sumber-sumber yang ada dari negeri dari pusat dari caruman dari pemaju yang diletakkan syarat-syarat itu kita harap semakin banyak usaha-usaha dan projek dapat kita jalankan untuk menangani banjir di Negeri Pulau Pinang.

Untuk menjawab YB. Telok Ayer Tawar, caruman itu adalah satu *pool* tak semestinya pakai semula kawasan tanaman pemaju yang memajukan suatu tempat setelah dia buat sumbangan atas perkiraan keluasan tanah itu dia masuk dalam *pool* untuk ditukar permohonan oleh JPS, oleh PBT, oleh JKR, oleh Pejabat Daerah dan Tanah untuk melaksanakan projek-projek yang diperlukan....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih YB. Padang Kota saya nak merekodkan dalam dewan ini bahawasanya kita juga berterima kasih dengan sumbangan yang telah pun diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk rakyat. YB. Padang Kota juga tahu bahawasanya JKR mereka *serve Federal Government* dan *state government*, JPS mereka *serve Federal Government* dan *state government* begitu juga agensi-agensinya, Pejabat Daerah dan sebagainya. So bagi mereka saya rasa ada benda mereka perlu minta pada Kerajaan Negeri dan ada benda mereka minta dari Kerajaan Pusat, sebab itu dalam hal ini kita cuba perlu menerangkan di sini bahawasanya mereka juga turut *contribute* kepada pembangunan Pulau Pinang ini bukan tidak ada kita

bagi. So itulah YB. Dato' Speaker, kalau kita rasa ada *fund* yang tertentu daripada caruman dan sebagainya boleh gunakan untuk rakyat Pulau Pinang kerana mungkin YB. Padang Kota ada disini EXCO mungkin Yang Berhormat sebelah sini, kami sebelah sana tapi rakyat tetap sama tak berubah *right*, rakyat tak berubah YB. Dato' Speaker.

YB. Padang Kota saya nak tanya juga tentang beberapa isu yang saya nak bangkitkan yang mungkin terlepas tentang surat yang saya hantar ke Pejabat Daerah boleh tak sekali lagi yang itu, dan juga perparitan di tepi *highway* di tepi jalan besar itu....(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Sebenarnya tadi sudah jawab saya akan memberi secara bertulis kepada Yang Berhormat ialah oleh sebab sebelah sana nak duduk sini, mengkritik apa-apa jugalah termasuk usaha tebatan banjir yang sememangnya mula dari YB. Speaker sampai saya, tak pernah kita ambil ringan terhadap tanggungjawab yang diberikan. *The facts speak for it self*. Apa yang kita lakukan projek-projek yang kita rancang telah dilaksanakan setelah siapnya pastinya membawa impak kepada komuniti yang kita wakili, jadi saya percayalah sebenarnya dari dulu hingga sekarang pendirian saya adalah berharap kerjasama dan usaha dari semua pihak penting supaya dapat kita mengurangkan dan menangani banjir di Pulau Pinang dengan pelaksanaan projek-projek tebatan banjir.

Seterusnya, untuk menjawab YB. Komtar saya masuk ke isu-isu kerajaan tempatan sebenarnya pun ada jawab dalam sesi soal jawab mungkin tak berapa jelas berhubung dengan kadar cukai pintu yang lebih tinggi apabila didapati rumah usang tidak dipelihara. Untuk makluman Dewan, sebarang pelaksanaan cukai atau tafsiran ke bangunan iaitu cukai pintu atau tanah lapang adalah berdasarkan kepada peruntukan akta kerajaan tempatan. Untuk makluman YB. KOMTAR, cukai pintu yang dikenakan ke atas bangunan adalah rendah berbanding dengan cukai yang dikenakan ke atas tanah lapang. Itu pun ada peruntukan untuk kita menukar kategori apabila rumah usang MBPP akan menukar kategori dan gunakan kategori tanah untuk mengenakan cukai pintu terhadap rumah yang usang. Sebelum buat begitu, MBPP perlu menjalankan pemeriksaan dan penilaian ke atas struktur rumah tersebut dan sekiranya tidak dapat diduduki maka cukai akan dikenakan atas tanah tersebut ia juga merupakan salah satu langkah bagi menggalakkan pemilik-pemilik rumah usang membaik pulih bangunan tersebut. YB. KOMTAR juga banyak kali di luar dan di dalam Dewan menimbul kelewatan projek naik taraf jejantas *Octopus* di KOMTAR dan mencadangkan adanya satu mekanisma yang dapat memantau projek-projek CSR dari masalah kelewatan dan sukacita saya maklumkan bahawa MBPP ambil maklum tentang masalah yang dibangkitkan saya rasa YB. Pulau Tikus akan *jump in* dengan soalan tetapi namun begitu, saya sendiri pun rasa tidak puas hati ini sepatutnya satu projek CSR hasil dari kemurnian hati pihak yang menaja tetapi oleh kerana kelewatan Kerajaan Negeri dan PBT dan ADUN Kawasan senantiasa menjadi sasaran pihak lawan mengkritik.

Jadi saya pun tidak tahu mengapa pihak CSR ini yang merupakan sebuah syarikat gergasi sebuah syarikat pembangunan yang besar mengapa ada begitu kelemahan dari segi pelantikan kontraktor untuk melaksanakan projek-projek ini. Untuk MBPP kita akan meneliti syarat-syarat tambahan pada masa depan sekiranya ada penajaan projek-projek CSR bagi memastikan masalah kelewatan itu tidak diulangi. Misalnya projek itu dibatalkan sekiranya kemajuan kerja di tapak adalah lembab dan tidak menyakinkan projek diambil oleh MBPP sekiranya berlaku kelewatan dan segala kos dituntut daripada penaja. Mengenakan denda sekiranya tempoh siap projek tidak ditepati, menyenaraikan hitamkan syarikat untuk projek-projek yang lain dan mengambil tindakan undang-undang memastikan kerja-kerja pengesanan dan pengalihan utiliti dijalankan dengan segera oleh syarikat utiliti mengadakan jawatankuasa pemantau projek dimana pihak penaja dikehendaki memberi laporan berkala dan rungutan dari YB. Pulau Tikus telah pun disampaikan kepada pimpinan MBPP untuk tindakan selanjutnya. YB. Pulau Betong juga mencadangkan juga bahawa Kerajaan Negeri boleh membeli ataupun *joint venture* dengan pihak-pihak tertentu bagi membaiki dan memelihara rumah-rumah usang ini. Setakat ini Kerajaan Negeri tidak membeli mana-mana bangunan usang untuk dibaiki atau dipelihara. Walau bagaimanapun, terdapat banyak bangunan usang yang dimiliki oleh MBPP dan dibaiki dengan sendirinya oleh MBPP dan MPSP dengan kaedah usahasama untuk tujuan pajakan atau sewaan. Selain itu, tindakan yang diambil oleh kedua-dua PBT adalah mengeluarkan notis kacau ganggu, memagar bangunan yang usang dan bahaya, mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik bangunan.

YB. Pulau Tikus juga membangkitkan juga bengkel motosikal di setiap kadun bagi kawasan MBPP, merujuk kepada Pelan Dasar Merancang Dan Kawalan Kemajuan Majlis, aktiviti bengkel membaiki motosikal hanya dibenarkan untuk beroperasi dalam zon industri ataupun premis yang telah mendapat kelulusan kebenaran merancang untuk kemajuan industri dibawah Deraf Rancangan Tempatan Pulau Pinang 2020, aktiviti motosikal telah dikenal pasti di bawah kelas C5 iaitu bengkel membaiki dan servis

kenderaan. Untuk setiap KADUN, aktiviti ini dibenarkan untuk beroperasi di dalam 7 zon berikut iaitu zon perniagaan tempatan, zon industri, zon pembangunan bercampur dan perniagaan industri, perkampungan tradisional dibenarkan bersyarat, perniagaan sub bandar dengan syarat, perniagaan utama dengan syarat, perniagaan kejiranan dengan syarat. Maksudnya banyak zon boleh dibenarkan aktiviti tertakluk pematuhan syarat-syarat. Manakala bagi kawasan MPSP, merujuk kepada manual deraf rancangan tempatan, aktiviti bengkel motosikal dan kenderaan telah dikenalpasti supaya beroperasi di kawasan industri sahaja.

Bagaimanapun, dengan mengambil kira faktor kebajikan masyarakat, MPSP masih membenarkan aktiviti tersebut beroperasi di kawasan perniagaan dilesenkan secara tahunan, tindakan ini adalah relevan kerana penggunaan bengkel terutamanya motosikal boleh mendapat perkhidmatan tersebut berdekatan dengan tempat tinggal mereka atau semasa kecemasan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang aduan kacau ganggu maka lesen aktiviti tersebut perlu dikaji semula atau ditamatkan.

Isu berhubung dengan Mount Esrkine...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Terima kasih berkenaan dengan bengkel motosikal ada dua (2) soalan ataupun cadangan. Yang pertama memandangkan pihak PBT sedang dalam perancangan untuk membuat peraturan yang lain, boleh dan jika diiktirafkan bahawa hadkan bengkel di industri adalah tidak praktikal maka tindakan saman kepada bengkel-bengkel motosikal yang sekarang diadakan. Bolehkah ditelitikan semula kiraan setiap beberapa bulan mereka akan menerima saman?

Yang kedua, sebenarnya ia bukan sahaja mencukupi untuk menyatakan bahawa mereka boleh beroperasi di kawasan di KADUN-KADUN tetapi jenis bangunan masih perlu ditelitikan sebenarnya kerana seringkali di kawasan bandar bengkel motosikal menjadi halangan lalu lintas dan ada membawa masalah kepada kawasan persekitaran maka saya rasa rakyat orang ramai memerlukan bantuan daripada pihak-pihak yang lebih berpengetahuan untuk meneliti bangunan jenis mana yang lebih sesuai aktiviti ini dijalankan, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Pulau Tikus, permintaan YB. Pulau Tikus adalah pertimbangan saya. Dalam sesi soal jawab sudah pun kita menyentuh tentang pembangunan Pasar Awam Mount Erskine dan saya tidak bercadang mengulangi. Berhubung dengan isu pemantauan dan menggunakan teknologi seperti *drone* dalam pemantauan kawasan serta mengambil tindakan segera jika berlaku pencerobohan tanah dan penggondolan bukit. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, MBPP sebelum ini menggunakan khidmat perunding pembekal *drone* bagi memantau kawasan-kawasan tanah bukit yang sukar dipantau melalui darat atau melalui CCTV. Imej-imej gambar melalui *drone* yang dikesan yang disyaki terdapat penerokaan atau penggondolan tanah bukit secara haram akan diambil tindakan awal secara pentadbiran sebelum notis-notis perundangan dikeluarkan.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sekarang telah memiliki peralatan *drone* sendiri dan sedang dalam tempoh memberi latihan teknikal kepada kakitangan yang terlibat dalam penggunaan *drone*. Isu penerokaan penggondolan bukit secara haram sentiasa diberi perhatian serius oleh MBPP oleh kerana memang dalam Laporan Audit Negara dan Negeri perkara ini diberi perhatian yang penuh. MBPP juga akan bekerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan dalam mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan penerokaan dan penggondolan tanah bukit secara haram. Saya sendiri memimpin pegawai MBPP bertemu dengan kumpulan *Penang Hill Watch* dari *Penang Forum* setiap tiga (3) bulan untuk menerima laporan dari mereka dan juga memberi maklum balas daripada isu-isu yang dibangkitkan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Minta laluan, berkenaan dengan perkara pencerobohan bukit dan sebagainya saya harap YB. Padang Kota dan MBPP akan meneliti laporan PAC yang merangkumi pencerobohan bukit yang digondolkan Bukit Relau sebab di situ dinyatakan secara *detail* berapa kali pengawasan atau pun berapa lama dari sini kita dapat tahu apa yang ahli PAC cadangkan dan disyorkan ialah pemantauan itu perlu dilakukan dengan lebih kerap bukannya dua (2) kali setahun dan dalam laporan PAC ini juga banyak syor-syor dan rumusan yang *detail* berkenaan dengan hotel, tempat makanan, jadi kami berharap tidak berlaku lagi penggondolan bukit dan sebagainya setiap kali pembangunan hotel dan restoran yang mahal dibuat di kawasan tadahan air, ataupun di kawasan bukit tetapi hanya setiap kali kena ada proses pemutihan dan dalam laporan ini kita boleh tengok kita juga sendiri ahli-ahli PAC sudah naik ke bukit-bukit ini, maknanya dalam Laporan Audit Negara, pada mula-mulanya dia hanya bangsal sahaja dan pada tahun ini kami pergi naik bukit itu, sekarang ini sudah menjadi cantik, saya pun masuk dalam hotel-hotel, chalet-chalet ini jadi, ya saya masuk dan mengambil gambar semua.

Maknanya, rasanya perlu pergi kerap supaya dari bangsal itu terus menjadi satu serba indah dan satu lagi perlu, saya sebut disini ialah kawasan-kawasan tadahan air sebagainya contohnya Pihak Berkuasa Air (PBA) tidak mempunyai kuasa sekarang dia telah diperbadankan atau dikorporatkan tidak ada kuasa yang dahulunya kuasa itu terletak sebagai autoriti kita perlu meneliti supaya apabila diperbadankan atau dikorporat mereka tidak hilang penguatkuasaan terhadap pencerobohan, terima kasih.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Penanti, sebelum mana-mana badan utiliti khususnya, dikorporat di serentak itu satu badan kawal selia ditubuhkan sebab masing-masing memainkan peranan yang berlainan, kalau sebelum dikorporat dia menjadi satu anggota kerajaan, tetapi setelah korporat dia mungkin menjadi syarikat yang dimiliki oleh pemegang saham awam, jadi serentak itu satu badan kawal selia diperingkat pusat, peringkat negeri ditubuhkan untuk kawal selia badan-badan yang dikorporat. Sebelum itu saya memang ambil maklum tentang mesyuarat atau pun penemuan daripada Jawatankuasa Kira-kira Awam dan MBPP pun memandang serius tentang syor-syor dan tindakan yang perlu diambil untuk memperketatkan dan memperbaiki kerja-kerja pemantauan antaranya saya pun sudah sebut dan tambahan dari itu MBPP akan melantik Juru Ukur Tanah berlesen sebagai satu langkah bagi mempercepatkan lagi tindakan yang boleh diambil.

Yang Berhormat juga membangkitkan kos tukangguna bangunan kepada taska. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini MBPP dalam gasir panduan yang telah dikuatkuasakan pada 24 November 2016 telah memberikan kelulusan pengecualian kos tukangguna bangunan kepada pengusaha-pengusaha taska yang dapat membuktikan bahawa aktiviti taska yang dijalankan adalah bukan bermotifkan keuntungan dan disahkan oleh Jabatan kebajikan Masyarakat (JKM), walau bagaimanapun MPSP masih dalam kajian untuk memberikan pengecualian kos tukangguna bangunan kepada pengusaha taska dan saya percaya masih ada satu garis panduan yang melihat isu-isu ini yang masih belum dimuktamadkan, bahagian Kerajaan Tempatan akan bekerjasama rapat dengan YB. Padang Lalang untuk melihat isu ini dapat diselesaikan dengan sebaik-baiknya.

YB. Permatang Berangan telah membangkitkan isu premis judi dan juga Pasar Awam Tasek Gelugor, Taman Sepadu, tempat parking di Permatang Berangan saya percaya semua ini dijawab di dalam jawapan bertulis dan Yang Berhormat sudah dimaklumkan tentang jawapan

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Minta laluan sekejap, yang tadi itu YB. Padang Kota sebut kita ada badan BKSA tetapi kalau dari segi aktanya penguatkuasaan hanya boleh dibuat oleh Pengarah BKSA atau pun dia punya ketua dan di Pulau Pinang kita tidak ada ketua, kita hanya ada memangku, pegawai disebabkan oleh itu penguatkuasaan pencerobohan terhadap kawasan tadahan air tidak dapat dilakukan jadi mengambilkira perkara ini saya harap kerajaan negeri dapat meminta kerajaan pusat untuk hantar CEO ataupun Pengarah

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih, saya minta YB. Bagan Jermal mengambil maklum tentang isu ini dan dapatlah tindakan Setiausaha Kerajaan untuk mengenai isu yang dibangkitkan

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk SR Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan, YB. Padang Kota, apa yang dikatakan oleh YB. Penanti memang betul apabila kita membuat soal siasat PAC isu itu timbul kita yang berkuasa untuk membuat undang-undang itu sebab itu ada berlaku permasalahan di bawah, isu ini adalah sangat serius sebenarnya, kita harapkan Kerajaan Negeri dapat menyegerakan pengisian CEO atau pengarah bagi membolehkan peraturan itu dilaksanakan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Pulau Betong, saya rasa YB. Bagan Jermal akan mengambil tindakan segera atas isu ini. Pelaksanaan Bandar Pintar Data Raya di Pulau Pinang Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) pada 20 April 2016 dan disahkan pada 27 April 2016 telah bersetuju dengan Pelaksanaan Pulau Pinang menuju ke arah Bandar Pintar *Smart City* yang bersesuaian dengan situasi penyerapan teknologi setempat dan semasa. Terdapat tiga asas pembentukan bagi merealisasikan *Smart City* iaitu infrastruktur, polisi dan data.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Negeri Pulau Pinang telah menguatkuasakan penggunaan *fiber* secara berperingkat oleh semua syarikat telekomunikasi tanpa dimonopolikan oleh mana-mana syarikat sepertimana keputusan MMK yang diluluskan pada 27 Mei 2015. Penyediaan inventori struktur telekomunikasi dan *fiber* secara digital *digital mapping* telah siap sepenuhnya dan kini sentiasa dikemaskini dari masa ke semasa. Kini terdapat 300 kilometer jaringan fiber dan 930 struktur menara telekomunikasi yang sah di seluruh Negeri Pulau Pinang dan *non disclosure agreement fiber forward Penang initiative* juga telah ditandatangani oleh semua Ahli Majlis telekomunikasi Negeri (PCC) pada 2 Oktober 2015 bagi tujuan perkongsian inventori *fiber* di Negeri Pulau Pinang.

Sehubungan itu kerajaan negeri telah mengambil inisiatif mewujudkan Pelan Pelaksanaan *Big Data* Pentadbiran Negeri yang diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu *eGood Governance* (eGG) pada 13 Disember 2016. Penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Data Negeri telah ditubuhkan pada 23 Januari 2017 yang dikendalikan oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Polisi Data Negeri Pulau Pinang mengenai Data terbuka dan perkongsian data di peringkat negeri akan dilaksanakan pada suku ketiga tahun 2017. Kini terdapat dua Projek Analitis Data Raya fasa satu bagi tempoh 2017 hingga 2018 diterajui oleh MBPP yang mengendalikan Projek Perintis Pengurusan Lalu Lintas manakala MPSP mengendalikan Projek Perintis Pengurusan Sisa Pepejal. Bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan inisiatif bandar pintar, kerajaan negeri turut menubuhkan Unit Telekomunikasi Bandar Pintar di Bahagian Kerajaan Tempatan pada bulan Oktober 2016 bagi tujuan mengawalselia dan menyelaras pelaksanaan pengurusan dasar dan polisi kerajaan negeri berhubung dengan telekomunikasi negeri termasuk *smart city* projek dikedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan menubuhkan satu Unit Analitis Data Raya di BTMKN. Dasar pengasingan sisa di punca untuk makluman Dewan yang mulia ini dasar ini meliputi tiga fasa

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta laluan, berkenaan *big data* saya tahu bahawa ada usaha-usaha yang dinyatakan itu merupakan satu permulaan Kerajaan Tempatan (KT) namun daripada segi lalu lintas atau pun sisa pepejal saya rasa mungkin pihak PBT boleh memulakan persiapan untuk jabatan-jabatan lain dengan meneliti jenis data yang sedang dikumpul oleh jabatan-jabatan lain dan pengurusan data mereka, secara amnya pengurusan data di Malaysia adalah tidak baik dan saya rasa misalnya perancangan bangunan dan sebagainya memulakan usaha mengumpul data dengan lebih teratur adalah lebih senang kelak untuk kita memperkembangkan *big data* kepada jabatan-jabatan lain, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih, atas kepakaran YB. Pulau Tikus atas isu ini saya memang mengaku saya sendiri dan pasukan di bahagian PBT pun sedang menghadapi satu cabaran yang baru berhubung dengan perkara ini, namun setelah hampir dua tahun kita berusaha kita semakin jelas tentang hala tuju apa yang kita ingin lakukan dan dengan banyak *input* dari badan-badan luar untuk memberi khidmat nasihat kepada kita dan kita akan meneruskan program-program printis dan akan lihat usaha menyelaraskan usaha ini untuk menuju ke arah sebuah negeri yang pintar menggunakan data raya untuk membantu kita membuat dasar, membuat pemantauan dan melaksanakan projek-projek dan sebagainya.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya mengucapkan syabas kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang memikirkan hendak membuat konsep semua ini *smart city*. Saya hendak tanya, sama ada Kerajaan Negeri boleh pertimbangkan apa yang telah diwujudkan di Australia contohnya, dia wujudkan zon-zon dipanggil *Kindness City*. *Kindness City* adalah satu *world kindness movement* di mana dia akan *list city-city* ataupun tempat-tempat di dunia sebagai *kindness city* dan mempunyai syarat-syarat. Jadi tujuannya ialah untuk mengadakan satu kawasan *town* ataupun kota kebajikan. Banyak yang kita bahaskan dalam sidang DUN ini, *I think* dari YB. Yap dan mengenai isu-isu perubatan dan *so fort*. Jadi *of course* YB. Berapit juga menanyakan soal orang-orang tua...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Ya. Sebab saya hendak tanya. Saya fikir macam ini. Kalau di Negeri Pulau Pinang dengan kemajuan yang kita ada, sebagai contoh, hospital semua tidak cukup katil, hospital *private* pun mahal. Yang bagusny kalau kita semua dapat, rakyat Pulau Pinang kalau *somehow* ada *fund*, *fund* untuk insurans ke apa...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Penanti, Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Okey. Lagi satu.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Smart City yang kerajaan rancang.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Ya, tapi saya hendak timbulkan, *instead of only smart city, which is more to technology base*, kenapa tidak memikirkan *kindness city* dan *kindness city*, saya hendak kalau boleh syorkan, saya buat satu soalan, boleh atau tidak kita buat tabung bekalan asas sebagai contohnya rumah-rumah zakat di Pulau Pinang tidak dibekalkan bekalan air, hanya bekalan elektrik. So kalau kita ada satu tabung, bekalan asas sebagai contohnya untuk orang-orang miskin yang tidak mampu bayar kos PBA *and so fort. So I'm just saying can't we also* tengok kepada *not just smart technology but look towards for example* di Australia sudah ada *kindness city*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Please take note, lain kali bawa dalam perbahasan.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Minta penjelasan. Terima kasih. Saya tertarik dengan perbincangan *smart city* ada dua pemerhatian saya *input* kepada Kerajaan Negeri. Beberapa bulan lalu saya cuba membayar saman *parking* kereta tidak mempamerkan kupon *parking*. Saya membuat pembayaran dan dapati bahawa, saya cuba *online payment* kepada MBPP melalui *website* dan pembayaran dibuat *thru electronic transfer* dan terkejut juga saya lihat aplikasi tersebut tidak memaparkan pembayaran dibuat. Sepatutnya kalau kita beli melalui Alibaba ke Amazon ke apabila *you* bayar melalui *online, credit card* semua, *transaction* semua habis, *real time transaction*, itu memang *standard* antarabangsa. *Online parking* MBPP bukan sahaja tidak ada *real time*, dia bukan *next day batch processing* tetapi tiga hari, lima hari baru *update* pembayaran.

Saya rasa sistem minta dikaji semula, semua sistem, *online payment*, interaksi dengan rakyat sama ada saman semua mestilah *real time*. Janganlah tiga hari, lima hari, *manual processing*. Itu zaman 70'an, 80'an, *dinosaur* punya *age* punya *application system*. Saya tulis satu email kepada Kerajaan Tempatan, saya ulangi sini, minta dihadkan semua *online payment* yang berinteraksi dengan *citizen*. Mesti ada capai taraf *standard. Real time processing*. Bukan *manual processing* tiga hari lima hari baru *update* bayaran dibuat. Kena telefon tanya kenapa saya sudah buat tetapi belum *reflect online. I think this is bad*. Pemerhatian saya yang kedua, bukan sahaja kita cakap tentang *smart city* dan sebagainya juga ia berkait rapat dengan kebebasan maklumat juga. Maklumat-maklumat dari segi kerajaan yang tidak ada masalah yang boleh, tidak ada *restriction*, yang boleh dipaparkan. Antara lain saya juga lihat perhatikan bahawa Dewan Undangan Negeri juga perlu *Smart DUN*, bukan sahaja MBPP, tetapi *Smart DUN* di mana enakmen-enakmen ataupun di mana yang perlu juga kita paparkan di *website* DUN kita kerana kita sering dengar rungutan daripada *researchers* dan juga pemberita bahawa enakmen-enakmen kita yang telah diluluskan oleh DUN tidak dipaparkan secara *online* dan saya rasa ini boleh diperbaiki dari segi kita kata wawasan, *big data, smart city* yang sangat jauh. Perkara-perkara yang *basic* sebegini, perkara asas sebegini, perlu juga diberi perhatian yang serius supaya perkara *basic* kalau kita buat elok baru kita dapat kata kepada perkara-perkara yang besar. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Padang Kota.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih YB. Padang Kota. Saya hendak rujuk kepada saranan Penanti, *Smart, negeri smart*, bijak pandai semua. Tetapi dalam ucapan-ucapan Tuan Yang Terutama Tun yang baru ini, Negeri Pulau Pinang adalah dinaiktaraf sebagai negeri kebajikan. Jadi kalau Negeri Kebajikan, setakat AES itu tidak cukup. Masalah-masalah tadi yang dibangkitkan tadi oleh ramai kawan-kawan kita di dalam Dewan ini perlulah diatasi dengan satu usaha yang bersungguh-sungguh untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri Kebajikan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya rasa walau apa pun matlamat sama ada negeri kebajikan, *Kindness City* dan sebagainya dapat kita meneroka dan menggunakan teknologi pintar untuk membantu kita merancang, merangka dan melaksanakan. Kita akur bahawa ini perkara yang menimbulkan banyak cabaran jadi kita kenalpasti bahawa sudah sampai masanya di Bahagian Kerajaan Tempatan, oleh kerana kita menguruskan isu-isu telekomunikasi maka kita mengambil langkah seterusnya selain daripada *hardware*, struktur-struktur pemancar yang kita beri perhatian, isu-isu lain juga kita perlu memberi perhatian termasuk *fiberization*, selain daripada infrastruktur, dasar, pengkongsian data di kalangan jabatan-jabatan Kerajaan Negeri pun kita tidak sampai mana pun. Jadi kita memang sudah mengambil maklum tentang cabaran ini kalau Negeri Pulau Pinang mahu jadi sebuah negeri yang maju, maka tidak dapat kurang usaha ini.

Pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca melibatkan tiga fasa. Satu sebelum 1 Jun tahun ini iaitu sebelum ini. Fasa kedua untuk satu tempoh dari 1 Jun tahun ini ke 1 Jun 2019, iaitu dua tahun. Untuk masa depan, fasa ketiga iaitu selepas 1 Jun 2019. Fasa pertama dasar ini melibatkan *engagement* dengan pelbagai *stakeholders* termasuk Persatuan Penduduk, JKKK, Persatuan Hotel, Pasaraya, *Federation of Malaysian Manufacturers*, dalam penyediaan mekanisma kutipan bagi 8 punca yang telah dikenalpasti. Dasar Pengasingan Sisa Di Punca dilaksanakan mulai 1 Jun tahun lepas. Pemilik atau penghuni setiap premis diwajibkan mengasingkan sisa di premis dengan kaedah yang paling mudah melalui minima dua aliran sahaja iaitu sisa baki dan sisa kitar semula. Bagi menyokong dasar ini satu Undang-undang Kecil Pengasingan Sampah dan Pelesenan Perkhidmatan Sampah Yang Boleh Di Kitar Semula (MBPP/MPSP) Tahun 2016 digubal dan diwartakan. Undang-undang Kecil ini memperuntukan tindakan mahkamah untuk mengenakan denda tidak melebihi RM2,000 atau 1 tahun penjara atau kedua-duanya.

Walau bagaimanapun kesalahan tersebut boleh diberi kompaun oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Saya rasa Fasa 1 sudah hampir akhir sebab kita pun sudah hendak masuk 1 Jun di mana sebelum ini, tumpuan komuniti *engagement* dan pendidikan melalui dialog bersama Persatuan Penduduk, *Joint Management Body*, JKKK dan *stakeholders* yang lain untuk memastikan apabila kita mula, kita boleh mencapai kejayaan dan boleh diterima umum. Walaupun dasar ini diterajui oleh MBPP dan MPSP, kerjasama dan komitmen wakil rakyat, ahli-ahli majlis, pemimpin komuniti dan NGO adalah penting untuk mencapai kejayaan.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui *Penang Green Council* pada tahun lepas, juga telah mengadakan kempen rumah ke rumah melibatkan empat kawasan iaitu 4,376 premis dan pada tahun ini tiga kawasan lagi meliputi 1,391 premis dilawati untuk kempen kesedaran. Penang Green Council juga menganjurkan 26 *roadshows* dan taklimat awam dalam tempoh ini. MBPP pula memberi sejumlah 288 taklimat dan pameran dan membantu dalam pelancaran dasar ini di KADUN-KADUN tertentu. MPSP pula memberi 115 taklimat dan pameran dan membantu dalam pelancaran dasar ini di 29 majlis. *Penang Woman's Development Corporation* (PWDC) juga melaksanakan dasar ini dengan jayanya dalam dua projek yang melibatkan Rancangan Rumah Kos Rendah iaitu di Jalan Sungai dan Ampang Jajar, Seberang Perai yang sudah pun banyak dinyatakan oleh YB. Padang Lalang. Dasar ini juga diiklankan di semua akhbar utama tempatan dan papan-papan iklan di tempat-tempat strategik di seluruh negeri didirikan. Di samping itu risalah diedarkan kepada semua premis kediaman dan sektor komersial oleh PBT. Manakala semua institusi termasuk pejabat dan jentera kerajaan, institusi pendidikan dan bank juga dimaklumkan kewajipan mengamalkan dasar ini. Boleh dikatakan amat menyeluruh sepanjang satu tahun ini kempen-kempen kesedaran dan *stakeholders engagement*. Di samping itu Undang-undang Kecil ini juga memerlukan semua pemungut barang kitar semula di Negeri Pulau Pinang dilesenkan supaya industri barang kitar semula diuruskan dengan cekap dan berkesan dan data-data kutipan barang kitar semula dapat diperolehi dengan lebih tepat untuk perancangan masa depan. MBPP dan MPSP telah memberi notis ketidakpatuhan dasar kepada penghuni yang tidak mengasingkan sisa dalam awal tahun ini secara perintis untuk tujuan kesedaran juga. Dalam Fasa 2 pula iaitu dua tahun setelah ianya dilaksanakan 1 Jun nanti...(gangguan).

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Penjelasan, Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya amat sukacita bahawa satu undang-undang kecil sudah disatukan untuk dua PBT tapi semasa kita dalam bincangkan draf untuk pengasingan ini ada satu bidang saya rasa sudah dicirikan bahawa pengangkutan juga harus dikawalkan dalam undang ini bahawa pengangkutan amat penting kalau dia tak dikawal dia kalau dia buat salah tak adil lah untuk penalti atau kompaun lain dia juga dalam linkage ini dia tak boleh dikecualikan penalti dia buat salah misalnya dia tak berhenti tempat dengan tepat masa yang dijadualkan atau pemandunya buat pengasingan di tempat tempat lain dan ini akan membuat memberikan satu untuk pengasingan yang sepatutnya sempurna.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Tanjong Bunga saya rasa Yang Berhormat ada lori pengangkutan kontraktor sampah yang adakalanya bekerja melakukan kitar semula di tepi jalan dan sebagainya mungkin tidak pergi ke tempat yang sepatutnya dalam waktu yang ditentukan untuk makluman Dewan ini semua kontraktor diwajibkan memasang GPS dalam lori-lori untuk memungut sampah untuk tujuan pemantauan oleh pihak berkuasa tempatan maka kalau masih ada kekurangan saya ambil maklum tentang kerisauan Yang Berhormat saya percaya pemasangan GPS sudah pun disyaratkan kepada mana-mana kontrak.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Penjelasan, maksud saya kita harus adakan kompaun atas mereka kalau didapati melalui GPS kesalahan itu.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Memang dalam perjanjian kontrak, denda-denda boleh dikenakan apabila mereka tidak mematuhi apa-apa syarat yang ditentukan dalam perjanjian termasuk memesong dari perjalanan kutip ataupun ke Pulau Burung kalau mereka mesong atau buang sebelum ke tapak pelupusan ianya dapat dikesan oleh GPS dan juga akan dikenakan penalti. Dalam fasa ini sukacita kita maklumkan bahawa Negeri Pulau Pinang telah mencapai kitar semula yang semakin meningkat pada tahun 2014, kadarnya adalah 32.63, manakala 2015 sudah sampai 37.75 dan bagi tahun 2019 adalah 38% ini berbanding dengan kadar kitar semula kebangsaan yang mencatat 20.9 bagi tahun 2016, tetapi saya juga ambil kesempatan untuk setuju dengan YB. Jawi bahawa MPSP sudahpun mencapai kadar 42% sebab angka yang diberikan adalah purata bagi seluruh Negeri Pulau Pinang MPSP sudah sampai 42% manakala MBPP masih dalam lingkungan 29–30 jadi puratanya 38% tapi MPSP sudah melepasi kadar ini dan saya ingin mengucapkan syabas kepada MPSP dan wakil-wakil rakyat dan komuniti MPSP kerana bekerja rapat dengan MPSP bagi mencapai kadar kitar semula yang tertinggi di seluruh negara.

Fasa ke 3 setelah dua (2) tahun melaksanakan apa terjadi pula kita merasakan sudah sampai masa untuk melaksanakan apa yang dicadangkan oleh YB. Tanjong Bunga sebelum ini, iaitu kita akan melihat setelah kita mantap pengasingan dua aliran kita masuk ke tiga aliran lebih dari dua aliran iaitu sisa-sisa organik dari *establishment* makanan dan sisa kebun juga perlu diasingkan. Dan diproses sebagai baja dan di permukaan tujuan tanaman sememangnya sekarang sudah dilakukan tetapi bukan diwajibkan cuma dilakukan oleh komuniti yang *awareness* tetapi menjelang setelah dua tahun kita melaksanakan Fasa 2 sampai 2009 kita cadang nak masuk ke satu peringkat yang lebih tinggi lebih dari dua aliran termasuk sisa-sisa dapur pun kita perlu diasingkan. Tumpuan tempoh ini diberikan kepada pengasingan sisa ditapak pelupusan sampah Pulau Burung, apabila siap akan ada 5 *line* bukan 3 *line material recover facility* pada masa itu saya rasa kadar kitar semula lebih tinggi dari apa saya laporkan tadi.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri bila sampainya tahap ke tiga 2019 masa itu organik *waste* dan *green waste* juga akan diasingkan saya harap pada masa ini lebih baik buat satu cadangan supaya satu pusat yang tertentu satu di bahagian Pulau satu di bahagian Seberang untuk menguruskan sisa-sisa organik makanan, dan juga *green waste* dengan satu sistem saja jangan pakai banyak sistem kalau tak akan gagal juga dengan saya kalau semua ini *in place* 2019 saya yakin kitar semula akan capai 70% dan mungkin tinggi lagi.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih atas keyakinan YB. Tanjong Bunga atas masa depan kitar semula di negeri Pulau Pinang saya memang setuju pada peringkat ini ada beberapa sistem kitar semula sisa-sisa organik digunakan di sama ada oleh BPP di pasar-pasar yang dipilih atau pun oleh komuniti yang mengamalkan sisa-sisa *composting* dan pengasingan sisa-sisa dapur. Memang kalau dapat satu teknologi saja satu sistem saja satu keadaan yang ideal kita akan ambil maklum tentang keadaan itu disamping di Batu Maung yang sekarang kita sedang membina *transfer station* memang diantara kemudahan yang ada ada kemudahan untuk pemprosesan sisa-sisa hijau di tapak berkenaan dan kita berharap teknologi yang digunakan perlulah teknologi yang sesuai yang mencapai hasrat.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Satu cadangan yang mungkin saya cadangkan pada masa dahulu saya harap ini boleh di *materialize* kan bahawa sisa makanan kalau boleh di masa depan selain daripada *compose* kan kalau boleh diasingkan juga sisa makanan daripada buah-buahan dijadikan satu *enzyme*, *enzyme* itu boleh dipakai balik untuk membersihkan kawasan yang kotor pasar-pasar iaitu satu *recycling* ruang sangat berguna kepada kita untuk membersihkan kawasan yang kotor ini kalau dijadikan *enzyme* kemudian diedar balik kepada pasar- pasar awam oleh PBT mengurangkan kos juga.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

YB. Padang Kota berapa lama lagi?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya rasa dalam 10 minit lebih kurang. Apa yang dinyatakan YB. Tanjung Bunga memang selalu diperjuangkan oleh Yang Berhormat sejak beberapa tahun dahulu yang sememangnya antara cadangan sudah pun diambil untuk pelaksanaan di MBPP mahupun MPSP mungkin secara perintis dan bukan secara meluas, jadi sepertimana saya umumkan Fasa 3 adalah satu ujian kepada kita untuk *leapfrog* daripada 40% kepada 60%-70% yang diidamkan oleh Yang Berhormat dengan penggunaan teknologi yang sesuai tetapi bukan saja itu secara meluas juga diseluruh negeri Pulau Pinang. Yang Berhormat Batu Uban telah kemukakan isu berhubung dengan masalah kesesakan lalu lintas di kawasan.... (gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon laluan, sebelum saya ada cadangan dalam ucapan saya bagi Pulau Pinang membuat undang undang *on food waste* sebab kita mempunyai 355 tan *food waste* atau sisa makanan dari *hypermarket* dan kita Pulau Pinang pun mulai Jun ini akan serentak akan membuat program *food bank* di seluruh Pulau Pinang walau pun di Penanti kira sudah *start* pada 11 dan 12 Mei jadi France dia telah meluluskan undang-undang *food waste law* pada 2015 yang tidak membenarkan *supermarket* untuk membuang makanan yang tidak habis maknanya makanan yang belum luput boleh bagi kepada orang orang yang susah seperti apa yang kita buat di Penanti. Di Permatang Pauh jadi ada tak jawapan mengenai *food waste law*.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Kita selalu ada jawapan iaitu kita akan ambil maklum apa yang disarankan oleh Yang Berhormat, sebenarnya seperti mana saya jawab tadi ada usaha-usaha yang kini pun berlangsung atas *food waste suggestion* dan sebagainya cuma mungkin di pihak berkuasa mengambil masa untuk menerima pakai dan memperluaskan lagi program-program perintis di tempat - tempat yang kini melaksanakan pengasingan yang jauh lebih maju dengan apa yang kita usahakan sekarang namun kita akan kejar kita akan ambil masa satu atau dua tahun untuk memantapkan apa yang kita lakukan sebelum kita langkah ke arena yang baru jangan kita terlalu *ambitious* mulakan satu yang besar-besar tetapi hasilnya mungkin tak berapa bagus. Melainkan apa yang kita buat satu tapak *step by step*, satu tapak demi satu tapak, dan walaupun ambil masa yang lebih panjang 2, 3 tahun tidak apa. Kita masih muda lagi, negeri ini masih muda lagi, cuma 50 tahun lebih. Jadi, asalkan kita berjaya itu lebih penting daripada melakukan satu yang besar-besar tetapi mungkin tidak berhasil.

Untuk makluman Dewan ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan program *Bridge Express Shuttle Transit* bagi FTZ yang sudah dimulakan banyak tahun dan kini ada 10 bas yang disediakan dengan tambahan empat (4) bas *feeder*. Kesemua bas ini dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan penumpang membayar pass bulanan berjumlah RM60.00 sebulan untuk menikmati perkhidmatan ini setiap hari.

Itupun sudah banyak tahun kita lakukan, termasuk komuter bas dari Bertam, SPT dan SPS ke KOMTAR. Itupun sudah dilaksanakan untuk mengurangkan kenderaan di atas jalan, tetapi sekarang saya walaupun belum dimuktamadkan, kita sedang berusaha dengan Rapid Penang untuk memperkenalkan pass yang akan disokong dengan pembiayaan Kerajaan Negeri. Ini pun sudah banyak tahun kita cadangkan, kita hendak cadangkan membiayai RM10 juta untuk *free bus ride* semasa waktu puncak. Tetapi Rapid Penang ambil masa untuk mengeluarkan satu sistem atau teknologi yang dapat melaksanakan apa yang kita cadangkan. Dan saya rasa sudah masuk ke peringkat yang akhir, untuk kita melancarkan kad itu mungkin kita gunakan kad yang kini digunakan oleh Rapid Penang. Tetapi mungkin ada *feature-feature* yang baru untuk memasukkan tajaan Kerajaan Negeri sebanyak RM10 juta itu, kedalam pass yang digunakan oleh Rapid Penang. Jadi kita akan umumkan apabila sudah mantap.

YB. Tanjong Bunga telah menyarankan tentang *Dedicated Bicycle Lane* di Seberang Perai dan Pulau dan juga Bukit Bendera....(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon laluan. Tadi sebut tentang *feeder shuttle* kan, *I mean sorry, feeder bus*. RM10juta. *I think* Penanti kita sudah minta lama, sudah bentang. *Feeder shuttle* untuk 28,900 orang di Penanti, dan bus tidak boleh masuk, semua bas hari itu kita telah berbincang dengan *all the bus* tidak masuk.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Traffic light Padang Kota.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Ada keputusan ke?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Sudah ada keputusan dengan mesyuarat banyak kali dengan SPAD. Malangnya pengusaha yang dicadangkan itupun tidak berminat, dan mengundur diri daripada menawarkan perkhidmatan ini. Jadi, bahagian KT akan meneliti semula cadangan Yang Berhormat.

Mengenai *bicycle lane*, memang Yang Berhormat sedia maklum satu rangkaian laluan khas basikal telah dan sedang disediakan dibawah Pelan Induk Laluan Basikal Negeri. Laluan basikal ini pada mulanya diadakan untuk tujuan rekreasi, namun setelah penelitian dilakukan melalui pelaksanaan laluan khas basikal, Kerajaan Negeri sedar bahawa laluan khas ini boleh ditingkatkan bagi tujuan '*first and last mile connectivity*'. Saya tidak tahu mengapa sebaik sahaja saya sebut ini, Pulau Tikus masuk. Sebab banyak minat.

Setakat ini, MBPP sedang berusaha dan untuk menyiapkan 173.8km laluan basikal di Bahagian Pulau. Projek-projek pembinaan laluan basikal sedang dijalankan, boleh kita perhatikan di Jalan Tanjong Tokong dan sebagainya. Itulah projek yang sedang dilakukan, dan selain dari itu jejantas basikal dan pejalan kaki merentangi Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu serta Jambatan Basikal merentangi Sungai Ara dan Sungai Nibong, Laluan Basikal dari Tanjong Tokong ke Padang Kota Lama, Laluan Basikal dari Queensbay Ke Bayan Baru memang sedang dilaksanakan.

Di MPSP, panjang laluan basikal yang sedang disiapkan adalah 171km yang merangkumi seluruh kawasan Seberang Perai. Bagi cadangan laluan basikal di Bukit Bendera, cadangan ini disambut baik oleh Kerajaan Negeri namun perkara ini perlu diteliti dan kajian lanjut perlu dilaksanakan bagi melihat kepada kebolehlaksanaan laluan khas ini diatas Bukit Bendera.

Untuk makluman Yang Berhormat, status terkini pelaksanaan *Penang Transport Masterplan* sudahpun dinyatakan tadi dalam menjawab soalan daripada Yang Berhormat Batu Uban mengenai pelaksanaan *Penang South Reclamation* atau PSR. PSR merupakan Projek Transformasi Ekonomi Kerajaan Negeri jangka masa panjang bagi memperkembangkan hab perkhidmatan dan pembuatan antarabangsa yang lestari di Negeri Pulau Pinang. Dengan adanya tanah baru yang ditambah seluas 4,500 ekar (merangkumi 3 pulau di kawasan selatan bahagian pulau), Pelan Induk Komprehensif ini mampu menarik pelabur asing dan memacu kedinamikan ekonomi Pulau Pinang.

Di samping itu, Kerajaan Negeri dapat menyediakan rumah mampu milik berkualiti dilokasi-lokasi strategik yang melibatkan jaringan pengangkutan awam dan mewujudkan satu *smart city* yang mampan. Status terkini pelaksanaan PSR adalah Laporan DEIA dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada 28 April 2017, kelmarin sudah mulanya *public display* sepertimana dalam iklan-iklan di 4 akhbar utama semua bahasa sudahpun diiklankan bahawa orang awam boleh menyemak Laporan DEIA ini mulai daripada 24 Mei sehingga 23 Jun tahun ini pada waktu pejabat iaitu 8 hingga 5 petang dan kemukakan ulasan bertulis kepada Jabatan Alam Sekitar sebelum 7 Julai tahun ini. Ulasan itu boleh diserahkan kepada Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, di Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar di Putrajaya. Sudah dikenalpasti *public display* ini dilakukan di 12 lokasi yang dipilih.

Pertamanya Perpustakaan Negara Malaysia di Kuala Lumpur. Kedua, Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar di Putrajaya. Ketiga, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang di Seberang Jaya. Keempat, di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri di Komtar. Kelima, Dewan Perbandaran MBPP

di Jalan Padang Kota Lama. Keenam, di Majlis Perbandaran Seberang Perai di Jalan Perda Utama, Bukit Mertajam. Ketujuh, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan di Sungai Jawi. Kelapan, Balai Polis Teluk Kumbar, Jalan Gertak Sanggul. Saya tidak tahu orang berani masuk atau tidak, tetapi disana selamatlah. Balai Polis Teluk Kumbar. Kesembilan, Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan di Gertak Sanggul. Kesepuluh, Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan di Permatang Damar Laut dan Kesebelas, Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang di Wisma Persekutuan Kepala Batas dan akhirnya Kedua Belas Jabatan Alam Sekitar Cawangan Bayan Lepas di Kristal Point, Bayan Baru.

Inilah lokasi-lokasi yang dikenalpastikan oleh Jabatan Alam Sekitar. Orang awam juga boleh memperoleh satu set Laporan DEIA ini daripada jururunding Dr. Nik & Associates. Orang awam juga boleh melayari laman web www.goe.gov.my, www.drnik.com.my dan juga www.penang.gov.my untuk merujuk kepada laporan penuh DEIA ini.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Penjelasan. Terima kasih YB. Dato'. Pagi tadi ada terima pemberitahuan pertama ini. Tetapi dilampirkan dengan satu peta *Oil And Gas Map Of Malaysia*, saya fikir ini memang ada satu *hint* diberikan kepada kita semua. Mengapa ini diberikan kepada kita.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Ini untuk menjawab soalan yang diberikan. Tidak kena mengena dengan pemberitahuan itu mungkin dikepil bersama sahaja. Sebab Yang Berhormat bangkit isu kemungkinan ada petroleum di bawah PSR, itu soalan Yang Berhormat. Dan saya juga ambil kesempatan ini, bahawa perkara ini dirujuk kepada jururunding kita dan makluman yang diperolehi berdasarkan kajian *National Oil And Gas Industries Body* yang diterbitkan oleh *Malaysian Oil And Gas Services Council* yang dikongsikan bersama dalam *The 12th Asian Oil, Gas And Petrol Chemical Engineering Exhibition* adalah didapati tiada sumber petroleum dan gas diperairan Pulau Pinang. Itu lampiran untuk perhatian Yang Berhormat dan juga Ahli-Ahli yang berminat. Mungkin dikepilkan dengan notis ini, ini dua perkara yang walaupun ada sangkut paut tetapi berasingan.

YB. Dato' Yang di-Pertua, pembangunan mampan sesebuah negeri bergantung kepada sesuatu pelan perancangan yang sistematik dan realistik tidak kira pelan pengangkutan mahupun pelan tebatan banjir. Ia memberi impak besar kepada kadar pertumbuhan ekonomi, *liveability* dan *sustainability* sesuatu bandar. Oleh itu, saya ingin menegaskan bahawa sesuatu pelan perancangan tersebut bukan sahaja perlu lebih murah dan cepat, tetapi lebih penting agar pelan tersebut adalah *reliable*, *sustainable* dan *feasible*. Sebelum akhir, saya ingin juga mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadhan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Hendak akhir.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Ramadan pun sudah diucapkan. Selamat Menyambut.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Padang Kota, saya hendak bercakap sedikit. Boleh. Saya nampak akhir itu. Saya sebenarnya hendak pergi bilik air, saya tahan kerana memberi penghormatan. YB. Dato' Speaker, semua perkara yang saya bangkit walaupun perkara kecil YB. Padang Kota tidak jawab.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ada Sungai Kecil, ada.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Tidak apa. Saya hendak sebut ini. Okey. Tidak apa, saya hendak jawab. Yang pertama saya bekal dengan Syarikat Alam Indah ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Dato' Sungai Kecil. Eh, Sungai Kecil pula Sungai Aceh. *Handphone*.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Oh! ganggu ini, sabotaj ini. *Sorry. Sorry.* Dato' Speaker, berkait dengan Syarikat Alam Indah Sdn. Bhd, saya bertanya. Saya bercakap semalam, kes yang syarikat yang dapat .

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Parking.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Parking. Okay, saya tanya dalam soalan dewan. Saya tanya tender macam mana. Saya ingat terbuka, sebenarnya cara 'RFP'. Mungkin 'RFP' Terbuka. Macam Air Putih sebut semalam, dia kata 'RFP Terbuka'. *Okay.* Yang saya tanya, syarikat ini betulkah dia kena bayar kepada Majlis Bandaraya RM650 juta sebulan, soalan saya. Kemudian bayaran bulanan dia, dia ikut peraturan tak. Dia tertunggak tak. Kalau ikut, kalau dia tertunggak dia kena bayar denda. Jadi kalau kata tertunggak berapa bulan dia tertunggak, itu saya buat pertanyaan saya semalam. Kemudian adakah denda dikenakan kerana dia gagal mematuhi perjanjian kerana tertunggak bayaran bulanan. Kemudian difahamkan juga pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang dia kena bayar ganti rugi kalau ada halangan petak-petak yang dia sepatutnya ini lepas itu adalah depa letak tong lah, kerusi lah. Jadi, syarikat ini tuntutan berdasarkan apa yang mengatakan petak itu ada tong ada kayu. So berapa banyakkah kes seumpama ini yang telah dituntut oleh Syarikat Alam Indah. Kemudian ada juga(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Aceh, ringkaskan apa yang hendak tanya, panjang dah

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Ada tiga.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya, cepat cepat.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Kemudian ada juga petak-petak yang kadang-kadang yang digunakan oleh penjaja-penjaja. So Majlis Bandaraya Pulau Pinang kena bayar kepada dia lah sebab petak itu sepatutnya dia mendapat hasil. Jadi bagaimana tuntutan dibuat dan apa bukti *proof* yang Majlis Bandaraya Pulau Pinang hendak bayar kepada dia, betulkah? Yang berikutnya YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya ada sebut kelmarin pasal gerai kiosk yang makanan sedap itu tidak ada *respond* lagi, perkara kecil saja tetapi kalau YB. Padang Kota hendak makan, makanannya sedap, salah satu tarikan. Jadi kiosk ini saya sebut hari itu dia dihantar notis oleh Kerajaan Negeri suruh runtuh di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN) kerana ada halangan apa semua. Kalau ikut yang dia buat ini sedikit sahaja *awning*, khemah... (gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Itu sudah bahas, saya pun sudah dengar.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Dia tidak jawab.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tidak apa nanti dia jawab.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Tidak, ini saya hendak *announce*. Tidak ada jawapan, jadi saya kena ulanglah.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Ini isu tanah bukan portfolio saya.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Jadi ini isu tanah tapi yang jawab kat saya, Chow Kon Yeow siapa? Sekarang dah jadi EXCO tanah dah? Esok jadi Ketua Menteri boleh jawab isu tanah. Respon ini yang saya tanya ini. Terima kasih. Saya baik daripada YB. Pulau Betong dia kata *you* kena mai sini tetapi saya kata *you* ganti pi sana, saya lagi baiklah. YB. Padang Kota jadi saya hendak buat perbandingan ini masyarakat, rakyat dia kata yang gerai penjaja kecil yang untungnya tidak banyak kira hendak hentam hendak roboh sahaja tetapi yang besar seperti Lot 229....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Aceh saya juga sudah boleh hafal. Ini sudah bangkit dalam perbahasan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Tetapi dia tidak jawab.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak apa nanti YB. Padang Kota akan jawab.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Jadi saya buat perbandingan yang kecil sebenarnya yang kecil ini depa patuh tau, depa patuh kepada Pentadbir Tanah depa sudah runtuh, depa sudah rugi ini. Cendol semangkuk berapa ringgit sahaja. Yang ini sampai sekarang Lot 229 dekat anjung itu, kemudian yang ini dalam kawasan ini sampai sekarang begitu kebal tidak diruntuhkan, ada kuda, yang Yang Berhormat Penanti melawat itu yang itulah, betul tak Yang Berhormat Penanti? sampai sekarang tidak runtuh, yang kecil runtuh dimana keadilan CAT itu saya sebut dah hari itu salam takziah CAT dah mati, tidak bantu .

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Ada satu lagi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dok ulang yang berbahasan saya tak nak izin dah.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Tadi YB. Sungai Aceh kata tahan, saya tahan tahan juga.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Okey satu lagi, tambah sikit sahaja last, nnti depa dengar saya tidak bawa ini undi hilang tau jangan main-main . Sekarang saya jawab. Saya YB. Padang Kota, bukan takat kata YB. Seri Delima dan yang YB. Pulau Betong dok berlakon sahaja saya pun hendak berlakon hari ini. Lagi satu YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, ada bantahan pemasangan unifon antena di Taman Buntar Indah, ini ada tandatangan banyak. YB. Padang Kota tengoklah, hormatlah saya juga, banyak mereka bantah. Sampai sekarang pihak PBT senyap katanya dia lulus....(gangguan telefon).... apa telefon ini, ini hendak sabotaj lah ni.....Kemudian ada *banner* dia buat bantahan saya tanya YB. Jawi, dia bantah kan? Yang Berhormat Jawi kata depa tidak mahu depa saman. Nampak YB. Jawi sokong ni. YB. Yang di-Pertua Dewan, harap dapat jawapan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Sungai Aceh atas beberapa pertanyaan, mengenai Alam Indah selaku kontraktor yang dipilih untuk melaksanakan tempat letak kereta atau pungutan bayaran tempat letak kereta di MBPP. Maksud RFP juga satu jenis *tender*, di negara ini ada pelbagai jenis *tender* ada tender yang memerlukan penender membuat cadangan orang yang panggil tender itu mungkin ada satu idea saya mahu bina sesuatu dan buka untuk idea-idea itu selalunya melalui RFP dimana pembida ada ruang dan peluang untuk mencadangkan dalam kes ini satu teknologi kutipan yuran parkir sama ada melalui kupon, melalui *smart gadget*, melalui *handphone* itu terpulang kepada orang yang membuat pembidaan terhadap tender melalui RFP yang pelawaan oleh Majlis. Majlis tidak menyebutkan apa sistem yang mereka mahu terpulanglah kepada pencadang untuk meyakinkan Majlis bahawa teknologi mereka adalah

yang terbaik mereka dapat kutip dengan amat berkesan akan membawa pulangan yang baik itulah selalunya di bawah RFP sebab Majlis tidak menentukan apa secara spesifiknya cuba menyatakan satu sistem pungutan yuran parkir di Majlis, itu terpulanglah, *you* nak pakai orang tulis, *you* hendak pakai kupon, *you* hendak pakai *smart parking gadget*, *you* hendak pakai Aplikasi Apps terpulang kepada teknologi yang dicadangkan oleh pembida.

Berbanding dengan JKR mungkin dia sudah buat satu cadangan untuk membina sebuah bangunan *engineer*, jurutera, arkitek pun sudah lukis besarnya, tingginya, sistem perparitannya, elektriknya, *aircondnya* di mana, itu pun satu tender di mana kontraktor perlu ikut apa yang dituliskan dalam dokumen tender itu dan sebut harga yang mereka kata mampu melakukan tugas kerja itu. Itu pun tender, tender maksudnya ada pelbagai jenis. RFP cuma satu daripada pelbagai jenis tender yang diamalkan di negara ini. RFP itu juga terbuka sebab kita pelawa mana-mana syarikat yang ada teknologi itu cadangkan kepada Majlis, itu sahaja.

Isu-isu yang dibangkitkan memang syarikat itu dia membida dia kata dia gunakan gadget ini dan dia kawal satu harga, kalau *Council* bagi kontrak saya setiap bulan saya bayar *council* RM650,000.00 saya tidak ingatlah *figure* itu dan terpulanglah kepada dia syarikat dia kutip RM700,000.00 atau RM800,000.00 terpulang kepada pengiraannya apabila dia mengambil bahagian dalam RFP itu. Kalau kurang itu tanggungjawab syarikat itu dia perlu bayar setiap bulan RM650,000.00 kepada Majlis, itu syarat yang jelas sahaja, majlis tidak sebut apa-apa. Ada kalanya Majlis ada sebut *reserve price* mungkin saya mahu RM500,000.00 sebab kutipan saya sekarang RM500,000.00 misalnya, kalau *you* hendak cadang apa yang dicadangkan sepatutnya tidak kurang daripada apa yang saya kutip sekarang, itu terpulanglah dia hendak *reserve price* itu terpulang kepada tender-tender berkenaan. Memang dalam perjanjian itu ada pelbagai syarat kalau dia ada tunggakan dia akan dikenakan denda. Kalau tempat-tempat letak kereta disalahgunakan dia perlu tunjukkan bukti lot-lot ini diambil alih oleh penjaja, dia boleh tangkap gambar dan beri senarai kepada Majlis setiap bulan dan mengira kerugian oleh kerana petak-petak ini digunakan oleh Majlis untuk satu acara sukan misalnya 20 petak diambil untuk 8 jam, 10 jam untuk tiga (3) hari dia boleh kiralah kehilangan hasil katakan RM1000.00 dia akan tuntutan, itu dibenarkan dalam perjanjian. Kiosk yang kata terima, saya rasa sudah...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Soalan saya tidak jawab lagi, saya tanya ada tidak tunggakan

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Memang ada tunggakan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Maknanya ada banyaklah, dan denda dikenakan?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Denda akan dikenakan, memang dalam perjanjian akan dikenakan. Jangan bandingkan kes-kes di sini tidak diambil tindakan oleh kerana YB. Sungai Aceh telah bangkitkan kes itu saja berharap sama ada Pejabat Daerah Seberang Perai Selatan dengan MPSP ambil tindakan sahaja. Jangan fikir-fikir lagi ambil tindakan sahaja.

Untuk tambahan unifon atau struktur telekomunikasi...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Tadi yang pejabat daerah memang telah ambil tindakan dia telah keluaran notis tadi ni, so gerai tadi patuh kepada arahan itu yang saya timbul yang belah Pulau yang bangunan besar...(gangguan).

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya kata jangan banding-banding kes, kalau di bawah tanggungjawab ambil tindakan sahaja tidak ada orang halang agensi daripada mengambil tindakan. Ini keputusan Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker, kita dalam Negeri Pulau Pinang bukan sama, kenapa hendak bandingkan supaya tindakan segera diambil, setuju?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Sama juga lah, kalau kena ambil tindakan, mestilah kena ambil tindakan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Maksudnya YB. Padang Kota bersetuju supaya tindakan segera diambil, setuju?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Setuju.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Tetapi saya dimaklumkan, saya ingat YB. Penanti tolong bantu saya, tadi YB. Jawi sudah bantu. Betulkah mereka kata hendak buat pemutihan? Setuju kata hendak membuat pemutihan? Katakan yang benar, Allah tengok...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya hendak habiskan kerana sudah pukul satu.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya minta penjelasan berkenaan kes yang sama dan benda ini penting untuk makluman kepada kerajaan negeri dan rakyat Pulau Pinang saya menerima jawapan daripada YB. Sungai Puyu berkenaan dengan soalan lisan saya yang baru diletak atas meja saya. Terdapat sebuah bangunan kekal ini bukan gerai ini restoran makanan laut yang baru dibina di pantai Bagan Ajam, Pantai Bersih. Yang bila saya tanya ada dapat kelulusan atau pun tidak jawapannya macam ini, "Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Tengah telah mengeluarkan 22 notis di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN) kepada pemilik struktur di atas tanah rizab pantai di Pantai Bersih untuk mengosong dan merobohkan bangunan".

Okey, satu daripada perkara yang dibangkitkan bahawa semua gerai disitu tidak ada kebenaran saya tanya kepada Pengarah JPS dimaklumkan juga bahawa JPS juga tidak ada bagi kebenaran kerana itu rizab pantai, persoalannya ini kedai baru dibina struktur kekal *is a big restaurant* dan tengah bina itu semua orang semua tanya saya, kita pun buat bantahan bagaitau kepada MPSP tanya kepada JPS tetapi terus buat dan sekarang beroperasi sebagai sebuah restoran makanan laut, tidak endah langsung 22 notis yang diberikan kalau kata YB. Padang Kota kata arahan telah dikeluarkan untuk tindakan *go ahead* kita hendak tengok ketegasan kerajaan CAT tentang menangani masalah ini.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya tidak nampak apa keistimewaan kes yang disebutkan untuk tindakan jadi ambil tindakan sahajalah.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tidak istimewa tidak apalah, sebab ini bangunan baru dan polisinya *last in first out*. Kalau buat tanpa kebenaran ambil tindakan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Ya, ambil tindakan sama sahaja, tidak ada keistimewaan

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Kenapa dibiarkan? bila?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Bila ambil tindakan. Sedang pun diambil tindakan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta jalan, Pejabat Daerah dan MPSP sedang ambil tindakan dan telah dimaklumkan pada semua bahawanya semua struktur baru yang sedang dibenarkan tindakan akan diambil tanpa rujuk kepada ADUN kawasan atau Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan iaitu yang baru dibina tiada kelulusan ambil tindakan roboh.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Seluruh negeri, jangan pilih-pilih tapak, pilih kawasan pula.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Apabila tindakan diambil janganlah mengatakan Kerajaan Negeri ini kejam kerajaan ini tidak bertimbang rasa, tindakan perlu diambil.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Semasa tengah naik itu kita telah beritahu tetapi tidak ambil kisah pun. Tahu dah ini bukan dapat kebenaran, yang lama satu bab, yang ini baru dibina.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Jadi saya rasa pimpinan di Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara kalau melibatkan MPSP tolong ambil tindakan jangan membenarkan imej Kerajaan Negeri dicemari kerana tidak ambil tindakan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya buat ini berkaitan dengan pihak berkuasa juga.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya lah, *clear*

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Jelas dah, saya ingin menegaskan bahawa sesuatu pelan rancangan tersebut saya sudah cakap, jadi dengan itu saya juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri dan rakan-rakan EXCO kerana dapat.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Satu lagi, yang pasal menara tadi, tadi tak nak cakap.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Menara kalau diberi kelulusan ianya perlu dikekalkan kalau tidak dapat kelulusan prosedur sama, turunkan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Walaupun rakyat membantah.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Kalau ada bantahan syarikat telekomunikasi perlu memberi penerangan kepada (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Ini memang bantah.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya sudah jawab.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

Saya ingat hari itu.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya sudah jawab.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Padang Kota, saya ingat Yang Berhormat Air Putih kata kepada saya, kalau saya hendak perintah pun rakyat kena sokong, sekarang rakyat sudah sokong, YB. Padang Kota takut, maknanya gagal lah.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

sudah jawablah. YB. Padang kota habis.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker, Yang Berhormat hendak bertanding di Parlimen Nibong Tebal, saya orang Nibong Tebal kena ingat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tidak ada, silap. Terima kasih YB. Padang Kota. Ahli-ahli Yang Berhormat saya hendak tangguh Dewan untuk berhenti rehat kerana banyak masa yang diangkat saya hendak berhenti rehat dan kita akan bersambung balik pada pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.05 petang.

Dewan bersambung semula pada jam 2.30 petang.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan disambung semula. Jemput YB. Pantai Jerejak.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. *Alhamdulillah* bersyukur kepada Allah S.W.T untuk bertemu dan berkumpul didalam Dewan yang mulia bagi menghadiri Mesyuarat Pertama Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas pada hari ini untuk membawa amanah dan harapan rakyat di Negeri Pulau Pinang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengambil kesempatan bagi pihak pengundi saya di DUN Pantai Jerejak dan seluruh rakyat Pulau Pinang mengucapkan ribuan terima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tun di atas pelantikan semula sebagai Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang untuk tempoh sepenggal lagi. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut serta mengambil bahagian dalam sesi perbahasan di atas Ucapan Perasmian Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang sempena Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas Negeri Pulau Pinang. Khususnya yang melibatkan Pembangunan Industri dan Perdagangan Antarabangsa, Koperasi, Pembangunan Masyarakat dan Pembangunan Keusahawanan yang telah diamanahkan kepada saya. Sesungguhnya setiap cadangan, kritikan, pengiktirafan dan pujian yang diberikan seharusnya diterima dengan hati yang terbuka dan pertimbangan yang sewajarnya diberi oleh Kerajaan Negeri demi memastikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat terpelihara. Sebagai salah seorang daripada barisan EXCO Kerajaan Negeri, saya juga ingin melahirkan rasa bangga dengan pencapaian yang memberangsangkan sebagaimana yang dimaklumkan oleh Tuan Yang Terutama Tun dalam ucapan Perasmian bahawa sepanjang tahun 2016 Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri dan brisan EXCO Kerajaan Negeri telah menguruskan kewangan dan pentadbiran negeri dengan berkesan. Kedudukan kewangan terus mantap manakala penjanaan sumber pendapatan negeri terus dipelbagaikan. Saya dimaklumkan bahawa *Exit Conference* bagi Penyata Kewangan Negeri Tahun 2016 oleh Ketua Audit negara menunjukkan pengurusan kewangan negeri adalah amat memberangsangkan. Sepertimana Tuan Yang Terutama Tun, saya juga turut berbangga apabila Pulau Pinang selama sembilan tahun berturut-turut terus mendahului negeri-negeri lain dalam mengemukakan Penyata Kewangan Negeri paling awal.

Isu CAT telah mati tidak benar sebagaimana yang dilaungkan oleh pembangkang adalah tidak benar kerana TYT Tun menyebutnya dua kali semasa ucapan Perasmian Sidang Dewan Undangan Negeri pada 19 Mei 2017 baru-baru ini. Dimana dalam ucapan menyatakan semua ini kejayaan Kerajaan Negeri tidak mungkin tercapai tanpa pentadbiran Cekap, Akauntabiliti dan Telus ataupun CAT dan kepimpinan bersih yang diterap ke dalam tatakelola Kerajaan Negeri. Urustadbir CAT membuahkan kejayaan apabila lebih bajet sebanyak RM573 juta bagi tempoh lapan tahun dari tahun 2008 hingga 2015.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Setuju dak Yang Berhormat dengan saya, Yang Berhormat tak *qualified* duduk dalam CAT sebab apa ikut penggulungan Ketua Menteri semalam dia lompat, nombor 1, 2, 3 akan ganti dia. Adakah Yang Berhormat *qualified* ...(*gangguan*).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang lain duduk...(*gangguan*).

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Jawatankuasa MMK. Pembangunan Industri dan Perdagangan Antarabangsa, dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bertaraf antarabangsa dan pintar, Kerajaan Negeri perlu menjayakan transformasi ke arah negeri keusahawanan dan kebajikan di mana semua rakyat diberikan peluang yang sama untuk mengecapi kemajuan ekonomi serta hasil kemakmuran juga dapat dinikmati oleh semua tanpa kira agama dan kaum. Transformasi ini menampakkan hasil apabila pertumbuhan per kapita (GDP) telah membangun daripada kedudukan tercorot di bawah di antara semua negeri-negeri di Malaysia dalam tempoh 2005 hingga 2015 kepada yang paling baik mulai 2013 hingga 2015.

Pulau Pinang adalah satu-satunya negeri industri di Malaysia dengan sektor pembuatan menyumbang 45% dan sektor perkhidmatan menyumbang 50% kepada GDP negeri. Jumlah pelaburan mencatatkan peningkatan sebanyak 73% iaitu peningkatan daripada RM34.2 bilion pada tahun 1999 hingga 2007 kepada RM59.2 bilion untuk tempoh 9 tahun yang sama pada tahun 2008 hingga 2016. Peluang pekerjaan baru juga naik 15% daripada 121,511 pekerjaan baru untuk tempoh 1999 hingga 2007 kepada 139,133 pekerjaan baru untuk tempoh 2008 hingga 2016. Kerajaan Negeri akan terus bekerjasama dengan agensi Kerajaan yang terlibat untuk menarik lebih banyak pelaburan.

Pulau Pinang juga mencatatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.5% berbanding dengan pertumbuhan GDP negara sebanyak 5% pada 2015. Sektor pembuatan yang merupakan *prime mover* atau penggerak utama kepada ekonomi Negeri Pulau Pinang. Sektor pembuatan berada di ambang Revolusi Industri 4.0 yang membabitkan Big Data Analytics, Cloud Computing, E-Commerce, Crowd Sourcing dan Internet of Things (IOT).

Mengenai cadangan YB. ADUN Permatang Pasir agar Kerajaan Negeri melaksanakan langkah-langkah tersebut untuk meningkatkan pelaburan di Negeri Pulau Pinang. Saya menyambut baik akan cadangan YB ADUN Permatang pasir agar melaksanakan langkah-langkah untuk meningkatkan pelaburan di Negeri Pulau Pinang seperti berikut:-

- (i) Kerajaan Negeri sememangnya mengamalkan dasar Cekap, Akauntabiliti dan Telus atau *Competency, Accountability and Transperency (CAT)* dalam semua urusan pentadbiran negeri, dan ini termasuklah dalam aktiviti promosi pelaburan negeri.
- (ii) Kerajaan Negeri akan terus memberikan tumpuan kepada kekuatan Pulau Pinang dalam bidang (E & E) Elektronik dan Elektrikal serta kebolehan mempelbagaikan aktiviti industri seperti pembuatan peralatan perubatan *medical devices* sains kesihatan, aeroangkasa dan avionic dan teknologi LED. Baru-baru ini ...(*gangguan*) Program Semicon South East Asia Conference 2017 telah diadakan di negeri ini pada 25 April 2017 untuk tahun ke-3 berturut-turut yang melibatkan keseluruhan syarikat multinasional (MNC) di peringkat South East Asia yang terkenal di seluruh dunia yang menunjukkan Pulau Pinang mempunyai kelebihan bagaimana kita mempromosikan Semi Conductor Conference 2017 yang dihadiri sendiri oleh YB. Dato' Seri Mustapha Mohamad mewakili MITI. Sila.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Dengan pelaburan yang baru berapa banyakkah pekerja asing yang diperlukan dalam sektor ini.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya tidak ada *figure* yang sebenarnya tetapi dari jumlah keperluan yang saya sebutkan tadi untuk tahun lepas sahaja *figure* 139,133 pekerjaan baru dalam tempoh 8 tahun tersebut, pekerja asing kita menghadkan kedatangan pekerja-pekerja asing tetapi kita perlu juga kepakaran yang mungkin tidak boleh didapati di negeri kita ini tetapi memang kita tidak benarkan keseluruhan pekerja-pekerja terdiri dari pekerja-pekerja asing.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat, soalan saya *simple* saya, saya nak berapa jumlah pekerja asing, angka berapa ramai, berapa ribu, berapa puluh ribu pekerja asing yang diperlukan dan apakah bidang-bidang yang rakyat Malaysia tidak boleh buat. Kalau Yang Berhormat buat pelaburan masuk, Yang Berhormat tak pelan dengan jumlah pekerja asing menunjukkan Yang Berhormat tak amalkan CAT. Sebab apa YB. Perai kata semalam dia tak perlu pekerja asing. Masalah Kerajaan Persekutuan, so nampak macam satu plan bawa *investment* yang perlukan pekerja asing, satu kata tak perlu. So dimana yang guna CAT ini, CAT dah mati. Tak gunalah. Cakap saja saya tidak tahu saya punya kerja hanya bawa pelabur berapa ramai orang saya tak peduli, dan kita tak susun atur orang yang datang tak ada tempat nak letak kat mana pun tak tau, bersepah. Satu rumah 20 orang, 30 orang, so Yang Berhormat kalau buat amalan yang betul-betul, terjemahkan itu soalan...(gangguan). Bawa bertenang, buat kerja pelan betul-betul, kalau bawa masuk macam ni sekian banyak, kalau Yang Berhormat tidak tahu cakap kat sini saja, saya balik nak habaq kat orang kampung macam mana. Berapa ramai pulak yang Bangla mai...(gangguan).

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Yang Berhormat, syarikat-syarikat yang majoritinya dari syarikat multi national dibawah pelaburan ini mereka akan mencadangkan berapa ramai pekerja-pekerja yang mereka akan bawa masuk...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah)

Bagi tau kat Dewan. Kita nak tau angka saja, bukan nak gaduh pun, kita suka pelaburan tapi konflik tu, seorang kata tak mau, seorang kata mau, berapa ramai nak mai lagi. Cukupkah rumah yang kita nak sediakan.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Kalau tengok trend pekerja-pekerja asing, *priority* kita adalah untuk memberi ruang kepada anak tempatan untuk bekerja...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Yang Berhormat tidak jawab, Yang Berhormat toleh beri saya jawapan bertulis. Nanti malam pun tak habis. Yang Berhormat kalau saya tanya Yang Berhormat apakah bidang yang hendak beri kepada anak tempatan, dan kelulusan apa, Elektrikal ke, Mekatronik ke, kalau saya tanya.Saya bantu Yang Berhormat, tolong beri yang bertulis saya nak tengok benda tu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan, Yang Berhormat. Saya rasa YB. Teluk Bahang ini mungkin dia keliru. Ada dia kata pertamanya dia tanya sama ada kita bersedia untuk membawa pekerja asing, pada masa yang sama dia mengadu pasal warganegara Bangladesh. Ini adalah saya percaya dibawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Tak ada kena mengena dengan Kerajaan Negeri. Dan kita lihat baru-baru ini tindakan Kerajaan Persekutuan bawa masuk pelarian daripada Syria lebih kurang 1,500 orang. Ada berita pulak mengatakan bahawa mereka telah ditapis samada ada mempunyai kepakaran untuk membuat bom dan sebagainya. Ini adalah perkara-perkara yang wajib dan wajar untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Persekutuan. Apa kena mengena dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kelirulah apa yang Yang Berhormat perlu bahaskan.

Soalan saya di sini bercakap tentang CAT ini Yang Berhormat saya minta penjelasan beri rekod Dewan yang mulia ini, adakah apa-apa tanah rezab orang Melayu telah ditukar milik dan dijual oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang seperti mana yang berlaku di Johor Bharu yang dilakukan oleh UMNO. Apa-apa kejadian sebegitu berlaku tanah-tanah orang Melayu di Pulau Pinang dijual atau ditukarmilik. Minta rekod, saya ingin tahu. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Sebab yang keliru ni bukan saya. Saya kata sebagai contoh, negara mana bawa mai. Lepas itu kita cakap pasal *invenstment*, bukan cakap pasal tanah. Pulau Pinang ini negeri Selat mana ada *reserve* Melayu...(ganggu). Saya habaq, kalau tanya pun tak faham...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Biar EXCO jawab. Yang Berhormat bukan EXCO.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Yang Berhormat, kalau kita lihat apa yang telah saya baca berkenaan dengan rekod yang melibatkan pelaburan telah menunjukkan prestasi yang baik. Syarikat-syarikat dapat mengekalkan dan mereka membuat pengembangan terhadap perniagaan mereka dalam syarikat-syarikat multi nasional ini. Selain daripada pembuatan, tumpuan juga diberikan kepada *Business Process Outsourcing*...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta maaf Yang Berhormat, saya nak minta ada atau tidak tanah milik orang Melayu tanah *reserve* orang Melayu ditukar milik dan dijual seperti yang berlaku secara besar-besaran di Johor Bharu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

YB. Dato' Speaker, ini tak ada kena mengena langsung. Mengapa tak kawal?....(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Siapa yang jual tanah Melayu? Siapa jual? UMNO ka DAP?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah): .

Saya akan duduk, *gentleman*.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Duduk, duduk. Duduk dua-dua. Silakan, sila teruskan YB. Pantai Jerejak.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

YB. Seri Delima untuk *respond* kepada apa yang YB. Seri Delima sebut, sememangnya telah terbukti bagaimana tanah yang disebutkan tadi di Johor dijual tanah-tanah kepunyaan orang-orang Melayu, tapi tidak berlaku di Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih, terima kasih. Teluk Bahang dengar tak, terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya teruskan, selain daripada bidang pelaburan ditumpukan kepada pembuatan, bidang kepada *Business Process Outsourcing Shared Services Global, Business Services Outsourcing*, penyelidikan dan pembangunan *Design* dan juga RND teknologi-teknologi maklumat, *software* dan industri digital dan perkhidmatan sumber manusia, aktiviti-aktiviti ini dapat mewujudkan peluang pekerjaan yang bernilai tinggi kerajaan melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah menubuhkan dua (2) lokasi menyemarakkan lagi prasarana BPO HUB iaitu BPO Mayang di Bayan Baru dan satu lagi BPO Biosi di Zon Perdagangan Bebas FTZ. Ini menunjukkan bagaimana perkembangan dari industri pembuatan kepada industri *shared services* ataupun industri perkhidmatan.

Kerajaan Negeri akan terus meningkatkan aktiviti promosi pelaburan kesemua taman perindustrian dan seluruh Negeri mengikut kesesuaian aktiviti-aktiviti dan jenis perniagaan. Penambahbaikan infrastruktur dilaksanakan secara berterusan bagi taman-taman perindustrian dan tekonologi yang bertaraf antarabangsa, perkampungan industri kecil dan sederhana, SME ataupun SMI yang lengkap dengan semua kemudahan utama juga dibangunkan di kawasan-kawasan yang sama. Ini bermaksud bahawa bukan sahaja multi-national tetapi syarikat-syarikat yang memberi sokongan dan dorongan kepada syarikat-syarikat yang diturut itu iaitu perkampungan industri kecil SME, SMI juga turut dibangunkan oleh Kerajaan Negeri. Selain itu Kerajaan Negeri juga akan menyediakan fasilitasi kepada pelabur supaya membantu dalam *is off doing business* untuk memudahkan lagi mereka membuat perniagaan dan juga bekerjasama dengan semua *stakeholders* supaya kos untuk menjalankan perniagaan atau pun kos *of doing business* ini akan terus kekal kompetitif.

Selain itu agensi-agensi dan pihak-pihak berkepentingan akan bekerjasama dan memastikan Pulau Pinang mempunyai bakat yang mencukupi untuk memenuhi kehendak pelabur. Saya tidak nafikan bahawa pelaburan sejak tiga tahun yang lepas 2016, 2015, 2014 jumlahnya memang jumlah keseluruhan pelaburan memang menurun tetapi memang usaha untuk mencari para pelabur untuk membangunkan Negeri Pulau Pinang, ini bukan hanya tertakluk kepada Kerajaan Negeri tapi kita juga memerlukan agensi Persekutuan khususnya MIDA, MITI, dan juga MATRED. Jadi saya ingin menyeru juga, memohon kepada MITI, MIDA untuk, jika mereka yang mempunyai banyak cawangan-cawangan di seluruh Negara jangan hanya memberi promosi kepada Negeri-Negeri lain dalam Negara ini tetapi saya juga bantu untuk mempromosikan Pulau Pinang ini untuk jadi saya minta juga Yang Berhormat salah seorang usahawan juga kalau mengikuti rombongan-rombongan pelaburan juga jangan lupa YB. merupakan YB. daripada Negeri Pulau Pinang. Jangan sampai tidak mempromosikan Pulau Pinang ini, Kerajaan Negeri telah berusaha sedaya upaya untuk memastikan penerusan kepada kecemerlangan yang kita ada.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

So Yang Berhormat mengeluarkan *statement*, selama ini MIDA, MITI tak pernah bantu Kerajaan Negeri?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya tak kata tak pernah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

So Yang Berhormat kena kata, MIDA dan MITI telah bantu sepenuh-penuhnya dan saya minta Yang Berhormat bagi maklumat berapa banyak yang MIDA bantu Kerajaan Negeri bawa *investment*? Saya nak maklumat itu. Baru saya boleh cakap oh MIDA tak pernah tolong sebagaimana Timbalan Ketua Menteri yang tak *qualified* CAT ini kata *you* tak bantu. So bagi maklumat itu kita nak tengok dari segi *fact* kalau MIDA dan MITI tidak bantu Yang Berhormat bawa keluar *statement* di luar kata MIDA dan MITI tidak bantu Kerajaan Negeri dalam industri.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Yang Berhormat saya nak tambah sedikit Yang Berhormat saya masih ingat lagi dua tiga tahun lalu terdapat penerbangan terus Air Asia daripada Chennai ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Dan juga sebaliknya daripada Pulau Pinang terus ke Chennai. Difahami bahawa pihak Kerajaan Persekutuan sama ada MIDA dan MITI juga tidak memberi galakan yang sepatutnya bagi pihak Air Asia meneruskan penerbangan-penerbangan antarabangsa tersebut. Dan selepas dua atau tiga tahun penerbangan-penerbangan itu telah dibatalkan ini secara tidak langsung membawa impak kepada Pulau Pinang di mana yang berniat untuk pergi ke Chennai daripada Perak, Perlis, Kedah tidak datang ke Pulau Pinang lagi jadi saya ingin bertanyakan kepada Yang Berhormat, bahawa adakah ini juga secara tidak langsung menunjukkan bahawa MIDA atau MITI tidak sebenarnya memberi galakan-galakan selain daripada itu, mungkin apa-apa rencana-rencana yang diterbitkan yang juga disiarkan dalam media masa antarabangsa juga tidak memberi liputan yang sewajarnya kepada tempat-tempat tarikan di Pulau Pinang. Adakah ini juga salah satu sebab mengapa Yang Berhormat berkata begitu? Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih YB. Seri Delima apa yang disebutkan tadi memang sebahagian daripada usaha-usaha yang kurang memberi galakan juga bagi pihak Kerajaan Persekutuan. Usaha-usaha bagi daripada Kerajaan Negeri memang kita cuba hendak mempromosikan, tetapi bila kita ke Luar Negara kita masih memerlukan MITI, MIDA juga sama-sama mempromosikan Pulau Pinang sebagai mana Negeri-Negeri yang lain. YB. Teluk Bahang, saya dapat jawapan daripada mengenai berapa ramai yang tadi daripada tenaga buruh seramai 1,112 orang. Perangkaan yang diberikan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pekerja-pekerja asing jadi saya tak nafikan bahawa pekerja asing memang masih lagi diperlukan di sini.

Saya teruskan. Berkaitan dengan cadangan daripada ADUN Komtar dan juga ADUN Kebun Bunga supaya Kerajaan Negeri memupuk industri perfileman di Negeri ini saya menyambut baik cadangan ini dan Kerajaan Negeri menyokong cadangan industri perfileman yang seterusnya akan membawa kepada perkembangan industri yang berkaitan seperti industri fesyen, industri televisyen, mass media, komunikasi dan sebagainya. Untuk memupuk industri ini untuk dikembangkan kita bekerjasama dengan EXCO Pelancongan bagi menarik ramai lagi pelancong ke Negeri ini. Malah saya juga dalam tahun 2015, dalam MMK Pembangunan Industri dan Perdagangan Antarabangsa saya telah memperuntukkan sedikit dana untuk melaksanakan projek dokumentasi industri perfileman di Pulau Pinang pada bulan, pada tahun 2015 bagi mempromosikan 100 lokasi menarik di Pulau Pinang kepada

pelancong tempatan dan juga antarabangsa.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Minta laluan.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Ya.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Adakah kerajaan ada rancangan untuk menubuhkan perbandaran, perbadanan filem industri ini. Nampaknya kerajaan selalu menubuhkan perbandaran, so untuk memupuk industri filem ini adakah kerajaan ada rancangan untuk mendirikan? lalah.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih YB. Berapit. Dia menurut kembali satu cadangan juga menubuhkan satu dana daripada YB. Kebun Bunga ada menyebutkan dan YB. Berapit juga menyatakan soalan sama ada untuk menubuhkan satu *corporation* ataupun Perbadanan. Ini satu yang juga baik kerana industri ini disamping apa yang pada hari ini dengan keunikan Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri dengan pantai, dengan bukit dan sebagainya dan tempat-tempat yang menarik. Setakat ini belum ada perancangan, tapi apabila telah disebutkan, kita boleh mengambil kira sebagai satu industri yang menarik kalau ia boleh membantu memperkenalkan lagi Pulau Pinang iaitu cadangan yang boleh dipertimbangkan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Minta laluan Yang Berhormat, sikit saja. Saya menyokong apa yang telah dinyatakan, memang kita ingin mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi perfileman, tetapi pada masa yang sama saya ingin menyeru kerajaan supaya war-war dengan cerita yang ingin yang diinginkan difilemkan. Saya memberi contoh, baru-baru ini kita ada gambar Mega Hit Kabali, semua tau gambar Kabali itu, YB. Teluk Bahang tau Kabali? Kabali itu adalah gambar di mana Super Star Rajinikanth ditayangkan. Sekarang Perdana Menteri telah balik ke India menjemput beliau untuk datang mengambil *sequel* dia gambar kedua tapi saya tidak bersetuju kerana gambar itu tidak mempromosikan perkara-perkara yang positif, dalam gambar itu ditayangkan dipaparkan semua gambar-gambar itu adalah melibatkan kongsi-kongsi gelap satu, dua penyediaan dadah tempat di mana dadah disediakan maksiat, minuman-minuman keras, pembunuhan semasa upacara sembahyang di Kuil, pembunuhan berlaku. Ini adalah perkara-perkara yang begitu negatif yang menular sekarang sedang berlaku terutamanya di kalangan pemuda India, jadi dan digambar itu juga ia tidak juga memaparkan satu perkara yang boleh membawa kepada perpaduan, gangster-gangster India berlawan dengan gangster Cina dengan Melayu, ini adalah perkara-perkara yang boleh menyumbang kepada perkara-perkara negatif dalam masyarakat kita jadi pada masa yang sama walaupun kita mahu mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi perfileman antarabangsa.

Mungkin Yang Berhormat juga saya minta maaf sama ada melantik saya atau Yang Berhormat daripada Kebun Bunga yang telah pun menjadi hero dalam beberapa filem supaya memainkan watak sebagai penasihat untuk kita tau adakah ia akan mempromosikan perpaduan di antara masyarakat, perpaduan masyarakat majmuk, mempromosikan perkara-perkara yang membawa mesej yang lebih positif kepada masyarakat kita disamping memberi peluang kepada saya dan YB. Kebun Bunga untuk berlakon dalam filem tersebut. Dengan izin.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Minta laluan Yang Berhormat, saya sedangkan nama saya disebutkan, saya juga nak berkongsi sikit mengenai perkara ini selain daripada dokumentari terus masuk ke Pulau Pinang. Untuk maklumat Timbalan Yang di-Pertua Dewan, lebih kurang satu ratus juta ataupun lebih pelaburan swasta di masuk ke Pulau Pinang dan diagihkan kepada *profession-profesion* di Negeri kita, perkembangan adalah lebih banyak televisyen siri di Singapura dan juga Hong Kong masih masuk datang ke Pulau Pinang untuk dan juga Korea, Singapura dan Hong Kong, baru-baru ini ada Taiwan juga yang datang buat televisyen siri di sini, Spain juga ada, *running man* Spain juga ada datang ke Pulau Pinang banyak lagi yang tamat. Tahun ini ada satu filem yang besar dari Hong Kong juga ada kemungkinan besar datang ke Pulau Pinang, dan cadangan untuk menubuhkan satu Perbadanan adalah amat dialu-alukan dan saya ambil keperluan peluang ini untuk mengucapkan terima kasih dululah bahawa kerajaan akan menubuhkan satu pertubuhan untuk rakamkan banyak terima kasih dan saya tidak akan lupa YB. Seri Delima apabila kita perlukan *actor* yang cukup besar itu. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih. Saya lihat telah ada cadangan kalau YB. Seri Delima boleh wakil India, YB. Kebun Bunga, wakil *Chinese* dan mungkin YB. Teluk Bahang mewakili sebagai pelakon Melayu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Teluk Bahang memang macam Rosyam Nor.

Timbalan Ketua Menteri I:

Ya, betul. Cuma jangan kena tampar saja...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terlebih *handsome* dari Rosyam Nor.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Jadi untuk merumuskan cadangan-cadangan daripada Yang Berhormat satu cadangan yang menarik dan boleh dipertimbangkan. Saya teruskan berkenaan dengan soalan yang dibangkitkan oleh YB. Kebun Bunga industri alternatif agar dipupuk dan dipelihara sebanyak mungkin contohnya seperti syarikat-syarikat Google, Apple, Amazon, Uber, Grabcar Whatsapp, Alibaba.com dan sebagainya. Memang ini merupakan suatu yang di masa sekarang dan masa depan. Jadi sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi bahawa industri *services* telah pun meningkat melebihi industri pembuatan sekarang menduduki kedudukan 50%. Saya tidak menyangkal akan perkara ini adalah *industry of the future*. Jadi kita juga telah dimaklumkan bahawa Free Trade Zone (FTZ) diperingkat Kuala Lumpur sana telah ada Digital Free Trade Zone (DFTZ) yang mana ia telah dicadangkan idea daripada *check mark* iaitu Alibaba.com dan ada soalan bertulis menanyakan perkara ini. Kita belum mempunyai sesuatu yang konkrit lagi dari apa yang telah kita ada pada hari ini kebanyakan syarikat yang datang telah menunjukkan minat yang ramai dan sebenarnya banyak juga para graduan yang telah keluar daripada Universiti yang banyak dilatih ataupun mempunyai ijazah *software engineering* dan sebagainya.

Dan kita juga menyambut baik dalam salah satu misi perdagangan ke Eropah pada tahun lepas. Kita telah juga bertemu dengan salah satu syarikat yang telah pun menandatangani, membuat satu perjanjian iaitu *look soft* yang telah disebut oleh Y.A.B. Ketua Menteri juga yang mana dia memerlukan dia memerlukan 500 orang *software engineering* orang yang membuat *infotainment* kepada industri automotif di mana berasaskan kepada Mercedes dan juga BMW. Ini satu yang telah ada tapak di Pulau Pinang ini dan saya jangkakan bahawa industri yang menggunakan aplikasi *Internet Of Think* (IOT), IOE juga merupakan satu industri yang cukup besar di negeri kita ini khususnya.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Minta laluan, terima Kasih. YB. Pantai Jerejak. Di dalam soalan saya, saya adanya mengenai DFTZ juga dan memang cadangan Kerajaan adalah amat dialu-alukan bahawa pada masa depan kita akan menubuhkan atau merancangkan satu *space*, satu tempat untuk perkembangan industri tersebut. Apabila kita berbincang mengenai DFTZ saya juga ingin kita mengingatkan bahawa *Small Medium Industry* (SMI) yang datang dari *entrepreneur-entrepreneur* yang kecil seperti saya masih ingat YB. Pulau Tikus ada berkata di dalam kawasan beliau Pulau Tikus di dalam *one stop centre*. Setahu saya ada beberapa tempat *incubator* yang kecil walaupun dia *incubator* sendiri swasta tetapi mereka adalah merupakan anak Pulau Pinang yang mewujudkan industri *computer programming* tetapi mereka buat aduan kepada saya bahawa mereka tak cukup *funding* dan juga sebagainya. Tetapi di Pulau Pinang kita ada banyak bakat *talent* orang muda yang *design software* sampai *software* tersebut Listed In New York Over Counter Listing. Saya tak sebut nama mereka, tetapi anak Pulau Pinang ada yang *design software* di Pulau Pinang di Malaysia dan kemudian diguna pakai sebagai *software* di internet sampai mereka *listing* di Over The Counter New York Listing *stop market*. Jadi pendek saja. jadi memang kita ada bakat tapi kita kena memupuk dan memelihara mereka sebagai kerajaan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta laluan terima Kasih. YB. Pantai Jerejak dan juga untuk pertimbangan YB. Datok Keramat sebagai EXCO Perancangan dan YB. Padang Kota kerana melibatkan George Town. Soalan pertama adalah berkenaan lokasi. Tadi Pantai Jerejak ada memberi contoh PPO Hub, PPO By The Sea namun semua ini masih berdekatan dengan FTZ. Sekarang *trend* baru banyak yang pekerja berkemahiran ingin boleh pergi ke *restaurant*, boleh beli surat khabar, berada di kawasan perbandaran yang berdekatan dengan tempat kerja mereka. Namun di Pulau Pinang saya nampak selain dari FTZ dari segi kewujudan

incubator-incubator satu lagi tempat mungkin adalah di bandar warisan George Town. Namun kerisauan saya tentang George Town saya nampak seolah-olah semua kita letak dalam George Town. Pelancongan pun kita letak di George Town. Incubator-incubator pun kreativiti terletak di George Town. Masalah ini mewujudkan masalah lalu lintas, masalah kesesakan dan sebagainya dan memerlukan jika pekerja ingin bekerja di George Town mereka perlu memandu kereta daripada Air Itam atau dari mana-mana di Pulau Pinang pergi ke George Town dimana tempat letak kereta dia, *you know*, ruang dalam jalan raya yang boleh menampung kesemua ini. Jadi saya ingin memohon pertimbangan dari Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan kawasan lain sebagai incubator dan contoh yang saya berikan semasa berbahas adalah Island Plaza, One Stop Centre. Itu soalan lokasi dan jangan lah di George Town jangan di FTZ sahaja.

Yang kedua adalah berkenaan *mastermind*, daya saingan keusahawanan kita. Jika kita lihat pasaraya yang maju yang berjaya di setiap pasaraya yang berjaya tu ada *mastermind* dia. Mereka akan buat koordinasi jenis kedai-kedai yang ada the *makes of businesses* dan mereka akan buat perancangan tahun depan 5 tahun, 10 tahun dan sebagainya. Maka *mastermind* ini membantu kedai-kedai itu berjaya. Jika kerajaan yang buat mengikut *trend* tradisional. Kita mungkin akan memberi lot-lot yang lebih murah tetapi tidak ada *mastermind* jadi orang usahawan tempatan kita mereka masuk sahaja dan cuba sahaja dan kebolehan mereka untuk berjaya akan sampai kepada satu tahap. Jika kita melihat *mastermind* di Taiwan dan sebagainya bagi *start up – start up companies* mereka ada *mastermind* dan mereka akan membuat koordinasi latihan dan sebagai untuk *start up – start up* tersebut. Jadi saya rasa kita perlu mencontohi model-model sedemikian. Terima kasih

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih kepada dua YB, Pulau Tikus dan YB. Kebun Bunga. Memang saya bersedia merespon cadangan yang telah lebih awal dinyatakan malahan apabila YB. Kebun Bunga menyebutkan benda ini telah menjadi sesuatu yang menjadi budaya sekarang anak-anak muda malahan dalam rekod saya usahawan-usahawan PTSR yang memohon dana yang sekecil 5,000, 10,000 telah ada yang memohon atas dasar *online* sebanyak setiap satu Daerah SPT dua (2) orang, SPS ada dua (2) orang, SPU dua (2) orang, DBD empat (4) pemohon yang telah pun merupakan peminjam kepada PTSR *micro credit* sebab mereka menjalankan aktiviti secara kecil-kecilan yang mana saya nak rangkumkan cadangan daripada YB. Pulau Tikus dia memerlukan tempat yang lebih *proper* yang lebih sesuai ia betul. Jadi kita kena pupuk minat-minat mereka dan mungkin kebanyakan mereka graduan yang mungkin mencari pekerjaan tidak dapat pekerjaan yang tetap, mereka membuat secara *part time* tetapi inilah kita memberi peluang kepada mereka untuk dibantu dengan *micro credit*. Cuma setakan ini Kerajaan Negeri. Negeri sediakan oleh PDC dan Invest Penang dua lokasi yang telah saya sebutkan tadi. Baru-baru ini pada bulan April kita rasmikan di Mayang Mall berhadapan dengan PDC kita telah mengambil alih keseluruhannya menempatkan 50 rumah-rumah kedai yang kita menganggarkan ada 8,000 pekerja yang boleh duduk disitu dimana mereka ini boleh menyewa tempat-tempat seperti ini satu juga yang saya sebut tadi GBS *by the sea* itu dibelok dekat jambatan kedua Pulau Pinang. Jika sekiranya ada cadangan iaitu mereka yang berada dikawasan-kawasan selain daripada George Town *specially one million centre* ini merupakan cadangan Yang Berhormat mungkin kita boleh lihat. Tapi akhirnya kesesuaian bangunan tersebut untuk diperbincangkan samada mereka boleh tidak *convert* tempat tersebut anak-anak muda ini menjalankan perniagaan mereka disitu. Saya teruskan.

MMK Pembangunan Keusahawanan. Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) yang merupakan program Kerajaan Negeri dalam usaha untuk mewujudkan sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan usahawan sejak tahun 2009 hingga April 2017 sejumlah 11. 7 juta telah diagihkan kepada seramai daripada peningkatan sebelum ini kepada 2,540 usahawan,. Saya suka memaklumkan disini bermula Julai 2016 pinjaman maksimum untuk kali pertama PTSR telah dinaikkan daripada 5 ribu ringgit kepada 6 ribu, tempoh pinjaman 50 minggu, satu tahun. Sebelum ini pinjaman PTSR hanya dibenarkan sebanyak tiga (3) kali, pertama kedua ketiga sehingga maksimum RM15,000. Tetapi bermula pada September tahun lepas pinjaman kali keempat kepada mereka yang pinjam pertama, kedua dan ketiga yang ketiga tu boleh meminjam dinaikkan ke maksimum RM20,000 dalam tempoh pinjaman adalah dipanjang selama 100 lebih kurang dua (2) tahun.

Mengenai dengan pertanyaan daripada YB. Penanti samada data peminjam-peminjam PTSR boleh didapati untuk KADUN YB. Penanti. Sebenarnya saya telah dapatkan jumlah mereka dan saya akan berikan kepada Penanti daripada Daerah SPT daripada 528 daripada Daerah kita dapat mengenalpasti seramai 88 orang yang daripada KADUN Penanti. Saya ingin menyebutkan pecahan daripada 2,540. Daerah DBD yang paling ramai sekali meminjam 813 orang, Daerah kedua, tertinggi SPT 528 orang, Daerah daripada Timur Laut 440 orang, Daerah Seberang Perai Utara 380 dan Daerah SPS 379. Kita terus mengalu-alukan usahawan-usahawan kecil untuk memohon PTSR ini daripada PDC dan

83.3 % merupakan pemohon-pemohon Melayu Bumiputera, selainnya 10% India dan 10% lagi adalah kaum Cina.

YB. ADUN Sungai Pinang turut mengesyorkan agar Kerajaan Negeri menyediakan satu tapak sebagai kawasan IKS untuk menjamin perniagaan-perniagaan IKS akan lebih tersusun dan tidak berselerak keana banyak juga industri kecil di kawasan YB. Sungai Pinang dan mengesyorkan Sungai Pinang dijadikan hub pusat latihan untuk membangunkan sektor industri IKS. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan tersebut, walau bagaimanapun, pada masa ini Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang tanah kosong di kawasan Sungai Pinang untuk menyediakan satu tapak sebagai kawasan industri IKS. Namun demikian perkara ini boleh dipertimbangkan untuk direalisasikan sekiranya mempunyai tapak atau tanah-tanah kosong pada masa-masa akan datang. Jika Yang Berhormat ada cadangan atau ada bangunan seperti pengalaman YB. Pulau Tikus, boleh dipertimbangkan untuk menjadikan ia sebagai pusat IKS.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Boleh tanya soalan tambahan. Saya juga ada bertanya soalan berkenaan dengan permohonan penduduk di Kampong Kuala Mengkuang yang memohon tapak perniagaan bagi kemahiran membaiki kereta, motosikal, jahitan dan lain-lain untuk meningkat ekonomi penduduk kampong. Jawapan yang saya dapat ialah PDC sedang membuat kajian pemajuan projek di atas tanah iaitu di Lot 1277 Mukim 20, Kuala Mengkuang yang berkeluasan 12.5 ekar dan tanah ini adalah tanah wakaf am bagi Sekolah Agama Al-Masyiriah. Jawapan yang saya terima PDC sekarang sedang membuat kajian pemajuan projek di atas tanah tersebut dan hasil kajian akan diperolehi penghujung tahun 2017. Apa yang saya hendak mohon di sini ialah boleh tidak keperluan dan permohonan penduduk supaya tanah tersebut boleh dibangunkan sebagai tapak perniagaan bagi kemahiran membaiki kereta, motosikal, jahitan dan sebagainya untuk meningkatkan ekonomi penduduk kampong itu boleh dipertimbangkan di dalam kajian yang dilakukan oleh PDC yang akan siap pada penghujung tahun ini. Saya harap PDC juga akan berjumpa dengan ADUN dan juga JKKK untuk mendapat maklum balas apakah keperluan penduduk di situ.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Cadangan daripada YB. Penanti boleh diambil kira dan saya tidak pasti apa yang telah pun dicadangkan untuk permohonan di situ tetapi salah satu daripada cadangan-cadangan tadi boleh diambil kira dan perlu diuruskan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya sebut ini sebab saya baru dapat jawapan pada hari Isnin bahawa tanah tersebut dibawah PDC yang sedang membuat kajian pemajuan projek, di tanah projek seluas 12.5 ekar. Kajian ini hanya akan siap pada penghujung tahun , jadi saya hendak maklumkan di sini bahawa sementara PDC sedang membuat kajian pemajuan tanah di situ, saya harap boleh mengambil kira dan juga melibatkan input dari JKKK dan pihak ADUN, terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Boleh saya jelaskan sedikit. YB Timbalan Speaker, soalan ini saya telah jawab semasa pertanyaan YB. Penanti iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat mana-mana pun boleh memberi input dan akan kita mendapatkan input kerana tanah ini adalah tanah wakaf am di mana Majlis Agama Islam untuk memajukannya telah menyerahkan kepada PDC, bukan tanah yang diserahkan tetapi diserahkan tugas kepada PDC untuk membuat satu perancangan pada tanah tersebut. Soalan yang ditanya semasa soalan lisan, saya sudah kata memang boleh, kita akan menghubungi Yang Berhormat Kawasan untuk mendapatkan input-input. Terima kasih Yang Berhormat.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih YB. Batu Maung. Saya ingin menjawab cadangan atau pun pertanyaan daripada YB. Permatang Berangan, apakah hala tuju pembangunan industri kecil. Kalau tadi saya telah banyak menyebut tentang PPO, kali ini kita pergi kepada IKS ataupun SME, SMI. Pertanyaan apakah hala tuju membangunkan industri kecil dan sederhana terutama di kawasan hiliran agar industri ini terus berkembang dan lebih tersusun. Kerajaan Negeri sentiasa memberi penekanan terhadap kemajuan industri kecil dan sederhana (IKS) di negeri ini. Selaras dengan kemajuan teknologi dan globalisasi, IKS perlu diperkukuhkan bagi meningkatkan daya saing sama ada di peringkat nasional mahu pun di peringkat pasaran global. Hala tuju IKS di negeri ini mensasarkan peningkatan permodenan penghasilan produk, kepelbagaian IKS melalui produk pelancongan dan peningkatan sosio ekonomi. Hala tuju IKS adalah membangunkan modal insan dan keupayaan masyarakat Negeri Pulau Pinang, meningkatkan

industri yang berdaya saing, berdaya maju dan berdaya tahan, meningkatkan pembangunan industri ke peringkat antarabangsa dan mengurangkan kemiskinan bagi tujuan peningkatan kualiti hidup dan pendapatan isi rumah. Bagi memperkasakan IKS di Pulau Pinang pelbagai usaha dan langkah telah dilaksanakan bagi memastikan hala tuju IKS tercapai ke arah merealisasikan negeri keusahawanan bagi tahun 2017. Antara usaha penggalakkan dan membangunkan IKS termasuklah yang saya selalu sebut iaitu penubuhan *Smart Centre*, *SME base*, *market advisory, resource and training centre*, bagi menyediakan bantuan dan nasihat mengenai maklumat pasaran pembangunan perniagaan serta menganjurkan sesi latihan kepada pengusaha IKS.

Mengenai pengurusan perniagaan. Kalau tadi kita berbincang mengenai PPO, ini menjurus kepada industri kecil sederhana yang tidak berasaskan kepada BPO. *Smart Centre* juga menganjurkan sesi pemadanan perniagaan kepada pengusaha-pengusaha IKS tempatan dengan tujuan untuk memperkembangkan jaringan dan rantaian perniagaan mereka. Di sini dalam portfolio saya juga, saya berterima kasih dengan *chambers of commerce*, seperti dewan-dewan perniagaan Melyu, Cina dan India dan juga FMM. Yang juga mereka memerlukan IKS-IKS ini membantu dalam industri ini keseluruhannya. Kerajaan juga telah membina sebuah bangunan 4 tingkat di Fasa 4, Taman Perindustrian Bayan Lepas yang dikenali sebagai *Penang SME Centre* yang bertujuan sebagai sebuah pusat inkubasi dan menyediakan ruang kilang kepada pengusaha-pengusaha IKS yang tidak mampu memiliki premis sendiri. *This is diferent*, lain daripada apa yang saya sebutkan tadi, ini bukan BPO *by the sea*, ini telah sedia ada, *Penang SME Centre* menyewakan ruang kilang dengan harga di bawah pasaran untuk membantu pengusaha baru. Subsidi sewa yang diberikan dapat mengurangkan beban kos perniagaan dan meningkatkan daya saing IKS di pasaran antarabangsa. Di samping itu juga kita membangunkan projek SME Village ataupun Kampung SME di atas tanah seluas 150 ekar di Taman Perindustrian Batu Kawan dengan menyediakan unit-unit kilang yang siap di bina dan plot-plot tanah, keluasan kecil bagi menampung permintaan dari pengusaha IKS baru dan juga sedia ada, IKS, SME dan SMI yang telah pun sedia ada bukan sahaja di Bayan Lepas malah di Batu Kawan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon laluan. Di tapak yang yang 150 ekar untuk IKS ini, jika Pulau Pinang ingin menggalakkan IKS-IKS yang membuat produk-produk atau aktiviti-aktiviti yang lebih tinggi nilainya, seperti di Taiwan mereka ini *partly* akan ada *clean room* yang sudah siap di mana IKS hanya boleh sewa atau semasa trial run, dia boleh guna *clean room* itu dan tak perlu invest Capex, dia sendiri ada *facility room*. Kita tengok di Shinju, Taiwan dan juga di New York, membantu IKS yang berteknologi tinggi yang membuat, contoh, *design, prototyping*, memerlukan *low volume but high speeds* atau *fabricate chips, design chips*. Kalau di Batu Kawan ada *clean room* then IKS-IKS yang memang kita hendak jadikan Pulau Pinang untuk *higher front end design*, mereka boleh datang ke sini tanpa perlu melabur dalam *clean room*. Saya harap adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan *clean room* di sini *maybe 1K clean room* atau *higher level clean room* supaya ia boleh digunakan dan disewa.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Bila menyebut tentang IKS, saya ingat apa yang diberitahu oleh YB. Penanti bila menyebut spesifik tentang *high end* contoh 1K *clean room* ataupun *higher level clean room* ia terpulang kepada kepakaran tetapi saya ingat kalau bangunan IKS ini tidak sesuai. Saya ingin juga mengaitkan tentang soalan semalam, mengenai dengan beberapa syarikat yang menyewakan bangunan mereka yang mana ia boleh menyewa tapak-tapak tersebut dan mereka boleh attach dengan izin kepada syarikat-syarikat multinasional. Jadi itu semua terpulang kepada keperluan sama ada bangunan-bangunan tersebut sesuai untuk dijadikan *clean room* atau pun *high end* tetapi biasanya IKS ini lebih kepada industri tulin dan tidak terlalu *high end* produk.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Kalau *a lot of the...*(dengan izin), *chip designs company* atau pun *a lot of high end electronic companies*, yang kecil-kecil mereka tidak ada wang untuk *invest in clean room*. Memang kalau ada multinasional yang sanggup membenar atau menyewakan *clean room* mereka kepada syarikat-syarikat kecil, tetapi setakat ini saya tidak pernah dengar ada multinasional yang hendak menyewakan. Sebab itu saya tanya sama ada di IKS park ini, sebab ianya 150 ekar ada menyediakan *facility for clean room*.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Melalui pengalaman saya, kalau *high end facility clean room* ini ia boleh di sub-con melalui multinasional kerana *facility* untuk *clean room* ini adalah terlalu mahal harganya. Kalau hendak buat satu *clean room* itu sendiri dalam IKS dan ruang yang agak kecil mungkin tidak bersesuaian.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Shared facility.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta laluan. Dahulu saya adalah seorang Pegawai Sains dan Teknologi, saya cuba bantu kalau boleh. Mungkin YB. Penanti boleh cuba melayari sedikit tentang *Crest, Collaborative Research in Engineering Science and Technologies*, ia adalah satu usaha di mana rangkaian MNC mereka ada senaraikan jenis teknologi yang mereka ada dan ia untuk membantu usahawan teknologi yang boleh *collaborate* bersama mereka untuk menjalankan kerja-kerja seperti Yang Berhormat katakan tadi. Mungkin Yang Berhormat boleh pergi lihat sendiri usaha *Crest, Collaborative Research in Engineering Science and Technology*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Itu saya faham sebab saya yang buat RFP itu. Saya bukan cakap mengenai *crest* di USM, *I am talking about the IKS parks*. Saya punya soalan untuk Batu Kawan samada usaha untuk menarik IKS-IKS yang *in design*. *You know either this sort of clean room*. Itu sahaja soalan saya. Kalau tak ada tak apa, saja tanya.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya ingin beralih kepada Jawatankuasa Perhubungan masyarakat. Berkaitan dengan soalan YB. ADUN Batu Uban yang mengesyorkan pelantikan JKKK dibuat secara telus dan dirujuk kepada ADUN kawasan sebelum sebarang pelantikan dibuat. Kerajaan Negeri melalui pejabat saya sentiasa mengamalkan ketelusan dalam pentadbiran tanpa memilih bulu ataupun mengenakan kabel seperti mana Yang Berhormat Batu Uban mengenai pelantikan JKKK yang telah beliau menyebutkan dalam perbahasan, Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa mendengar permasalahan ADUN-ADUN dan juga pegawai-pegawai penyelaras KADUN dan perkara ini dibincangkan saban minggu dalam mesyuarat Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Suka saya untuk membuat pencerahan dan pembedulan kepada ucapan perbahasan Batu Uban bahawa cadangan pelantikan anggota JKKK bukanlah secara mutlak berada di bawah kuasa ADUN, tetapi ianya berada di bawah bidang kuasa wakil-wakil parti yang telah dilantik oleh parti masing-masing.

Sebagaimana semua sedia maklum, Perkara 4 Manual Gerak Kerja JKKK berkaitan kriteria pelantikan JKKK di bawah Para 4.1 yang menyebutkan pengerusi dan semua ahli JKKK adalah dilantik oleh Y.A.B. Ketua Menteri berasaskan perakuan Jawatankuasa Pemilihan JKKK peringkat negeri yang Timbalan Ketua Menteri I mempengeruskannya. Perakuan pencalonan ahli JKKK perlu mendapat persetujuan daripada wakil parti berkenaan. Begitu juga dengan perkara Penamatan Perkhidmatan JKKK dibawah Perkara 5.1 ada menyebutkan bahawa Y.A.B. Ketua Menteri dengan perakuan jawatankuasa pemilihan JKKK peringkat negeri berkuasa menamatkan perkhidmatan mana-mana anggota JKKK pada bila-bila masa jika didapati anggota JKKK tersebut tidak layak lagi memegang jawatannya. Peranan ADUN adalah anggota kepada JKKK Jawatankuasa Pemilihan di peringkat daerah yang mencadangkan nama-nama tersebut sebelum diangkat ke peringkat jawatankuasa pemilihan negeri seterusnya diangkat kepada peringkat EXCO. Tapi *point* yang saya nak sebutkan tadi ialah memang dengan jelas perakuan pencalonan ahli JKKK perlu mendapat persetujuan daripada wakil parti berkenaan. Memang dalam struktur pengurusan berjalan dengan baik setiap kali kita ada perbincangan wakil-wakil daripada parti-parti dan setakat ini daripada 299 JKKK hanya ada 7 sahaja lagi yang belum ada perlantikan dan saya faham berkenaan JKKK yang belum dilantikkan ini dan perlu kepada persefahaman yang baik lebih daripada 98% telah dapat diselesaikan masalah JKKK. Sila YB. Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Soalan tambahan. Bukanlah 6 bulan tak boleh selesai masalah ini. Berapa kali saya dah pergi ke EXCO Pantai Jerejak. Sampai masa ini tak boleh selesai hal ini.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih. Kita sedar bukan sahaja satu daripada 7 JKKK ini belum diselesaikan, saya akan pastikan bahawa tindakan akan dibuat secara cepat. Saya juga ingin menyebut kriteria-kriteria ataupun KPI yang menjadi penanda aras kepada prestasi-prestasi dan juga kemajuan JKKK ini. Dia ada lima. Mengadakan mesyuarat bulanan sekurang-kurangnya sekali sebulan, tuntutan elaun, tidak lewat daripada had pada pertengahan bulan tersebut, ketidakhadiran secara berturut-turut 3 kali akan dikira boleh digugurkan, keempat, penglibatan Pengerusi dan Setiausaha sekurang-kurangnya 6 kali Majlis ataupun

program dalam setahun dan yang kelima, minit mesyuarat setiap kali bermesyuarat yang diadakan perlu dikemukakan kepada Pejabat Daerah Dan Tanah tidak lewat daripada 15 haribulan pada bulan tersebut.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Soalan tambahan. Kalau tak tubuh macam mana nak pastikan KPI?

YB. Timbalan Ketua Menteri I :

KPI itu adalah kepada JKKK yang telah mendapat pengesahan penubuhannya. Terima kasih. Merujuk kepada soalan YB. ADUN Permatang Pasir, "Apakah status pembinaan dewan serbaguna bersebelahan Sekolah Jenis Kebangsaan Kubang Semang, Kampung pelet, dimaklumkan bahawa pengambilan tanah telah lama dibuat tetapi pembinaan masih belum dijalankan bilakah pembinaan akan dikemukakan kerana rakyat amat berharap pembinaan dapat disegerakan".

Memang di dalam pengurusan dewan-dewan ini, pejabat saya memantau dan perkembangan ialah Dewan Permatang Pasir akan dibina diatas tanah Kerajaan bersebelahan dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kubang Semang. Tapak dewan tersebut adalah hasil pengambilan balik tanah lot 605 dan 601 Mukim 3, Seberang Perai Tengah dengan keluasan keseluruhan 8,976.42 meter persegi atau 2.22 ekar. Proses pengambilan balik tanah telahpun diselesaikan pada 2013. Bagi tujuan pembinaan dewan ini, JKR telah dilantik sebagai agensi pelaksana projek pembinaan dewan ini pada tahun 2016, pihak JKR telah melantik perunding jurukur untuk melaksanakan kerja-kerja ukur dan siasatan tapak dan kerja-kerja berkenaan telahpun disiapkan. Ini pada tahun 2017 Kerajaan Negeri telah meluluskan kos pembinaan dewan ini sebanyak RM2.5 juta dengan RM500,000 untuk peruntukan pada tahun ini.

Dewan ini sebenarnya sempadan dengan kawasan Penanti. Tapi dia dalam tapak Permatang Pasir. Bagi peruntukan baki peruntukan akan disalurkan bagi meyiapkan projek ini pada tahun 2018. Tempoh perlaksanaan projek selama dua (2) tahun, berdasarkan maklumat yang diterima Jabatan Kerja Raya dalam proses penyediaan dokumen perolehan dan proses tender di jangka bermula pada suku ketiga pada tahun ini. Dewan yang bakal dibina akan menggunakan reka bentuk dewan Masjid Abdullah Fahim.

Saya pergi ke MMK Koperasi. Last sekali, akhir sekali MMK Koperasi. Berkaitan soalan YB. ADUN Permatang Pasir, koperasi merupakan sektor ketiga terpenting di Pulau Pinang selepas sektor awam dan swasta, berapakah bilangan koperasi, keahlian dan sebagainya. Sehingga 31 Disember 2017 sebanyak 726 buah koperasi telah didaftarkan di Pulau Pinang meliputi 329 buah koperasi di bahagian pulau dan 397 buah koperasi di Seberang Perai. Kemudian terdapat sejumlah 33 buah koperasi kariah masjid Negeri Pulau Pinang, terdapat seramai 224,142 anggota koperasi di seluruh negeri Pulau Pinang dengan jumlah *share* ataupun yuran sebanyak RM617,436 juta share jumlah aset RM3.12 bilion dan jumlah perolehan sebanyak RM1.38 bilion. Memang ini antara gerakan koperasi di Pulau Pinang antara yang terbesar di seluruh negara.

Koperasi-koperasi yang didaftarkan terdiri daripada pelbagai fungsi seperti kredit pembinaan pengangkutan, perbankan, perkhidmatan pertanian dan juga perumahan. Soalan yang berkaitan apakah galakan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk memantapkan koperasi untuk maklumat Yang Berhormat Permatang Pasir, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menyediakan pembiayaan Tabung Modal Pusingan (TMP) sehingga RM 10 juta dengan kadar 1% ke 6% pembiayaan maksimum selama 20 tahun disediakan kepada koperasi-koperasi yang mempunyai projek berdaya maju. Saya ingin bagi contoh antara koperasi yang berjaya adalah koperasi kariah Masjid Abdullah Fahim yang mendapat tempat 3 teratas, Bertam Inda, At-Taqwa.

Jadi bila saya menyebutkan di sini tentang tabung modal pusingan, sebenarnya banyak koperasi ditubuhkan tetapi dia macam hidup segan mati tak mahu. Tetapi contohnya *is leading example*, pengerusinya yang kita kenal, dia telah menggunakan fasiliti ini telah tiga (3) kali dan berjaya mendapatkan kewangan ini dan daripada tiga (3) kejayaan memohon daripada tabung modal pusingan ini telah berjaya menjadikan prasarana termasuk dengan *homestay*nya, kedai-kedainya dan sebagainya. Jadi, saya juga mengambil kesempatan ini kerana ADUN-ADUN semua sebenarnya, di bawah ADUN – ADUN ada JKKK. Jadi, kami juga memberikan halatuju bahawa satu JKKK sekurang-kurangnya ada satu koperasi. Sebenarnya ada soalan bertulis mengenai ada berapa banyak koperasi-koperasi berasaskan JKKK ini. Jadi, saya harap dengan Tabung Modal Pusingan TMP maksimum RM10 juta ini dapat dimanfaatkan oleh koperasi-koperasi ini.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah melancarkan kempen “Satu Koperasi, Satu Komuniti” pada 16 Disember 2016 di Dewan Millenium, Kepala Batas sempena Majlis anugerah JKKK terbaik peringkat negeri Pulau Pinang bagi menggalakkan JKKK, NGO, Persatuan, Dewan Perniagaan dan sebagainya untuk menubuhkan koperasi masing-masing. Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama rapat dengan ANGKASA Pulau Pinang dalam membimbing koperasi yang baru terutama dalam kursus wajib dan bengkel pengurusan koperasi ini. Sebelum saya mengakhiri ucapan penggulungan pada hari ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan....(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Mohon laluan, *just* nak tanya soalan ya. Sedikit sahaja. Sebab saya tak nampak lagi yang jawapan yang bertulis yang akan dihantar kepada saya ya. Saya *just* nak tanya soalan yang saya tanya pasal Briged Wanita. Kan Briged Wanita salah satu tugas utama dia adalah untuk mendapatkan Mikrokredit PTSR. Sebab itu bila saya tengok jawapan hanya 10 saja yang di SPT. Yang perniagaan *online* la. Sebab saya tanya soalan wanita yang bekerja di rumah. Kalau Briged Wanita, kalau dia berjumpa dengan wanita-wanita selalunya wanita-wanita yang berniaga di rumah ataupun bukannya ada premis la. Jadi saya nak tahu jika YB. Pantai Jerejak mempunyai apa-apa maklumat sebab Briged Wanita kita sekarang mungkin dah 2500 orang. dan kalau tugas hakikinya antara yang tiga tu adalah untuk membantu wanita mendapat mikrokredit saya rasa mesti kita mempunyai jumlah yang banyak wanita yang berniaga di rumah ataupun yang tidak ada premis ataupun yang mendapat bantuan mikrokredit ini. Ada tak apa-apa maklumat? Sebab saya dah tanya masa ucapan saya.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Khusus untuk pemohon-pemohon wanita sememangnya kita dapat data yang ramai pemohon-pemohon PTSR ini daripada wanita sendiri. Dan kita sentiasa menggalakkan untuk memberikan kemudahan kepada khususnya kepada wanita-wanita, ibu tunggal, maknanya peratusannya bukan rendah, tapi banyak pemohon daripada wanita ini dapat kelulusan daripada pinjaman PTSR ini. Jadi kerana skim pinjaman ini bersesuaian dengan perniagaan secara runcit oleh wanita-wanita ini. Baik, saya juga ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada kakitangan Kerajaan Setiausaha Kerajaan Negeri yang banyak membantu menjalankan dasar Kerajaan Negeri dan tidak lupa juga kepada penjawat awam daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dan juga semua jabatan negeri yang banyak membantu dan saya juga ingin berterima kasih kepada agensi-agensi yang membantu saya dan seluruh kakitangan yang dapat menjayakan MMK saya sendiri. Jadi dengan itu, saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Pantai Jerejak, Ahli-ahli Yang Berhormat saya mengucapkan beribu terima kasih kepada semua yang mengambil bahagian dalam sesi penggulungan, Ahli-ahli Yang Berhormat sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat maklum sesi penggulungan telah pun selesai dan Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang adalah usul bahawa kami Yang Di-pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang memohon mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini di mesyuarat pertama penggal ke-5 Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang ke-13 pada 19hb Mei 2017 dipersetujui. Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya”.

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan “Tidak”. Sebulat suara usul dipersetujui.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-undang Warisan Negeri Pulau Pinang Pindaan 2017.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 Enakmen 14 dibacakan bagi kali yang pertama.

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

YB. Dato' Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 (Enakmen 14).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang pertama.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, mengikut peraturan 59 Peraturan-peraturan Majlis Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mencadangkan bacaan kali kedua Rang Undang-Undang ini diteruskan dengan serta merta.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-undang Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang (pindaan 2017) bacaan kali yang kedua.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila YB. Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 Enakmen 14 dibacakan bagi kali yang kedua. Dato' Speaker pindaan yang dicadangkan ini adalah satu pindaan yang *formal* sahaja dimana menurut seksyen 15 asal Akta atau Enakmen Warisan saya baca Dato' Speaker, ia adalah berkenaan Pelantikan Pesuruhjaya Warisan Negeri di mana yang asal bahagian tiga berbunyi sedemikian seksyen 15 "Pihak berkuasa negeri Dato' Speaker boleh dari semasa ke semasa melantik seorang penjawat awam untuk melantik seorang penjawat awam untuk menjadi Pesuruhjaya Warisan Negeri bagi melaksanakan fungsi dan menjalankan kewajiban di bawah Enakmen ini" kalau kita lihat pada pindaan yang dicadangkan Dato' Speaker, cadangannya ialah Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 adalah Enakmen 14 tersebut yang saya baca dipinda dalam seksyen 15 dengan menggantikan perkataan seorang penjawat awam yang wujud sekarang dengan perkataan seorang penjawat awam yang bersara atau mana-mana individu yang berkelayakan maka itu sajalah apa yang dicadangkan untuk dipinda melalui Enakmen ini dan itu sahaja saya ingin nyatakan Dato' Speaker.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ada sokongan?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

YB. Dato' Speaker saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat kita berada dalam sesi perbahasan rang undang-undang Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang (pindaan 2017) Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau ada yang ingin mengambil bahagian untuk berbahas saya silakan. Okey. Ahli-ahli Yang Berhormat memandang tiada perbahasan untuk Rang Undang-Undang ini saya minta bahawa kita dalam sesi penggulungan Rang Undang-Undang Warisan Negeri Pulau Pinang (Pindaan 2017) saya silakan YB. Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Dato' Speaker terima kasih, sepertimana saya nyatakan tadi, ini merupakan satu pindaan yang formal sahaja dan saya tetap dengan apa yang saya katakan tadi. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang adalah Rang Undang-Undang Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang (Pindaan 2017) dibacakan bagi kali kedua. Ahli-Ahli Yang

Bersetuju katakan “Ya”.

Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan “Tidak”. Sebulat suara dipersetujui dan diterima.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang yang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 (Enakmen 14)

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Rang Undang-Undang telah dibacakan bagi kali kedua, Rang Undang-Undang ini sekarang akan dipertimbangkan di dalam jawatankuasa.

Setiausaha Dewan:

Fasal 1 dan 2.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 1 dan 2 adakah menjadi sebahagian daripada rang undang-undang?

Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri:

“Ya”.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang tahun 2011 (Enakmen 14)

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tajuk penuh dalam fasal yang mengundangkan adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon melaporkan bahawa rang undang-undang Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang (Pindaan 2017) telah pun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan untuk kali yang ketiga serta diluluskan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang adalah rang undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan. Ahli-Ahli Yang Bersetuju katakan “Ya”.

Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan “Tidak”. Ahli-ahli Yang Berhormat Rang Undang-Undang dipersetujui dan diterima.

Setiausaha Dewan:

Enakmen Warisan Negeri Pulau Pinang (Pindaan 2017) maka dengan ini adalah diperundangkan oleh kuasa Undangan Negeri Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang telah dibaca dan bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Ahli-ahli Yang Berhormat saya nak tangguhkan mesyuarat seketika dan kita balik dalam mesyuarat jam 4.15 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 3.55 petang.

Dewan bersambung semula jam 4.15 petang.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula. Sila.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih, YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Dato' Yang di-Pertua selaras dengan Peraturan 6A (1) Perturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan hari ini 25 Mei 2017 hari Khamis tidak akan ditangguhkan sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ada sokongan?

Y.A.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan-Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini 25 Mei 2017 hari Khamis tidak akan ditangguhkan sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya".

Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju katakan "Tidak". Lebih suara bersetuju. Usul dipersetujui.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-undang Pinjaman Negeri Pulau Pinang (Bank Dan Sumber-Sumber Kewangan Lain tahun 2017).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk memberi kuasa kepada Negeri untuk meminjam sejumlah wang daripada mana-mana bank atau sumber kewangan lain yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan bagi tujuan membiayai pelaburan pelaksanaan pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial bagi Negeri Pulau

Pinang dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan bagi kali pertama.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila, ada menyokong.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon menyokong.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk memberi kuasa kepada negeri untuk meminjam wang daripada mana-mana bank atau sumber kewangan lain yang diluluskan oleh kerajaan Persekutuan bagi tujuan membiayai pelaburan pelaksanaan pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial bagi Negeri Pulau Pinang dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Rang Undang-Undang telah dibacakan bagi kali yang pertama.

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat mengikut Peraturan 59 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mencadangkan bacaan kali yang kedua Rang Undang-Undang ini dibacakan dengan serta merta.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-undang Enakmen Pinjaman Negeri Pulau Pinang (Bank Dan Sumber-Sumber Kewangan Lain tahun 2017). Bacaan kali yang kedua.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk memberi kuasa kepada negeri untuk meminjam sejumlah wang daripada mana-mana bank atau sumber kewangan lain yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan bagi tujuan membiayai pelaburan, pelaksanaan pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial bagi Negeri Pulau Pinang dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan bagi kali yang kedua.

Saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang ini, Tuan Yang di-Pertua sebagai satu yang kita sifatkan sebagai *enabling legislation*. Tetapi sebelum saya pergi kepada perkara pokok Rang Undang-Undang ini saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa keadaan ataupun kedudukan hutang Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah dalam keadaan boleh disifatkan sebagai sangat baik. Sehingga 31 Mac 2017 kedudukan pinjaman Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan Kerajaan Persekutuan hanya berjumlah RM64.49 juta iaitu baik atau jauh lebih baik berbanding dengan jumlah pinjaman yang dibuat oleh negeri-negeri lain.

Sebagai satu perbandingan negeri yang mempunyai jumlah pinjaman yang lebih besar sebanyak RM319 juta diikuti Negeri Sabah sebanyak RM2,828 juta. Diikuti negeri Sarawak RM2,534.07 juta, seterusnya Negeri Kedah RM2,712.4 juta diikuti oleh Kelantan RM1,429.82 juta yang menjadikan di antara 5 negeri yang terhutang paling besar. Dan tentulah negeri yang mempunyai hutang paling kecil ialah Pulau Pinang sebanyak RM64.5 juta sahaja. Jumlah ini kalau dibandingkan dengan jumlah keseluruhan pinjaman oleh semua negeri di Malaysia sebanyak RM17,877 juta adalah satu jumlah yang amat kecil sekali.

So, kalau kita lihat daripada jumlah ini tentu Kerajaan Negeri mempunyai kemampuan untuk membuat pinjaman. Dan itulah sebabnya pihak Kerajaan Negeri membuat cadangan untuk Rang Undang-Undang Pinjaman Negeri Pulau Pinang, Bank Dan Sumber-Sumber Kewangan Lain 2017. Tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan. Iaitu seperti di bawah subseksyen 3(1) negeri diberi kuasa untuk meminjam semasa ke semasa apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh negeri mana-mana bank atau sumber kewangan lain yang diluluskan bagi maksud itu oleh Kerajaan Persekutuan atas terma dan syarat yang dipersetujui antara negeri dan pihak berkenaan. Apa-apa pinjaman yang dibuat oleh negeri di

bawah subseksyen (1) hendaklah seberapa cepat yang munasabah, dimaklumkan kepada Dewan Undangan Negeri. Inilah yang kita laksanakan supaya kita dapatlah memenuhi aspirasi pentadbiran yang telus di mana jika kita buat pinjaman selepas diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan ini akan dimaklumkan kemudian kepada Dewan Undangan Negeri.

Maksud dan tujuan kita mengesyorkan Rang Undang-undang ini adalah susulan daripada satu minit. Satu minit dalam Bahasa Inggeris dinyatakan sebagai satu minit yang telah pun ditandatangani di antara Kerajaan Negeri yang diwakili Pegawai Kewangan Negeri dengan *Exim Bank of China, Import Eksport Bank of China* ini bukanlah bank komersial ini adalah Bank Kerajaan Negeri *a People's Republic of China*. *Exim Bank* ditandatangani pada 16 Disember 2014 yang membolehkan Kerajaan Negeri membuat pinjaman daripada bank tersebut pada bila-bila masa untuk tujuan seperti yang telah dipersetujui. *Exim Bank* telah menunjukkan minat untuk memberikan pinjaman kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang khususnya untuk membiayai Projek Infrastruktur Pelan Induk Pengangkutan Awam atau *Penang Transport Master Plan*.

Seperti yang saya maklumkan YB. Tuan Yang di-Pertua ini bukanlah pinjaman biasa, ini bukanlah pinjaman komersial pihak swasta ini adalah pinjaman daripada *People's Republic of China* satu kerajaan dan boleh dianggap sebagai sebahagian daripada *one belt one route* polisi oleh pihak Kerajaan Negara China. Dan tentulah apabila dipinjam biasanya pinjaman bukan sahaja dari segi jumlah tetapi dari segi faedah kita harap-harapkan adalah pada kadar yang lebih rendah daripada kadar komersial. Tetapi untuk membolehkan pinjaman ini dapatlah diteruskan bukan sahaja kita perlu kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan kita perlukan apa yang saya perlukan seperti yang saya sebutkan tadi *enabling legislation*. Iaitu Rang Undang-Undang Pinjaman Negeri Pulau Pinang Bank dan Sumber-Sumber Kewangan Lain 2017. Rang Undang-undang ini diharuskan atas keperluan undang-undang sepertimana yang disyorkan sendiri oleh Y.A.B. Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam surat beliau bertarikh 31 Mei 2016 kepada saya.

Yang Amat Berhormat dalam surat beliau kepada saya menyatakan sekiranya kerajaan Negeri ingin mendapatkan pinjaman daripada *Exim Bank* beberapa syarat sepertimana yang ditetapkan dalam Perkara 111(2) Perlembagaan Persekutuan perlulah diperhalusi. Antaranya ialah ini saya nak baca sebahagian daripada isi kandungannya, tiada undang-undang negeri yang memperuntukkan kuasa untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang membuat pinjaman bagi maksud tersebut, dan ini bermakna Dewan Undangan Negeri perlu membuat suatu undang-undang bagi maksud terlebih dahulu dan ini yang kita jalankannya pada hari ini atas nasihat Y.A.B Menteri Kewangan. Dua, dalam menimbangkan permohonan pinjaman oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan wajib berunding dengan Majlis Kewangan Negara berkenaan dengan perjalanan kuasa meminjam negeri di bawah Perkara 108(4)(c) Perlembagaan Persekutuan.

Dan tempoh pinjaman hendaklah tidak melebihi 5 tahun. Semua ini terkandung dalam Rang Undang-undang yang saya bantahkan YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Jumlah wang yang dipinjamkan di bawah Rang Undang-undang Pinjaman Negeri Pulau Pinang, Bank dan Sumber-Sumber Kewangan Lain 2017 disediakan untuk tujuan membiayai pelaburan, pelaksanaan pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial bagi Negeri Pulau Pinang dan bagi perkara-perkara berkaitan dengannya termasuk dengan *Penang Transport Master Plan 2013-2030*. Bagi maksud penggubalan Draf Rang Undang-undang ini maka Kerajaan Negeri melalui YB. Penasihat Undang-undang Negeri telah merujuk kepada Enakmen Pinjaman, rancangan untuk membiayai Penyusunan Semula Perkhidmatan Bas Awam Negeri Pulau Pinang 2006 (Enakmen 7) dan Enakmen Pinjaman Negeri Pulau Pinang (Projek Bangunan Arked dan Pusat Makanan Laut Batu Kawan 2009 (Enakmen 8).

Secara dasarnya sebahagian peruntukan yang terkandung di dalam Draf Rang Undang-undang ini merupakan peruntukan *standard clauses* yang diperuntukkan dalam semua peruntukan lain yang serupa di peringkat Negeri dan juga di Persekutuan. Seperti yang saya sebutkan tadi *this is an enabling legislation* supaya sekiranya Kerajaan Persekutuan nak meluluskan pinjaman yang ingin dipohon daripada Kerajaan Negeri kita mesti ada Rang Undang-undang untuk memberikan kuasa Kerajaan Negeri buat demikian.

Wang yang dipinjam di bawah subseksyen 3(1) beserta dengan faedah dan perbelanjaan lain yang berhubungan dengannya bakal dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan Negeri. Tempoh pinjaman yang dibuat di bawah Enakmen ini hendaklah tidak melebihi tempoh lima (5) tahun. Sepertimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang yang dinyatakan oleh Y.A.B Perdana Menteri dalam surat beliau kepada saya. Tertakluk kepada seksyen 6, Tuan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, wang yang dipinjam di bawah subseksyen 3(1) beserta dengan faedah dan perbelanjaan dan perbelanjaan lain yang berhubungan dengannya, hendaklah dibayar balik menurut terma dan syarat yang

dipersetujui antara negeri dengan pihak berkenaan bagi tujuan pembiayaan di bawah enakmen ini. Wang yang perlu dibayar itu hendaklah diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri atau mana-mana sumber kewangan Negeri dan semua wang yang perlu dibayar kepada mana-mana bank atau pihak lain hendaklah dibayar pada tiap-tiap tahun kewangan.

Saya berharap dengan pembentangan Rang Undang-undang Pinjaman Negeri Pulau Pinang (Bank dan Sumber Kewangan lain 2017) maka suatu perundangan baharu mengenai pinjaman Kerajaan Negeri dapat diwujudkan saya percaya Rang Undang-undang tersebut yang disediakan atas inisiatif dan pimpinan Kerajaan Negeri adalah menjurus untuk memberikan limpahan pelaburan dan merancakkan pertumbuhan sosio-ekonomi, melaksanakan pembangunan fizikal demi kesejahteraan serta kemakmuran rakyat di Negeri Pulau Pinang.

YB. Dato' Yang di-Pertua secara rumusan ia bermula dengan minat *Exim Bank of China* untuk meminjamkan wang di bawah dasar *People's Republic of China*, Negara China untuk membiayai projek infrastruktur di Negeri Pulau Pinang dan ini saya rasa satu penghormatan. Satu penghormatan dan satu pengikhtirafan bahawa Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah satu pilihan yang bernilai yang boleh dipertimbangkan untuk dipinjamkan wang seperti yang dimaklumkan oleh semua. Ini *Exim Bank* dia tidak pinjamkan kepada mana-mana pihak secara sembarangan ia biasanya akan beri kepada kerajaan sahaja. *This is government bank*. Ini bukanlah bank komersial dan saya rasa itu sesuatu *vote of confidence* sesuatu tanda keyakinan kepada Negeri Pulau Pinang bahawa sudi mendapat perhatiannya sehingga mereka rela mempertimbangkan meminjamkan wang kepada Kerajaan Negeri ini yang pertama. Kedua kita kena terus terang menyatakan bahawa secara lumrahnya Kerajaan Persekutuan tidak akan meluluskan sebarang permohonan dari Kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia untuk meminjam wang daripada mana-mana pihak.

Sungguhpun ada bank komersial yang nak pinjam mereka tidak bersedia untuk meluluskannya. Kerana akhirnya bila kelulusan diberikan oleh Kerajaan Persekutuan tentu kalau tidak dapat bayar siapa akan tanggung kita pun tahu Kerajaan Persekutuan akan tanggung. Tapi sungguhpun begitu bila kita tulis surat ini adalah datang dari Exim Bank. Yang Amat Berhormat sudi memberikan jawapan. Sudi memberikan jawapan kerana ini adalah datang daripada Exim Bank. Ini adalah sesuatu perkara yang serius kita janganlah lihat dalam sudut politik pembangkang kerajaan ini dari segi *national interest* dari sudut kepentingan nasional di mana sebuah kerajaan rela meminjamkan wang kepada Kerajaan Negeri lain dan saya rasa ini sesuatu yang jarang berlaku. Oleh itu Y.A.B. Perdana Menteri menjawab, membalas surat saya tentang permohonan untuk pinjamkan wang dari *Exim Bank of China* dan membuat beberapa syor-syor di mana kita akur patuhi undang-undang yang sedia ada untuk membolehkan sekiranya kelulusan diberikan, kita ada kuasa untuk buat pinjaman dan itulah hasrat undang-undang pada hari ini YB. Dato' Yang di-Pertua. Seperti yang saya sebutkan tadi *enabling legislation*.

Sekian, YB. Dato' Speaker. Saya mohon mencadangkan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Perlu sokongan.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon meyokong dan saya mohon untuk memberikan sedikit ulasan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Prestasi kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagaimana yang sedia maklum bahawa antara yang terbaik urus tadbir kewangan dan ekonomi dan sebagai sebuah kerajaan yang berdasarkan *Competent, Accountable dan Transparent* dalam rangka untuk memastikan pengurusan dalam kemajuan dalam negeri ini sudah semestinya kita memerlukan dana yang besar khususnya untuk melaksanakan *Master Transportation Plan (MTP)*. Jadi oleh itu usaha yang telah dianjurkan ini untuk membuat Dewan Undangan Negeri untuk meluluskan satu pinjaman adalah satu tawaran yang terbaik tidak semestinya kita akan menerimanya kerana dengan tawaran seperti ini yang dapat membantu kita membangunkan negeri kita ini keadaan yang lebih baik lagi. Kita tahu kita mempunyai juga hasil-hasil cukai tanah dan hasil perkhidmatan dan sebagainya tetapi tidak satu jumlah besar untuk kita boleh dapat membiayai *transport master plan* yang berbilion ringgit.

Jadi oleh itu, dalam ingin mencapai visi dan hasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri bertaraf antarabangsa dan pintar kita memerlukan untuk melangkah lebih jauh lagi dan kita harus ambil peluang yang terbaik di atas tawaran dilihat sebagai satu keperluan untuk kita meluluskannya sebagai telah dipohon oleh pihak Kementerian Kewangan itu sendiri. Jadi, saya dengan ucapan ringkas ini ingin menyokong enakmen ini, sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Pantai Jerejak, Ahli-ahli Yang Berhormat jadi segi perbincangan Rang Undang-Undang Enakmen Pinjaman Negeri Pulau Pinang (Bank dan Sumber-Sumber Kewangan Lain 2017), Ahli-ahli Yang Berhormat sesiapa yang ingin mengambil bahagian dalam perbincangan saya persilakan. Sila YB. Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Sementara saya menyokong Rang Undang-Undang ini supaya kita dapat Kerajaan Negeri meminjam wang untuk membiayai projek-projek penting saya hanya ada pertanyaan berkenaan dengan keperluan untuk membiayai *Master Transportation Plan* disebabkan RFP kepada SRS dalam RFP itu *very* jelas mengatakan yang SRS sepatutnya membiayai *Master Transportation Plan* dan kita bayar dengan tambakan laut 405 ekar dengan pembinaan tiga (3) pulau. Jadi kalau mengikut RFP itu, sepatutnya tidak ada bebanan kepada Kerajaan Negeri sebab Kerajaan Negeri sekarang mempunyai status kewangan yang sangat baik, pinjamannya sangat rendah mungkin kekhuatiran yang dirisaukan ialah projek *Master Transportation Plan* ini ataupun Pelan Induk Awam untuk membina LRT dari Komtar ke Penang Airport ini memakan kos yang RM27 billion. Jadi, walaupun mungkin pinjaman ini diperlukan sebagai *bridged fund* tetapi saya berharap yang mungkin boleh dimasukkan dalam Rang Undang-Undang ini satu had siling ke walaupun diletakkan lima (5) tahun tetapi juga had siling supaya kita tidak terjebak apa yang berlaku sebagai contoh dengan Kerajaan Pusat sebab Kerajaan Pusat mengalami masalah sebagai contohnya 1MDB kita tak nak Pulau Pinang juga saya harap tidak terjadi sebegitu sebab kita nak fund kita punya *Master Transportation Plan* kerisauan la juga. Lagi satu ialah disebut di sini yang syarat yang diletakkan ialah hanya untuk dewan ini dimaklumkan jadi jika boleh satu Jawatankuasa Khas melihat supaya Dewan ini jika bolehlah dimasukkan perkataan diluluskan ke dan mungkin ada had-had siling supaya kita tidak terjebak dalam pinjaman yang besar atau keadaan kita yang sangat baik ini tidak akan menjadi bebanan kepada rakyat Pulau Pinang, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Penanti. Sila YB. Air Itam.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Ya, terima kasih Dato' Speaker, saya juga ingin menyertai dalam perdebatan tentang Rang Undang-Undang ini dan saya telah meneliti Artikel 111, *Federal Constitution reception on borrowing* dan dapati bahawa artikel ini telah dimasukkan ke dalam *Federal Constitution 1997* iaitu *exactly* 60 tahun lalu ialah satu terdapat klausa-klausa tentang *limit for fund* iaitu untuk *loan period* lima (5) tahun sahaja, saya jangka pada masa itu *Federal Constitution* ingin mengawal *state power* dan juga pada masa itu *banking institution* tidak begitu maju so hanya letakkan lima (5) tahun sahaja sepatutnya untuk pinjaman kalau pinjaman *institution modern it should be long period* 20 tahun 30 tahun dan sebagainya ini sangat kecil.

Walau bagaimanapun, kita sebagai *state* kalau letak apa-apa pindaan tempoh masa yang lebih panjang perlu balik ke Parlimen dengan *amenmend* *Federal Constitution* itu saya meneliti Rang Undang-Undang yang dikemukakan oleh Y.A.B. Air Putih dan kita sebenarnya tertakluk kepada peruntukan dalam *Federal Constitution*, kita perlu kelulusan *state of authority*, kita perlu kelulusan *Federal Government* dan *Federal Government* juga boleh *impulse condition* boleh mengenakan syarat-syarat dalam kelulusannya kita juga perlu kelulusan bank ataupun *financial institution* yang meminjam wang. Oleh itu, sebenarnya ada tiga (3) peringkat *approvals* kelulusan diperlukan dan ini hanya *period of five (5) years* kita dalam segi praktikaliti ini sangat kekangan dari segi *institution* terhadap *state power* dan *insurgeon criteria* untuk mengendali ketiga-tiga pihak, ketiga-tiga parti dengan syarat lima (5) tahun sahaja.

Walau bagaimanapun, saya rasa peruntukan Rang Undang-Undang telah memenuhi *Federal Constitution* keperluan *Federal Government* untuk kita meluluskan satu *enabling legislation* dalam Dewan yang mulia ini. Saya harap telah ada satu *arrangement* telah dibuat antara *Federal Government* dengan *state government* dan saya berharap *legislation* ini dapat membantu kita mendapatkan pinjaman dengan *low interest* dengan interest yang rendah dari *incredible banking institution*. Saya rasa itulah hasrat kita Rang Undang-Undang untuk merealisasikan projek-projek infrastruktur yang mendatangkan kebaikan

kepada Negeri Pulau Pinang dan rakyat Pulau Pinang, saya menyokong Rang Undang-Undang ini. Sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Air Itam. Sila YB. Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, saya juga berterima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-Undang ini dan saya ingin memberi beberapa pendapat. Pada dasarnya saya menyokong, saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada peruntukan 3(2)... (dengan izin), di mana dinyatakan apa-apa pinjaman yang dibuat oleh Negeri dibawah Subseksyen 1 hendaklah seberapa yang munasabah maklumkan kepada Dewan Undangan Negeri. Ini memberi satu platform kepada semua wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat pada masa akan datang untuk mempersoalkan bagaimanakah cara wang ini dibelanjakan. Ini berbeza dengan apa yang berlaku di Kerajaan Persekutuan berbanding dengan apa yang kita dengar cara bagaimana wang rakyat disalurkan keluar secara sulit melalui akaun 1MDB digunakan untuk membeli hotel, bangunan mewah dan sebagainya di luar negara ini ketelusan siapa yang makan cili rasa pedas. Jadi tolonglah diam kalau boleh berbahas, kalau berani bangun dan bahas....(gangguan), jangan berbunyi macam katak ya jadi saya menggunakan kesempatan ini untuk menyatakan tindakan Kerajaan Negeri membentangkan Rang Undang-Undang ini adalah begitu telus, ikhlas meminta pendapat YB. Telok Ayer Tawar apa masalahnya? Kalau ada apa buah fikiran bangunlah dan berbahas, tak ada, kalau tak boleh berbahas diamkan diri *you are lawyer rebate come on i challenge you....*(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Seri Delima tak apalah, *you* bahas...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaja Rayer A/L Rajaji):

...dan kita menarik perhatian YB. kepada Dato' Speaker kepada peruntukan (4), jumlah wang yang dipinjamkan di bawah enakmen ini hendaklah digunakan bagi maksud membiayai pelaburan, pelaksanaan pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial bagi Negeri Pulau Pinang bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, ini adalah semuanya bagi manfaat rakyat di Pulau Pinang, sekali lagi saya ingin memberi penekanan bukanlah untuk tujuan-tujuan dimasukkan ke dalam akaun peribadi membeli bangunan mewah dan hotel mewah di luar negara seperti yang berlaku dalam skandal 1MDB, jadi YB. Dato' Speaker, saya yakin seperti yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Air Putih bahawa Exim Bank daripada *Republic of China* yakin dengan prestasi dan yakin siapa kata bodek tadi kalau berani bangun, tak berani duduk diam jangan bunyi macam katak....(gangguan). Jadi mereka yakin dengan prestasi *Compentancy, Accountable* dan *Transparency* dan ini menunjukkan transparansi kerajaan Pulau Pinang meminta rakyat Pulau Pinang melalui dewan ini memberi mandat untuk perkara-perkara yang akan dilakukan iaitu meminjam ialah itulah sebabnya...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Bertam nanti bahas...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaja Rayer A/L Rajaji):

...bukan seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan jadi saya disini mengambil kesempatan ini untuk menyokong Rang Undang-Undang ini terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Seri Delima, Ahli Yang Berhormat siapa lagi, YB. Machang Bubuk sila.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang ini. Saya rasa hari ini kita akan membincangkan satu Rang Undang-Undang yang amat penting dan juga akan mengambil satu pengaruh yang amat besar terhadap masa depan Negeri Pulau Pinang ini. Saya memang rasa kita pun sangat faham Kerajaan Negeri mempunyai sumber kewangan yang amat terhad tambahan pula Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah dipimpin oleh Parti Pakatan Harapan yang merupakan Parti Pembangkang di negara kita. Ini adalah satu perkara yang kurang bernasib baik kerana kita tidak mentadbir Kerajaan Persekutuan maka kita hari ini kena berdepan dengan kesuntukan wang atau kekangan kewangan untuk melaksanakan projek-projek infrastruktur yang

sepatutnya diberi atau disambung oleh Kerajaan Persekutuan. Ini adalah satu cabaran yang kita hadapi khasnya Barisan EXCO dalam Kerajaan ini yang perlu mencari jalan untuk melaksanakan projek-projek tersebut dan saya juga faham bahawa dari segi pengurusan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang mendapat pujian daripada Jabatan Audit Negara dan memang kita melaksanakan Cekap, Akauntabiliti, Telus, (CAT) dari urus tadbir kita dan pengurusan kewangan kita juga kita memerhati tentang kemampuan dan juga kedudukan kewangan dalam negeri kita kerana kita tahu, jika kita buat terlalu banyak pinjaman kita akan jadi macam nanti seperti apa yang Ketua Menteri kata, kita tidak mahu pengurusan kewangan kita menjadi seperti Pahang, Sabah, Kelantan kita hendak tetapkan menjadi negeri yang paling rendahnya pinjaman.

Maka saya rasa Rang Undang-undang ini adalah memberikan kita satu *check and balance especially*...(dengan izin), Dewan Undangan Negeri untuk memastikan pinjaman-pinjaman yang akan mempengaruhi masa hadapan negeri kita ditelusi dan juga dibincang sebelum sesuatu keputusan itu dibuat. Saya rasa semua pun faham pinjaman itu adalah kita *spending the future money* kita pun, sebab mengapa kita kena pinjam kerana kita tidak mendapat dana yang mencukupi maka kita kenalah pinjam itu memang biasa, semua orang pun ada meminjam duit jika kita tidak dapat wang yang tidak mencukupi tetapi sekiranya wang yang kita pinjam itu kita tidak meletakkan satu had maka ia ada satu risiko yang amat tinggi di mana Rang Undang-Undang ini akan dijadikan untuk bagi pihak yang berkuasa negeri untuk membuat pinjaman tanpa had. Ini juga akan mengakibatkan risiko yang amat tinggi nanti sesiapa yang akan tanggung sekiranya pinjaman itu tidak dapat dibiayai oleh Pihak Berkuasa Negeri.

So Rang Undang-undang ini saya rasa sekurang-kurangnya, saya bersetuju apa yang dikatakan oleh YB. Penanti tentang kita mencadangkan supaya ada pindaan sedikit berkenaan dengan seksyen 3(2) di mana apa-apa pinjaman yang dibuat oleh negeri di bawah sub seksyen 1 hendaklah beberapa cepat yang munasabah mendapat kelulusan daripada Dewan Undangan Negeri. Ini adalah cadangan pindaan kita supaya boleh dipertimbangkan dan juga dengan adanya had siling di mana kita boleh dibincangkan dan untuk memastikan bahawa tanggungan pinjaman kewangan negeri itu akan sentiasa berada di dalam keadaan yang sihat dan baik.

Saya juga ingin menghabiskan perbahasan saya dengan mengongsikan pengalaman yang telah kita alami seperti 1MDB, sekarang 1MDB yang telah membuat pinjaman berbillion-billion ringgit sekarang siapa yang kena tanggung hutang yang negara kita hutang, rakyat yang kena tanggung semua hutang-hutang itu dan perkara ini akan menjadi satu implikasi yang buruk kepada semua rakyat tidak kira sesiapa pun, anggota parti UMNOkah dia pun kena bayar, GST adalah salah satu contoh apabila kerajaan tidak ada cukup wang maka salah satu cara yang paling mudah adalah dengan mengenakan cukai GST ke atas semua orang di negara kita ini. Maka saya harap dan saya memang menyokong bahawa kerajaan negeri memang perlu membuat pinjaman tetapi kena ada sedikit pindaan daripada cadangan kita supaya kita tidak mahu menjadi seperti negara-negara Greece atau yang paling dekat atau contoh yang paling jelas adalah skandal 1MDB semua rakyat kena tanggong dan menderita, sekian terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undang Negeri:

Terima kasih YB. Machang Bubuk, Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian, silakan YB. Tanjong Bunga

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Terima kasih, YB. Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas di dalam Dewan ini. Setelah membaca dan mengkaji kandungan Rang Undang-undang ini memang ini adalah satu *extra facility* untuk sesuatu kerajaan yang kekurangan *resources* baru dan juga satu syarat, surat daripada Y.A.B. Perdana Menteri bahawa Dewan Undangan Negeri perlu membuat satu Rang Undang-undang bagi maksud tersebut terlebih dahulu, pada saya selalu kita hendak perjuangkan *separation the power* di sini saya cuma ada satu. Saya setuju dengan pandangan daripada YB. Machang Bubuk dan memang itu satu jalan keluar, tetapi pada saya dengan prinsip *separation the power* saya fikir kuasa meminjam wang daripada bank atau sumber kewangan dalam topik ini Subseksyen 3 dan Subseksyen 2 yang juga dibangkitkan oleh YB. Penanti, bahawa apa-apa pinjaman yang dibuat oleh negeri di bawah Seksyen 1 hendaklah seberapa cepat yang munasabah dimaklumkan kepada Dewan Undangan Negeri khasnya pada saya dimaklumkan kepada dewan ini adalah, macam satu situasi dimana kita memberi satu *blank cheque* kepada eksekutif untuk isikan dan kalau inilah situasi saya fikir tidak ada *check and balance* sebelum diluluskan saya fikir kalau kita hendak menguatkan *separation the power* kalau bolehlah diubah suai diluluskan oleh Dewan Undang Negeri mengikut Enakmen Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya fikir ini satu pandangan saya dan saya harap perkara ini dapat dipertimbangkan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, YB. Tanjong Bunga, Ahli-ahli Yang Berhormat, yang lain silakan YB. Kebun Bunga
Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

YB. Dato' Speaker saya ingin memohon peluang untuk membahaskan enakmen ini adalah untuk sejumlah wang pinjaman, pendek kata jikalau saya boleh merujuk kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini kepada juga Seksyen 31 muka surat empat, disini, boleh saya baca, tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan Enakmen Negeri diberi kuasa untuk meminjam dari masa ke semasa, saya ada sedikit tidak faham adakah kita disini di dalam *bill* ini ataupun Rang Undang-undang ini meminta pinjaman sejumlah wang ataupun dari masa ke semasa pinjam beberap jumlah wang, inilah kali pertama perkara saya hendak bangkitkan. Kita duduk di Dewan yang mulia ini YB. Dato' Speaker berbincang mengenai perkara yang amat penting dan mulia, ini berkaitan dengan pinjaman wang sebagai pemegang amanah, sebagai warga Pulau Pinang sekarang ini kita sedang langkah ke satu dimensi di mana negeri kita pinjam wang, hati saya sentiasa bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Itulah sebab, lebih penting lagi sebab itu saya kena laungkan pandangan saya untuk membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam segi pinjaman wang dalam Rang Undang-undang ini, seksyen (dengan izin) Dato' Speaker masih lagi Subseksyen 2, boleh saya baca sedikit sahaja, "Apa-apa pinjaman yang dibuat oleh negeri dibawah Subseksyen 1, yang di atas itu hendaklah seberapa cepat yang munasabah dimaklumkan kepada Dewan Undangan Negeri". Saya bersama pandangan dengan YB. Machang Bubuk dan juga dengan YB. Penanti dan rakan-rakan kita bahawa demi keadilan kepada rakyat Pulau Pinang, demi ketelusan kepada Dewan kesemuanya apa yang betul, saya rasa perubahan perlukan ayat dari dimaklumkan ke diluluskan adalah cadangan kita kerana jikalau (dengan izin) Dato' Speaker, jikalau hanya Dewan yang mulia ini sebagai *legislation* yang hanya dimaklumkan oleh EXCO-EXCO maksudnya apa-apa perbelanjaan ataupun pinjaman ataupun kes yang penting mengenai kewangan itu, Dewan yang mulia ini hanya dimaklumkan sahaja. Memang ini pada pandangan saya bukan falsafah demokrasi, butir yang kedua. Yang ketiga saya mendengar dari Ahi-ahli Yang Berhormat di Dewan ini berbahas mengenai perkara ini, tetapi saya masih kurang faham apabila saya dengar beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat hanya menyatakan mengenai (dengan izin)... *law* undang-undang, tetapi tidak memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini mengenai kes dan latar belakang kes dan kenapa Pulau Pinang meminjam wang ini, tidak dimaklumkan ataupun mungkin saya salah dengar, mungkin saya *deaf*, tidak dapat dengar, tapi adakah kita dengar di dalam Dewan ini bahawa kenapa kita hendak meminjam wang satu jumlah ini atau berapa jumlah ini adakah kita dapat dengar? Bagi saya, saya tidak dengar.

Jikalau saya tidak silap, saya sebagai seorang wakil rakyat dari Kebun Bunga saya ingin tahu bila perkara sepeenting Kerajaan Negeri Pulau Pinang meminjam wang, soalan yang pertama yang akan ditanya, apakah soalan yang kita kena tanya berapa jumlah wang yang kita hendak pinjam? Adakah kita dapat jawapan mengenai kes ini apabila hujahan atau presentasi kes pinjaman Rang Undang-undang yang mulai tender yang dibawah ke Dewan yang mulia ini, bagi saya adalah (dengan izin)...Bahasa Inggeris *fade*, tidak *clear*, tidak jelas. Apabila kita bawa cadangan atau hasrat kerajaan kita kepada Dewan yang mulia ini, saya minta dari segi demokrasi, ini diluluskan kita kena tahu apakah pinjaman, jumlah pinjaman ini. Jikalau tidak, prinsip macam bajet kita tiap-tiap tahun di mana Dewan yang mulia ini luluskan, ini bukan menjadi satu prinsip. Prinsip ialah Dewan Undangan Negeri kena tahu sebagai pemegang amanah rakyat Pulau Pinang kena tahu kenapa rang undang-undang ini perlu diluluskan. Berapa kita pinjam? Adakah kita pinjam satu jumlah sahaja ataupun kita pinjam seperti yang dinyatakan pada butir pertama? Kita pinjam satu jumlah ataupun dari semasa ke semasa apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh negeri daripada mana-mana bank atau sumber kewangan lain. Jadi ini perkara ketiga yang saya ingin dimaklumkan mengenai jumlah wang yang kita hendak pinjam. Kita bergantung kepada amanah yang kita pegang dan kita kena maklumkan kepada rakyat Pulau Pinang.

Bersangkut dengan ini, perkara yang keempat, yang berkaitan dengan hujahan saya di sini adalah mengenai tujuan ataupun *purpose of the borrowing*...(dengan izin), tujuan untuk pinjam. Saya akan pendekkan sahaja. Tujuan yang kita pinjam ini, Ya, YB. Dato' Speaker, saya tahu tetapi di dalam tujuan adalah untuk fizikal, kemajuan dan sosial, (dengan izin), YB. Dato' Speaker, *fade*. Tapi maksudnya tidak jelas. Jadi kalau kita di Pulau Pinang akan pinjam sejumlah wang, saya tidak pasti lagi, tetapi saya minta jawapan di Dewan ini pada kemudiannya, jikalau kita pinjaman sejumlah wang misalnya sahaja, RM1 juta ataupun RM100 juta ataupun RM10 bilion. Saya tidak tahu, saya tidak ada jawapan. Tetapi jumlah ini mungkin jikalau besar akan bebankan kita.

Saya merujuk kepada sikit butiran yang saya dengar dari YB. Penanti bahawa kemungkinan pinjaman ini akan diperkatakan, digunakan atas projek ataupun dari Y.A.B. Ketua Menteri sendiri, kes pinjaman ini adalah untuk *Penang Transport Master Plan*. Jikalau perkara ini adalah betul, *Penang*

Transport Master Plan akan menggunakan berbilion-bilion ringgit. Jikalau *Penang Transport Master Plan* menggunakan berbilion-bilion ringgit, maksudnya adakah soalan saya, kita akan meminjam berbilion-bilion ringgit. Inilah jawapan yang kita di dalam Dewan ini kena tahu. Ini perkara keempat.

Perkara yang kelima saya akan *highlight* sahaja kerana kita bertanggungjawab untuk mengenalpasti atau menelitikan apa yang wujud, ada di Dewan ini ataupun Rang Undang-Undang yang dibawa ke Dewan ini. Kelima adalah mengenai rang undang-undang yang akan ataupun mungkin menjadi akta ini. Jikalau Rang Undang-Undang ini menjadi akta, pandangan saya sahaja, mungkin saya silap, saya minta maaf jikalau saya silap, adalah Rang Undang-Undang ini setelah dibacakan, bagi saya, adalah *all and composing*...(dengan izin), maksudnya dia termasuk walaupun yang Y.A.B. Ketua Menteri mengatakan adalah satu *an unbailing legislation*.... (dengan izin), tetapi dia adalah akta ataupun Rang Undang-Undang ini jikalau ditelitikan dibacakan dia rang undang-undang ini membolehkan pinjaman terus menerus. Maksudnya seperti yang saya tadi baca boleh gunakan Rang Undang-Undang ini ataupun kuasa ini untuk meminjam mewakili Kerajaan Negeri, rakyat Negeri Pulau Pinang meminjam wang. Jadi jikalau ataupun apabila ataupun malangnya pada masa depan, jikalau ada sesuatu kerajaan yang kurang baik, bukan kerajaan ini, tetapi kerajaan yang pada masa depan mungkin yang menggunakan *all and composing act*, akta yang cukup keluasan, cukup besar, *wide angle* ini. Akibatnya mungkin akan mengancam faedah ataupun kepentingan rakyat kerana kerajaan ini seperti yang kita dengar di dalam peristiwa dan bukan sahaja cerita tetapi fakta di negara-negara yang lain di mana negeri mereka ataupun negara mereka pinjam tanpa kawalan. Pinjam demi pinjam demi pinjam dan apa akibatnya?

Ini perkara kelima. Akibatnya adalah negara seperti Greece ataupun Indonesia ataupun Filipina pada ketika masa, *different time frame* kena *kaukau*...(dengan izin), ataupun *surrender* kepada bank antarabangsa yang datang ketuk pintu mengatakan saya sekarang hendak ambil tanah-tanah kamu di Greece atau di kawasan bandar Aceh ataupun di Mindanao kerana kerajaan kamu telah hutang kepada kita. Perkara ini adalah perkara ataupun peristiwa yang kita boleh belajar. Ini perkara lima. Oleh itu kita kena berhati-hati mengenai meluluskan atau meneliti rang undang-undang ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Kebun Bunga kalau hujah yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat yang lain tidak perlu ulang.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Ya, saya tidak akan ulang. Jika saya ada, berhentikan saya. YB. Dato' Speaker, yang keenam, saya rasa sedikit kecewa kerana mungkin pada masa yang depan kita, apabila kerajaan perlu menjalankan, mengadakan rang undang-undang, mungkin sesi perbincangan boleh ada lebih lagi. Lebih awal lagi dan informasi diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini pada masa yang lebih awal untuk kita meneliti dan berkongsi pandangan dan juga membantu Rang Undang-Undang ini menjadi akta. Di dalam kes ini, pandangan saya adalah mengenai beberapa butiran ini. Jikalau boleh, saya harap dengan rendah diri kerajaan boleh mengambil pertimbangan, mempertimbangkan perubahan-perubahan beberapa fasal termasuk yang dinyatakan oleh saya mengenai diluluskan Seksyen 3, Subseksyen 2, bukan sahaja memaklum kepada Dewan Undangan Negeri tetapi diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Pada peringkat ini, saya masih ingin tahu, saya masih tunggu jawapan mengenai berapa jumlah yang kita sebagai Kerajaan Pulau Pinang perlu meminjam di dalam kes ini. Dan di dalam kes ini yang last sekali, yang belum disentuh, dan tidak pernah disentuh lagi, saya baru ingat, di dalam kes *Penang Transport Master Plan* ini adakah pinjaman ini adalah untuk membekalkan sumber *finance* untuk projek tertentu kepada kontraktor. Apakah latar belakang pinjaman ini. Saya rasa Dewan yang mulia juga perlu tahu dan dengan kenyataan ini, dengan jawapan dan ubahan seksyen-seksyen tertentu yang dinyatakan oleh saya dan juga rakan-rakan saya di dalam Dewan yang mulia ini, saya rasa perkara ini kita boleh bersama dengan kerajaan kita. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Kebun Bunga. Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Berapit sila hendak bahas? Kalau hujah-hujah yang sama, saya minta elakkanlah.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Saya minta sedikit masa untuk berbahas tentang Rang Undang-Undang ini. Itu rangkap 3, meminjam dari masa ke semasa apa-apa jumlah wang itu yang mengkuatirkan saya dan rakyat di Berapit. Adalah seorang *businessman* di Berapit berkongsinya idea dengan saya. Dia kata kalau sesebuah perniagaan atau *company*, *capital* dia kalau RM100,000, dia tidak akan pinjam wang daripada

bank lebih daripada 20% daripada *capital* dia sebab dia tidak akan berupaya untuk membayar hutang itu. So di sini saya harap kerajaan akan menimbang had siling untuk meminjam wang daripada bank dari luar negara walaupun tanggungjawab ini sepatutnya dari Kerajaan Pusat untuk memberi wang kepada Kerajaan Negeri untuk membangunkan *Transport Master Plan* tetapi ini mengkhawatirkan rakyat saya. *That's why I've stand up to give a little bit opinion from my side* dan saya harap kerajaan jangan lulus sebab tiada peruntukan daripada Kerajaan Pusat, kita kena pinjam wang dari bank dari China. Dan saya, walaupun saya tidak begitu setuju dengan cara ini tetapi *we had no other choice, we don't have money from other sources*. So kita kena pinjam tetapi dengan had siling yang tertentu yang di bawah, kita boleh bayar dan Kerajaan Negeri tidak menanggung kesukaran wang ini. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Berapit. Gulung? Sila YB. Perai. Boleh.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih. Saya mewakili dan singkat sahaja. Saya tidak terima hujah *conceptual* yang mengatakan Bahagian 3, Subseksyen 2 ini merupakan satu pencerobohan kepada *legislative*. Ini mereka yang mengutarakan *check and balance* di sini adalah *executive, legislative dan judiciary*. Saya rasa bagaimana kalaulah *legislative*, kalaulah Dewan Undangan Negeri akan buat segalanya, lebih baik kita hapuskan *executive*. Tidak perlu EXCO Kerajaan Negeri. Jadi saya rasa saya tidak setuju, mereka mempertahankan *check and balances*, semasa mereka mempertahankan *check and balances*, mereka sudah mencero bohi dalam bidang *executive*. Macam mana ini. Bagaimana hendak huraikan *contradiction* ini? Jadi isu-isu lain yang timbul tidak apalah, itu saya rasa kita boleh bincang tetapi saya tidak setuju bahawa Rang Undang-Undang ini merupakan satu cabaran terhadap *check and balances*. Saya rasa itu tidak masuk akal. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Padang Kota juga?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Sudah mula, kita perlu ikut.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila YB. Padang Kota.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya ingin memberi sedikit pandangan juga terhadap Rang Undang-Undang yang dibentangkan. Saya rasa dalam rangka enakmen ini dan juga peruntukan Perlembagaan Persekutuan, memang sudah ada sekatan-sekatan yang amat ketat seperti mana YB. Air Itam sebutkan tadi. Perkara 1.1.1. ini digubal semasa Perlembagaan Persekutuan ini digunapakai sejak merdeka jadi pada masa itu pun ada sekatan, di mana satu sekatan yang penting adalah tempoh bayaran cuma lima (5) tahun. Bagaimana satu bank boleh meminjam ataupun berapa banyak kita boleh pinjam apabila kita perlu bayar dalam lima (5) tahun, itu *by it self* adalah satu sekatan jumlah yang boleh dipinjam.

Keduanya dalam Fasa 3(1) pun dapat sekatan-sekatan dan saya petikan bahawa pinjaman dari masa ke semasa dan apa-apa kewangan yang diperlukan *by itself* sudah amat jelas tetapi YB. Kebun Bunga tak jelas. Perlu dapat diluluskan bagi maksud itu jumlah yang ingin dipinjam oleh Kerajaan Persekutuan sebab Kerajaan Persekutuan perlu menjadi penjamin kepada pinjaman ini itu pun satu sekatan kita perlu *convinced* Kerajaan Persekutuan jumlah yang kita ingin pinjam tempoh bayaran tak ada sebab sudah ditetapkan lima (5) tahun, apakah tujuan itu digunakan sebelum Kerajaan Persekutuan dapat memberi kelulusan dan itu pun tertakluk kepada perbincangan dan persetujuan Kerajaan Negeri dengan pihak bank yang ingin meminjam. Saya pasti bank akan ingin tahu apakah tujuan berapa nak pinjam dan masa bayar balik tak perlu pinjam sebab sudah ditetapkan. Itu sememangnya sekatan-sekatan terhadap kita ada niat pun nak pinjam bertrillion-trillion adakah Kerajaan Persekutuan setuju? Adakah bank itu setuju? Itulah kita perlu lepasi sekatan sekatan ini, dan saya rasa sebelum kita dapat *engaged in any negotiation* dengan bank atau mana-mana bank, atau *one belt bank*, soalan pertama yang mereka mau jawapan, *do you have your nasional government blessing? Because as a state government, state government* tidak ada hak untuk meminjam.

Jadi dengan apa yang disyaratkan oleh Menteri Kewangan perlu adanya satu enakmen atau undang-undang maka kita boleh kata kita sudah dapat restu daripada Kerajaan Persekutuan untuk mula perbincangan bukan nak kata berapa *to engaged and to start, express and interest that we have the support of the Nasional Government to engaged on the discussion or negotiation of a loan facility* kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Itu saya percaya sekatan-sekatan dan halangan halangan yang kita perlu menghadapi dan rintangan yang perlu kita atasi sebelum kita dapat maju ke depan untuk *negotiation* terma-terma dan syarat-syarat dan sebagainya yang sememangnya akan dapat kita maklumkan sememangnya *executive council* adalah badan yang akan bertanggungjawab untuk rundingan sedemikian ataupun akan perlu dilaporkan kepada *executive council* dari masa ke semasa apakah kemajuan rundingan sedemikian. Saya rasa itu saja yang ingin saya memberi pandangan saya nampak ini satu *executive action setelah diberi legislative endorsement* atau *approval*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Padang Kota, Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun banyak Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan saya sekarang ingin minta Y.A.B. Ketua Menteri untuk buat pengulangan, sila.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang minat dan juga mengambil bahagian dalam Rang Undang-Undang ini saya rasa sungguhpun adalah satu *execution* tapi menunjukkan prihatin mereka, saya nak ucapkan terima kasih kepada YB. Padang Kota, Yang Berhormat daripada Perai, Yang Berhormat daripada Air Itam, Yang Berhormat Seri Delima, yang memberikan sokongan dan penjelasan menunjukkan mereka memang faham tujuan Rang Undang-Undang ini.

Saya nak mula YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri menyatakan pertama pinjaman yang disyorkan bukanlah pinjam sembarangan, pinjaman ini datang daripada *Exim Bank People Public of China*. Ia bukanlah Bank Of China, Bank Of China adalah satu bank swasta komersial. Ia bukanlah daripada *government sense* atau mana-mana bank swasta tidak, ia adalah datang daripada sebuah negara sama seperti kedudukan Bank Negara, negara China dan dalam syor meminjam wang ini mereka tertakluk kepada syarat-syarat yang sangat ketat, mereka hanya boleh pinjam kan kepada kerajaan saja. Bukanlah kepada syarikat-syarikat individu atau swasta. So ini saya harap kita boleh faham ini bukanlah pinjaman sembarangan. Ini adalah pinjaman yang menunjukkan minat, *interest*, minat daripada Exim Bank, Import Export Bank. Satu bank milikan penuh kerajaan Negara China. Malaysia pun ada Exim Bank milikan penuh kerajaan Malaysia dan mereka hanya boleh pinjam kepada pihak-pihak tertentu sepertimana yang digaris di bawah undang-undang. Sangat ketat sekali.

So di sini saya nak tegaskan supaya Yang Berhormat boleh faham ini adalah satu pernghormatan kepada Pulau Pinang. Mereka tidak ada minat untuk pinjam kepada sesiapa, hanya yang mempunyai kedudukan yang paling kukuh sekali yang mempunyai prestai kewangan yang baik yang menunjukkan kemampuan untuk membuat bayaran yang terjamin apa yang kita sebut kalau kita buat *rating* di pasaran, ini akan dianggap *triple a rating*. Tidak lain tidak bukan *triple a rating* yang paling baik sekali baru akan menarik minat daripada *Exim Bank Of China*. So di sini yang pertama yang saya nak gariskan di sini supaya Yang Berhormat boleh faham pentingnya, bahawa *rating* yang baik menarik minat daripada bank negara China bukan Bank Of China, Bank Of China swasta ini bukan swasta ini milikan negara China di mana tujuan mereka bukan semata-mata buat untung tapi untuk melaksanakan dasar kewangan negara iaitu *one belt one route* memberikan pinjaman mudah menjalankan projek infrastruktur....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan, saya seronok dengar *triple a rating* ini. *Triple a rating* ini bukan saja merujuk kapasiti membayar balik tetapi juga adalah aset-aset yang ada, kalau kita buat kredit penilaian kredit-kredit *worldiness* dia bukan saja keupayaan membayar balik yang ditunjukkan kedudukan kewangan negeri ataupun syarikat. *Triple a rating* itu juga bahawa aset ada yang mungkin boleh dipegang dan ini juga satu perkara menjadi persoalan kepada kita sama ada mereka akan memerlukan dalam syarat mereka, *collectorer* dan sebagainya. Jadi itulah kita persoalkan di sini. Terima kasih

Y.A.B. Ketua Menteri :

Collectorer adalah seperti yang saya sebutkan tadi, adalah sama seperti yang dicadangkan oleh Gamuda tapi mereka tentu nak dapat pinjaman daripada bank komersial itu aras tanah, tambakan laut tapi kerana faedah yang lebih tinggi daripada apa boleh yang ditawarkan oleh Exim Bank. Kita kena

faham, bahawa untuk sebuah negara yang memiliki bank dia tak minat untuk buat *business* dia tak minta nak milik aset di luar negara kerana itu bukan dia punya protokol bukan dia punya *government rules* di sini mereka hanya nak dasarkan melaksanakan dasar kewangan negara mereka iaitu *one belt one route* dan seperti saya sebutkan tadi *triple a rating*. Untuk makluman Yang Berhormat bukanlah berdasarkan aset kerana kalau kita lihat dalam *business*, *business* yang paling penting ialah *solvency*, anda boleh ada berbillion-billion aset tapi you boleh bankrup esok mengapa? Kerana anda tak ada dana, tak ada *cash you are not solvent*, sekiranya anda tak *solvent* you ada berbillion-billion aset pun tak guna, anda *you cannot meet yours liability, you are not solvent, when you are in solvent you got to asset, no use*, lingkup saja, ini semua yang buat *business* faham. *Lesson no. 1 solvency more important how many asset you have. So the bank* mereka yang lihat yang pertama, *credit waiting are you solvent, can you gaine, can you meet your obligations?*

Di sini kita lihat Pulau Pinang dari segi kewangan yang kita ada tiap-tiap tahun kita ada lebihan tiap tiap tahun kita menambah kita punya *reserve* daripada RM850 juta tahun 2008 kita telah naikkan 100% kepada RM1.6 billion dan yang paling penting adalah dari segi kedudukan hutang kita berjaya kurangkan 90% daripada hampir RM700 juta ini kepada RM64 juta. Inilah yang menunjukkan prestasi cemerlang di mana Exim Bank menunjukkan minat kerana prestasi kewangan yang cemerlang ini, itulah saya sebut sekiranya ada *rating* untuk Kerajaan Negeri saya rasa ini seakan-akan *triple a rating*. So di sini dengan minat yang ditunjukkan oleh Exim Bank adalah satu pengiktiran bahawa memang ini bukan saja pengiktiran laporan Ketua Audit Negara ini boleh dianggap satu pengiktiran Exim Bank bahawa kita menunjukkan prestasi yang baik sehingga ia sudi untuk menimbang untuk meminjamkan wang kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan saya ingin tegaskan sekali lagi ini bukanlah dari bank-bank sebarang bukanlah daripada bank swasta ini bank Negara China, dan itulah sebabnya ia ditimbangkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan saya nak terus terang di sini, saya tulis surat kepada Y.A.B. Perdana Menteri tak ada satu dia jawab, tapi hanya ini beliau jawab. Saya pun rasa kesal tentang perkara *transport master planner*, tentang perkara berkaitan Negeri Pulau Pinang di mana kita semua tentang *airport* kita nak besarkan *airport* tak ada jawab langsung, tak jawab langsung tapi tentang isu ini dia jawab, mengapa? Kerana ia melibatkan *Exim Bank Of China* baru dia jawab, dan dia menyatakan apakah yang kita perlu buat termasuk *anabling legislation* kita bincang dengan *airport* adalah kepentingan nasional.

Tapi tak ada *respon* langsung tapi yang ini beliau jawab dan sungguhpun kita rasa kesal yang lain-lain tak diberikan perhatian. Tapi kita pun akur, ikut apa yang disyorkan oleh beliau sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan. Ya, Perlembagaan Persekutuan nyata itu yang kita buat lima (5) tahun, seperti YB. Padang Kota sebutkan tadi lima (5) tahun berapa banyak anda boleh pinjam? Sekiranya kita harap lebih baik pinjamkan RM27 billion habis kepada kita kerana kalau boleh dapat RM27 billion habis kita untung kerana taraf faedahnya rendah daripada taraf pasaran 1% pun boleh jimat ratusan juta Bilion sampai bilion. Itu yang kita harapkan, tetapi dengan tempoh lima (5) tahun, saya cakap terus terang, saya kiralah mungkin ratusan juta sahaja, *because* macam mana untuk bayar balik dalam lima (5) tahun. Kalau ratusan juta, berapa ratus juta kita ada, kita punya *reserved* RM1.6 bilion.

Tetapi sekiranya kita boleh dapat, saya pun tidak tahu dia minat tidak, kalau hendak pinjamkan lebih-lebih RM1bilion ataupun ratusan juta, atau lebih RM1bilion, sama ada Exim Bank minat tidak minat terlalu kecil mungkin. Tetapi sekiranya apa yang kita boleh dapat, kita dapat. Yang penting ialah pengiktirafan *A Recognition Of The Huge Aged Financial Standing And Credibility Of The Penang State Government 'Triple A Rating'*, itu yang penting. Sungguhpun kita harap boleh dapat banyak, tetapi hakikatnya terkawal, terhad. Bukan terkawal, terhad kerana lima (5) tahun sahaja. Dan kita terpaksa akur lima (5) tahun, lima (5) tahun la. Dan jangan lupa Kerajaan Persekutuan mesti luluskannya. Sekiranya Kerajaan Persekutuan tidak luluskannya, tidak jadi juga. So, itulah keadaan sekarang yang kita hadapi, dan tentu saya harap bila saya sebut tentang itu *Airport*. Kalau itu Ketua Pembangkang selalu jumpa dengan Perdana Menteri, Perdana Menteri tentu akan jawab surat beliau. Cakaplah sikit tentang *Airport*. Kita harus besarkannya, tidak boleh sekarang tiap-tiap hari apabila saya guna *airport*, oh! sesak penuh sesak betul, macam pasar malam. Sesak macam pasar malam. Saya ingat Yang Berhormat pun gelak sikit. Betul. *You feel it your self. Is so cramp*, macam pasar malam. Harus dibesarkan. Tetapi bila saya tulis surat, tidak ada jawapan. Tetapi ini, kita tahu jawapan kerana datang daripada *Exim Bank*, ini bukan main-main. Ini bukan sesuatu sembarangan, itu satu tawaran serius yang harus diberikan perhatian.

Dan itulah sebabnya kita buat Rang Undang-Undang ini, tentang cadangan had, itulah kita sebut tentang had, kita sebut tentang had. Di sini dengan sendirinya sudah terhad. Lima (5) tahun berapa yang boleh pinjam? Kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan pun mesti mendapat kelulusan, mana boleh jadi. Dan tentang jumlah, jumlah kerana kita kena luluskan undang-undang ini memandangkan tidak ada kuasa dengan persetujuan Kerajaan Pusat, kita minta seberapa yang dia rela pinjam. Tetapi lima (5)

tahun, kita tahu ini amat terhad dan dari segi jumlah ini, ini datang dari sebuah negara, ini bukan daripada pihak swasta yang cari untung. Mereka tentu ada syarat-syarat mereka yang amat ketat sekali yang pinjam negara, yang meminjam pun negara. Negerilah, negara dan negeri kerana dapat kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan. Tentu jumlah ini amatlah terkawal dan terhad.

Ini bukan macam ada pihak penderma daripada Timur Tengah, bukan macam ada penderma daripada Arab Saudi, boleh suka-suka derma berapa *you* mahu, 1billion USD ikut selera dia. Ini bukan, ini datang daripada negara, bukanlah daripada pihak swasta ataupun penderma individu. So, di sini bila kita sebut tentang had, had akhirnya akan ditentukan kita kena terus terang kerana akan ditentukan diperbincangan di antara negara *People's Republic of China* dengan Kerajaan Malaysia, kerana mereka mempunyai kuasa untuk meluluskannya atau tidak. Kuasa mutlak dibawah Kerajaan Pusat, dan dari segi kemampuan memang mereka yakin kita mampu untuk membuat pembayaran.

Tentang itu jumlah yang kita boleh pinjam, ini untuk makluman Yang Berhormat kita kena faham sikit apa maksud *regid ratio*. Bila kita hendak pinjamkan wang, ia bukan berdasarkan kepada dia punya *PR capital* sahaja, *regid ratio* tertakluk kepada industri masing-masing. Ada yang *regid ratio* adalah tinggi, ada yang tidak tinggi. Tetapi biasanya mereka mahu *regid ratio* yang lebih tinggi, supaya mereka boleh dapat manfaat cukai. Bila anda pinjam wang, gunakan pinjaman anda boleh dapat potongan cukai dan biasanya ia lebih *efficient*. So, ini bukanlah satu had kita kena lihat *regid ratio* untuk membolehkan sesebuah syarikat ataupun sesebuah pinjaman diuruskan. So, itu tidak bergantung kepada paid up capital ataupun dana sesebuah syarikat atau sesuatu pihak atau peminjam.

Tentang makluman ini, selalu disebutkan bahawa ia harus diteruskan oleh Dewan, kita buat pinjaman daripada *Bank of China, Import Export Bank of China*. Ini adalah sebuah negara, dia perlu memenuhi syarat-syaratnya. Kalau kita hendak pinjam, kita cakap tahan sikit saya kena balik untuk dapat kelulusan daripada Dewan Undangan Negeri. Saya rasa, dia pun tidak mahu pinjam. Di UK, di negara-negara barat tidak ada syarat sedemikian, ini adalah kuasa eksekutif di mana peminjam dan yang pinjam, mereka akan tetapkan satu jumlah yang munasabah. Kita lihat di mana-mana negara pun sama, tetapi untuk Negeri Pulau Pinang kita lebih telus. Kita maklumkan kepada Dewan, ini sesuatu yang tidak pernah diamalkan sebelum ini. Macam Negeri Pahang, mereka ada Rang Undang-Undang sebegini tetapi tidak ada satu klausa yang menyatakan akan dimaklumkan kepada Dewan Undangan Negeri. Kita masukkan kerana kita hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini dan juga kepada rakyat.

So, kalau kita lihat negara lain, mereka buat pinjaman di bawah kuasa kerajaan. Mereka maklumkan, tetapi mereka tidak dapat. Tidak memohon kelulusan daripada Dewan Undangan Negeri, kalau macam ini macam mana boleh dapat pinjaman. Dan seperti yang saya sebut tadi, jumlah yang kita boleh pinjam terhad, lima (5) tahun sahaja. Dan juga daripada pihak sesebuah kerajaan, kerajaan yang meminjam kepada pihak kami sebuah Kerajaan China yang meminjam kepada pihak kami. Kalau dia hendak, dia pun ada dia punya syarat-syarat, bukan mudah.

Dan di sini saya pun hendak tegaskan bahawa Pulau Pinang mempunyai hutang yang paling rendah hanya RM64.5 juta sahaja berbanding dengan jumlah hutang oleh semua negeri dengan Kerajaan Pusat sebanyak RM17,877 juta. RM64.5 juta daripada jumlah hutang keseluruhan oleh negeri-negeri lain di Malaysia, RM17,877 juta ini hanya 0.36%. So, jumlah hutang Pulau Pinang hanya 0.36% daripada jumlah keseluruhan hutang di negara kita. Tentu kita ada ruang untuk dapat pinjaman seperti ini daripada *Exim Bank of China* yang manfaatnya ialah kadar faedah yang jauh lebih rendah daripada kadar komersial. So, di sini saya harap bahawa apa yang saya jelaskan, apa yang saya jelaskan dapat menjawab soalan-soalan yang timbul.

Tentang itu bentuk, saya rasa kadang-kadang bila dalam perbankan ataupun pinjaman, dia ada banyak *instrument* kewangan. *There are many financing instrument...*(dengan izin), Yang di-Pertua. Dan bentuk pinjaman ini tidak semestinya satu surat cara sahaja. *There are many financing instrument*. Itulah sebabnya kita berikan kelonggaran untuk merangkumi semua jenis surat cara kewangan ataupun *financial instruments* yang mungkin diperkenalkan, dan itulah sebabnya ia disebutkan *various financial instruments* mengikut apa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

So, di sini Dato' Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua yang mengambil bahagian. Dan saya harap bahawa apa yang kita lakukan bukanlah buat sahaja, satu pengiktirafan tentang prestasi kewangan kita yang baik, tetapi juga satu amalan ketulusan di mana apa-apa jumlah yang kita pinjamkan, ia akan dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini. Saya juga ucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua ADUN, kerana kali ini buat kali pertama hanya ADUN Kerajaan yang berbahas. Tidak ada seorang pun Ahli Pembangkang yang berbahas. Mungkin mereka setuju, setuju tetapi sekurang-kurangnya kita ambil minat. Kita ambil minat, kita bawa itu pertanyaan dan kita

sedia untuk berikan pencerahan. Pencerahan tentang *financing instruments*, tentang perkara-perkara berbangkit. Dan juga yang penting sekali bahawa ini adalah satu pengiktirafan bukan sekadar daripada *tranferancy international* daripada Laporan Ketua Audit Negara tetapi daripada *Exim Bank of China*, yang sudi meminjamkan wang kepada Kerajaan Negeri atas Prestasi Kewangan Cemerlang selama 9 tahun ini. Saya rasa itu sesuatu yang kita harus rasa bangga, 9 tahun diiktiraf oleh *Exim Bank of China* sudi pinjam kepada pihak kami. Ini bukan sesuatu yang senang dapat oleh kerajaan-kerajaan negeri lain.

Saya rasa YB. Bertam sebagai seorang *lawyer* pun, faham maksud saya. *Any of you all should be proud that it is a recognition, you all should be proud* sama ada daripada pihak kerajaan ataupun pembangkang, kita harus rasa bangga bahawa pengiktirafan datang daripada sebuah negara lain tentang kemampuan kita menguruskan pentadbiran kewangan dengan baik sekali. *So, sekian, terima kasih kepada semua.*

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Y.A.B. Air Putih. Sesi Penggulangan kita sudah tamat dan Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang adalah Rang Undang-Undang Enakmen Pinjaman Negeri Pulau Pinang (Bank Dan Sumber-Sumber Kewangan Lain 2017) dibacakan bagi kali yang kedua.

Ahli-Ahli yang setuju katakan, "Ya".

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, katakan tidak. Sebulat suara. Diterima.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Untuk Memberi Kuasa Kepada Negeri Untuk Meminjam Sejumlah Wang Daripada Mana-Mana Bank Atau Sumber Kewangan Yang Lain Yang Telah Diluluskan Oleh Kerajaan Persekutuan Bagi Tujuan Membiayai Pelaburan, Pelaksanaan Pembangunan Fizikal, Ekonomi Dan Sosial Bagi Negeri Pulau Pinang Dan Bagi Perkara-Perkara Yang Berkaitan Dengannya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang telah dibacakan bagi kali yang kedua Rang Undang-Undang ini sekarang akan dipertimbangkan di dalam Jawatankuasa.

Setiausaha Dewan:

Fasal 1 hingga 8.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 1 hingga 8, adakah menjadikan sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

"Ya".

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Untuk Memberi Kuasa Kepada Negeri Untuk Meminjam Sejumlah Wang Daripada Mana-Mana Bank Atau Sumber Kewangan Yang Lain Yang Telah Diluluskan Oleh Kerajaan Persekutuan Bagi Tujuan Membiayai Pelaburan, Pelaksanaan Pembangunan Fizikal, Ekonomi Dan Sosial Bagi Negeri Pulau Pinang Dan Bagi Perkara-Perkara Yang Berkaitan Dengannya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tajuk penuh dan Fasal yang mengundang adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dewan bersidang semula.

Y.A.B. Ketua:

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-Undang Enakmen Pinjaman Negeri Pulau Pinang, Bank Dan Sumber-Sumber Kewangan Lain 2017 telah pun dipertimbangkan sefasal-demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang adalah Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan “Ya”.

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan “Tidak”. Sebulat suara diterima

Setiausaha Dewan:

Enakmen Pinjaman Negeri Pulau Pinang (bank Dan Sumber-Sumber Kewangan Lain Dalam Tahun 2017), maka dengan ini adalah digunakan oleh kuasa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Rang Undang-Undang telah dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang Tahun 2017.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama satu Enakmen untuk menubuhkan Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang 2017 mengadakan peruntukan bagi pengurusan, pengendalian, pengawalan dan penyelenggaraan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan bagi kali yang pertama

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang bernama satu Enakmen Untuk Menubuhkan Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang Tahun 2017 mengadakan peruntukan bagi pengurusan, pengendalian, pengawalan dan penyelenggaraan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Rang Undang-Undang telah dibacakan bagi kali yang pertama.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri mengikut Peraturan 59 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mencadangkan bacaan kali yang kedua Rang Undang-Undang ini diteruskan dengan serta merta.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang Enakmen Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang Tahun 2017 bacaan kali yang kedua.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama satu Enakmen Untuk Menubuhkan Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang 2017 mengadakan peruntukan bagi pengurusan pengendalian, pengawalan dan penyelenggaraan, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan bagi kali yang kedua.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, hasrat Kerajaan Negeri untuk menubuhkan Perbadanan Pengurusan Stadium Dan Kawasan Lapang adalah bertujuan untuk memastikan agar segala prasarana serta kemudahan sukan yang wujud di negeri ini diuruskan secara berpusat di bawah satu perbadanan. Keperluan untuk mengujudkan perbadanan ini akan turut memastikan stadium beserta lain-lain prasarana sukan dan kawasan lapang yang diletakkan di bawah pengurusannya. Kalau tidak akan menjadi gajah putih di masa hadapan, ketika ini adalah sukar bagi Kerajaan Negeri untuk memantau serta menguruskan stadium, kemudahan sukan dan tanah kawasan lapang yang wujud di negeri ini memandangkan ianya berada di bawah beberapa pengurusan yang berbeza melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan dan juga pejabat-pejabat daerah sebagai contoh Stadium Bandaraya Pulau Pinang berada di bawah pengurusan Majlis Bandaraya Pulau Pinang manakala Stadium Negeri Batu Kawan yang dibangunkan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah diletakkan pengurusan awalnya di bawah Majlis Perbandaran Seberang Perai sebelum diserahkan kepada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan kini dikembalikan semula kepada pengurusan PDC. Cadangan untuk mengintegrasikan stadium-stadium yang ada di Negeri Pulau Pinang beserta kemudahan yang lain akan berupaya mengoptimalkan serta meningkatkan penggunaan terhadap kemudahan tersebut melalui pengurusan yang lebih sistematik dan dinamik. Fungsi perbadanan berkenaan kelak akan berupaya mempromosikan penggunaan stadium dengan lebih progresif di peringkat kebangsaan antarabangsa sebagai tempat serba guna untuk acara sukan rekreasi, aktiviti permotoran, kebudayaan, pendidikan, komersial dan juga hiburan. Perbadanan juga akan bertanggungjawab menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bersifat komersial sebagai pelengkap kepada stadium dan kompleks sukan berkenaan. Setakat ini sebanyak 8 buah perbadanan stadium telah diwujudkan di seluruh Malaysia antaranya di Sabah, Melaka, Pahang, Kedah, Sarawak, Kelantan, Johor dan juga Perbadanan Stadium Malaysia. Kelainan Perbadanan Stadium Pulau Pinang berbanding lain-lain perbadanan yang wujud di Malaysia ini adalah dimana negeri Pulau Pinang menyatukan pengurusan kawasan lapang di seluruh negeri Pulau Pinang pada masa yang sama.

Selaras dengan hasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai bandaraya sukan yang unggul sudah tiba masanya untuk Kerajaan Negeri mengujudkan perbadanan stadium dan kawasan lapang Pulau Pinang. Objektif penubuhan Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang adalah untuk membangunkan, mengendalikan dan menguruskan stadium dan kawasan lapang mengikut standard yang ditetapkan oleh perbadanan. Fungsi Perbadanan adalah:-

- (a) untuk menubuhkan, menguruskan, mengendalikan dan menyelenggarakan stadium dan kawasan lapang;
- (b) untuk melaksanakan dasar dan program bagi menjamin daya maju stadium dan kawasan lapang;
- (c) untuk menggalakkan dan mempromosikan penggunaan stadium dan kawasan lapang oleh mana-mana orang, sama ada tempatan atau asing, atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh perbadanan;
- (d) untuk memajukan dan menambahbaik stadium dan untuk menyediakan dan melengkapkan stadium dengan loji dan jentera kelengkapan dan perkakasan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan;
- (e) untuk mempromosikan stadium, diperingkat kebangsaan dan antarabangsa, sebagai suatu tempat serbaguna untuk acara sukan, rekreasi, kebudayaan, pendidikan, komersial dan hiburan dan apa-apa acara lain yang difikirkan patut oleh Perbadanan;
- (f) untuk membangun dan menyediakan di stadium apa-apa kemudahan dan perkhidmatan bersifat komersial yang melengkapkan stadium, termasuklah tempat penginapan;

- (g) untuk menyediakan perkhidmatan teknikal, nasihat, perundingan dan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan stadium, sukan dan rekreasi;
- (h) untuk memajukan sistem dan proses yang akan menjadikan stadium mudah, mampu dan menarik kepada orang awam; dan
- (i) untuk menjalankan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang difikirkannya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya secara berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

Jadi di dalam Rang Undang-Undang ini lain-lain fungsi seperti keanggotaan perbadanan adalah ditetapkan di dalam buku ini. Pengujudan perbadanan ini adalah sebagai pemangkin kepada pembangunan sukan Negeri Pulau Pinang. Perbadanan ini boleh berperanan sebagai pengawal atau penyelia bagi semua stadium dan kawasan lapang di negeri Pulau Pinang dan seterusnya dapat menentukan urustadbir stadium dan kawasan lapang yang lebih teratur dan sistematik. Saya mencadang

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Padang Lalang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya ingin menyokong usul Rang Undang-Undang Enakmen Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang 2017 yang telah dibawa oleh YB. Padang Lalang. Kami percaya diperingkat Kerajaan Negeri bahawa dengan pelaksanaan Rang Undang-Undang Enakmen Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang 2017 ini akan dapat memastikan kecekapan pentadbiran dan pengurusan semua stadium dan kelengkapan-kelengkapan sukan dan kawasan lapang adalah cita-cita menjadikan Pulau Pinang sebagai bandaraya sukan bertaraf antarabangsa akan tercapai. Selain daripada itu kita juga percaya ia dapat mengurangkan beban kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang mana mereka boleh fokus kepada memberikan perkhidmatan-perkhidmatan lain di Negeri Pulau Pinang. Selain daripada itu, kami percaya Kerajaan Negeri percaya bahawa dengan adanya Rang Undang-Undang Enakmen Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang 2017 ini akan dapat meningkatkan penggunaan dan juga mengoptimalkan fungsi kelengkapan-kelengkapan dan fasiliti-fasiliti sukan ini dan juga kawasan lapang agar ianya memberi pulangan berbaloi kepada pelaburan kerajaan negeri.

Selain daripada itu, ini juga adalah salah satu bukti contoh kesungguhan Kerajaan Negeri untuk memastikan tanggungjawab sosial kami kepada rakyat terlaksana iaitu menyediakan dan memberikan kemudahan dan juga fasiliti sukan dan kawasan lapang yang terbaik kepada rakyat di negeri Pulau Pinang. Dengan itu saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Seberang Jaya. Ahli-ahli Yang Berhormat bahawanya kita berada dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang Enakmen Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang 2017, Ahli-Ahli Yang Berhormat siapa yang ingin mengambil bahagian dalam sesi perbahasan dipersilakan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Terima kasih YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Berapit, silakan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Sebagai EXCO yang dahulu saya difahamkan Stadium Batu Kawan dibina pada tahun 2000 untuk sukan Malaysia yang dianjurkan di Pulau Pinang dan Stadium Batu Kawan dibina oleh PDC, selepas itu diserahkan kepada MPSP untuk menyelia. Apabila saya menjadi EXCO pada tahun 2008 MPSP Jabatan Khidmat Masyarakat pengarahnya beritahu saya mereka tidak dapat menjaga Stadium Batu Kawan dan mereka ingin Kerajaan Negeri mengambil alih dan saya juga setuju pada waktu itu kita ada satu EXCO paper masuk kepada EXCO dan saya Kerajaan Negeri mengambil alih menjaga Stadium Batu Kawan dan saya dapat wang yang besar untuk memperbaiki stadium yang sudah rosak dan saya dengan MSN dengan Pengarah Tuan Haji Akhbar, kita betul-betul menghidupkan Stadium Batu Kawan dengan memberi semua persatuan sukan untuk menduduki di Stadium Batu Kawan dan *centralize training* tetapi

selepas pilihan raya yang pada 2013 saya bukan lagi EXCO dan saya difahami Stadium Batu Kawan diserahkan balik kepada PDC dan apa yang terjadi ialah Stadium Batu Kawan itu tidak diurus dengan bagus tetapi sepanjang pengetahuan saya Stadium Bandaraya itu dijaga dengan bagus di bawah MBPP Jabatan Khidmat Masyarakat hanya Stadium Batu Kawan dan kawasan lapang di seberang.

Di Pulau Pinang ada juga sebab ada Yang Berhormat-Yang Berhormat juga kata kawasan lapang tidak terjaga dengan bagus tetapi pada pendirian saya, saya lihat kalau sesebuah Kerajaan Tempatan jabatannya tidak boleh jalankan tugasnya dengan bagus sepatutnya kita kena pergi menyuruh jabatan ini mencari jalan atau menukar orang yang *incharge* atau mengambil orang yang profesional untuk menjalankan tugas itu tetapi di sini saya nampak kerajaan buat satu Rang Undang-Undang untuk mendirikan Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang untuk menjaga stadium dan kawasan lapang ini. Saya nampak komuniti *membersnya* terdiri daripada Ketua Menteri dan semua EXCO-EXCO. Saya tertanya-tanya adakah masa mereka untuk menjalankan *meeting* atau tugas ini kerana nampak Ketua Menteri kita sudah banyak *position* di dalam Kerajaan Negeri kita dan saya harap kalau terdiri nanti Perbadanan ini ambillah orang yang sesuai berjiwa sukan dan bukan komersial sebab saya nampak disini enakmannya ada cakap perbadanan ini ada hak untuk menukar atau mengambil agen untuk menjadikan stadium sebagai satu tempat boleh sewakan kepada komersial atau orang-orang awam dan akan mendirikan tempat penginapan hotel-hotel sebab di sini kalau macam itu seperti di PISA. PISA dahulu ialah satu stadium untuk sukan dan kita ada kolam renang yang standard olimpik dan olahraga kita dibawa berenang training di sana tetapi ada kecacatan and ditutup dan persatuan perenang atlit kita berenang di merata-rata, Penang Sport Club, Penang Swimming Club, *training* di sana. Tetapi *diving* saya, *diver* saya *training* Kuala Lumpur atau di Ipoh sebab di sini tiada tempat. Dan *lately*, kerajaan membina satu Swimming Pool International di Relau tetapi belum mula lagi, kita tak dapat *training* di sana. So saya harap kalau di ambil oleh perbadanan ini *make sure is purpose for* sukan and bagi lah persatuan sukan *central training* sana, *free of charge*. *This is* untuk memupuk kemajuan sukan.

Di negeri lain seperti Melaka, Terengganu dan Pahang mereka ada "*village*" perkampungan sukan *actually* Batu Kawan bukan hanya stadium sahaja. Banyak lagi tanah yang diberi oleh kerajaan yang dahulu kepada Batu Kawan stadium menjadikanya "*sport village*" ini saya pada 2008 diberitahu oleh semua persatuan sukan. Bilakah Kerajaan Negeri akan menubuhkan "*sport village*" di Batu Kawan Stadium tetapi malangnya saya cuba seupaya saya untuk mendapat support dari Kerajaan Negeri untuk membina "*sport village*" tetapi tak berjaya. So, sekarang perbadanan ini saya harap boleh melanjutkan impian persatuan-persatuan sukan untuk menjadikan Batu Kawan Stadium sebagai "*sport centre*", "*one stop training centre*" for sukan. Sebab selalu saya cakap Negeri Pulau Pinang ialah "*power house*" of sukan di negara Malaysia . Sewaktu saya jadi Exco, saya dengan Tuan Haji Muhammad Akbar dah tahu, atlet baru ya, yang budak-budak kecil tidak ada lansung di Negeri Pulau Pinang. Kita hanya harapkan atlet-atlet jaguh Malaysia seperti Dato' Lee Chong Wei dan Nicol David yang akan menyambung kekuatan mereka tu tidak ada. So, kita mula *training* budak-budak kecil di Pulau Pinang selepas lima (5) tahun sekarang kita dah nampak ada jaguh-jaguh sukan sudah muncul seperti Goh Jin Wei banyak lagi. Macam Ng Si Liang diwaktu saya mengambil mereka tak bagi mereka keluar ke negara lain. Saya bagi *offer* kepada mereka *allowances* yang banyak dan kebajikan yang tinggi.

Dan saya harap kerajaan menubuhkan Perbadanan ini bermaksud untuk menyejajarkan stadium yang tidak begitu dijaga dengan bagus dan kawasan lapang yang tidak dijaga dengan bagus. Dan ini *main purpose to give the best lifestyle to people in Penang and not for are the other purpose* bukan untuk *commercial* atau mendapat keuntungan yang tinggi. Saya bercakap begitu sebab pada waktu yang awal itu, saya bagitahu Kerajaan Negeri *support* kita letak di belakang sebab *is not a revenue centre, its centre that you need spend the money*. So I tell the pemimpin, *I can make sport as a sport tourism. We can make the money from the sport. Were make it sport tourism*, kita melancarkan banyak International Game. Antarabangsa semua dari luar negara datang ke Pulau Pinang untuk mengambil tempat di pertandingan sukan *and we will make it*. Sekarang Pulau Pinang adalah satu destinasi untuk sukan antarabangsa. Dan saya harap stadium yang lagi canggih akan dibina oleh Kerajaan Negeri. Macam Batu Kawan sekarang sudah rosak. Masukkan wang menjadikan sebagai *standard international of the game that. I hope to see that in future*. That sukan akan jadi satu bangga untuk Negeri Pulau Pinang dan rakyat dan *one stop centre for all sukan in one place*. Ini kita Pulau Pinang belum ada. Melaka sudah ada. So pandangan saya disini saya harap Kerajaan Negeri boleh melaksana. Saya sebagai seorang EXCO yang dahulu ini semua ialah kepermintaan persatuan-persatuan sukan di Pulau Pinang. Terima Kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima Kasih YB. Berapit. Saya bagi kepada YB. Air Itam dulu. YB. Penanti saya akan bagi.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Okey. Terima Kasih YB. Dato' Speaker. Saya juga ingin menyertai dalam debat untuk Rang Undang-Undang Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana mempunyai *political view* untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul daripada pengurusan stadium dan juga kawasan lapang. Saya lihat ini sebagai satu usaha untuk memperbetulkan kelemahan kita dan juga memperkenalkan *structural changes* terhadap Pengurusan Stadium Dan Kawasan Lapang. Sebelum ini Dewan yang mulia ini telah meluluskan beberapa *legislation* yang antara lain seperti *Penang Hill Corporation, Anactment Penang Hill Corporation* yang membawa perubahan mendadak kepada Penang Hill sehingga pencapaian terbaik sekali. Dan juga antara entiti yang telah ditubuhkan dibawah akta syarikat seperti *George Town World Heritage Incorporated, Penang Women Development Corporation* yang juga menunjukkan prestasi yang baik.

Oleh itu, amatlah bertepatan pada masa ini kita mempunyai satu special satu entiti dalam perbadanan sebagai Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang untuk memfokuskan kepada perhatian kepada resources kita terhadap kawasan stadium dan kawasan lapang. Kita harus mengakui kelemahan yang ada pada pengurusan pada harini,. Bidang kuasa saya fokus pada kawasan lapang dulu. Bidang kuasa dalam pengurusan kawasan lapang sering kali ada pertindihan dan antara Kerajaan Tempatan atau *Council* Pejabat Daerah dan agensi-agensi lain. Tiada satu authority berpusat yang memiliki menguruskan kawasan lapang. Saya ada satu kes sebenar di kawasan saya di kawasan Air Itam di mana sebidang tanah telah diserahkan oleh *developer* dan telah diwartakan sebagai tanah lapang. Apabila saya dapati bahawa tanah itu tidak diuruskan dengan baik, rumput tidak dipotong. Menjadi *illegal dump site*. Dan saya tanya MBPP sapa urus tanah ini. MBPP kata bukan saya. Lepas itu, saya tanya Pejabat Daerah. Pejabat Daerah kata MBPP. Oleh itu, tangan kiri tunjuk ke tangan kanan, tangan kanan patah ke tempat lain pulak. So, itu memang salah bidang kuasa. Kadang-kadang kita hadapi masalah MBPP kata ini, JKR, IWK, *I mean* bidang kuasa. Apabila aduan saya terima, saya pun pada mulanya tidak tahu sapa buat, siapa sebenar uruskan, saya terpaksa mengupah orang potong rumput dan membuat gotong royong semua sampah sarap yang di buang di sana. Kemudian saya buat *land search* di *Land Office*, SO datang dan dapati situasi sebenar tanah lapang itu dimiliki oleh *State Authority* dibawah Pejabat Daerah dan perlu di uruskan mantain by dengan dari MBPP. Tetapi MBPP Jabatan Landskap tidak tahu bahawa mereka perlu menguruskan tanah lapang itu. Begitu hairan, apabila saya terkejut, saya tunjuk, saya tulis Jabatan Landskap saya kata *it's land search* saya dapati memang MBPP perlu menguruskan baru mereka sedar, itulah keadaannya. Tangan kiri tidak tahu tangan kanan dan saya rasa itu perkara yang kelemahan dalam sistem kita.

Oleh itu, kita perlu mempunyai satu penyelesaian yang sistematik dalam pengurusan kawasan lapang. Dan untuk kes itu selepas saya buat semua *research* itu saya berjaya meyakinkan MBPP untuk menjadikan tanah lapang itu sebagai *linear park*. Fasa satu akan dibuat pada tahun ini. Fasa dua tahun depan. Dan itu *linear park Zoo Road* akan di gerakkan. Tapi apabila contoh ini kerana saya dapati bahawa memang banyak kes-kes sebegini. Oleh itu, adalah keperluan mendesak untuk *legislation* sebegini memandangkan masyarakat moden mementingkan *quality of life* memandangkan *family value* dengan gaya hidup memerlukan kawasan lapang yang diuruskan dengan baik, sistematik dan manambahkan *livebilty of city*. Saya ingin memuji sebidang satu park "Armenian Park" yang begitu elok di uruskan ditengah-tengah perbandaran. Begitu hijau rumput dia, begitu cantik di Armenian Park. Setiap kali saya pergi ke Galeri Seni Mutiara untuk membuka pameran. Dia cerita dan memuji *Armenian Park* perlu menjadi semua model semua park di Pulau Pinang. Saya rasa ini *1st class* punya taman atau kawasan lapang di George Town. Saya rasa kita perlu *set standard* sebegini dan sebagai semua kawasan lapang mancapai taraf sebegini. Kita perlu rasa satu *inventory park and garden* di mana kita ada satu macam tiang lampu ada *no* tiang semua *park* ada nombor kita tahu di mana MBPP apa yang Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang kita perlu megetahui semua kawasan lapang kita dengan inventori dengan *fully* ada peta *google* menunjukkan siapa maintain dan kekerapan maintenance tersebut pencapaian sebegini dan satu antara satu taman kita jadi kawasan lapang sebagai "*pocket park*" dengan elok sekali.

Ini juga saya rasa dapat menambahkan nilai undangan ini masalah kawasan yang lapang sekarang tidak diuruskan dengan baik. Saya rasa itu intension *legislation* itu untuk memperbaiki dan saya juga mencadangkan supaya satu polisi kerajaan diluluskan untuk semua tanah lapang ataupun *pocket park* dijadikan kegunaan tiga (3) generasi. Biasa kita panggil *children play ground*. Taman permainan kanak-kanak saja. Kanak-kanak main sahaja orang dewasa kena tengok saja dia main ataupun nenek tengok saja. Kita hendak jadikan ia tiga (3) generasi. Iaitu *senior citizen* boleh pergi "*Tai Chi*". Yang all dewasa ada alat permainan *exercise equipment, Gym*. Dan dia punya anak-anak ada *children* punya *play ground*.

So untuk memenuhi citarasa semua pihak. So kita kena ada boleh menambahkan nilai *family value*. Oleh itu saya rasa polisi ini penting untuk satu saya amat menyokong tentang Rang Undang-Undang ini dan pihak stadium pula saya memahami bahawa uruskan satu stadium bukan senang. Pengurusan stadium kena main bola di Stadium Bandaraya, Bertam ada stadium kan?. Saya juga bermain di Bertam Stadium. Saya juga pernah bermain di Stadium Bertam. Bermain bola di Stadium Bertam *football* juga. Jadi saya rasa kita perlu menggalakkan lebih orang menggunakan fasiliti stadium dengan *maintenance* yang baik supaya semua anak-anak kita juga boleh merasai kegembiraan untuk bersukan dan saya rasa dengan kepakaran menunjukkan kepakaran dengan keseriusan rancangan keputusan dengan bajet mencukupi dan saya rasa ini boleh capai sekarang kita berselerak, ini PDC jaga, ini MBPP jaga ini MPSP jaga tak ada standard. Ada pengurangan. Saya bukan kata tak ada standard. Saya kata tidak ada *standard* yang setaraf. Tidak ada berpihak-pihak menjaga sesuatu perkara yang sepatutnya di bawah satu bumbung dibawah satu entiti yang berpusat dan saya rasa pada hujung tahun ini sekali dijadikan kita mempertimbangkan satu bajet untuk perancangan penambahbaikan stadium kita. Penambahbaikan tanah lapang kita dan saya rasa ini sangat penting menambahkan yang menambah nilai atau kegunaan *public space* ruang awam kita mahu jadikan stadium dan lapang *public space* untuk kita bersukan untuk kita beriadah dan ini agak penting. Oleh itu saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Air Itam. Duduk sat. Ahli Yang Berhormat saya nak tangguhkan Dewan untuk henti rehat bagi masa lebih untuk buat perbahasan lebih bermutu. Saya akan sambung balik pada jam 8.00 malam.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.35 petang.

Dewan bersambung semula pada jam 8.00 malam.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan bersidang semula kita dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang. Sila siapa. Penantilah dia sudah janji kena bagi. YB. Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum wbt. dan Salam sejahtera rakan kepada Ahli-ahli kawasan dan Dato' Speaker, terima kasih kerana telah membenarkan saya berbahas Rang Undang-Undang Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang 2017. Sementara saya menyokong usaha dan Rang Undang-Undang untuk menambatkan prasarana stadium dan padang-padang yang terdapat di Pulau Pinang supaya ia menjadi *first class* ataupun *park* yang sangat-sangat bagus untuk rakyat Pulau Pinang saya hanya nak memberi sedikit pandangan supaya mungkin beberapa pindaan boleh dilakukan.

Di Penanti tanah-tanah lapang pun yang di kawasan Penanti kebanyakannya ada sebab Penanti adalah kawasan yang 76% daripada penduduk Penanti tinggal di kampung jadi tanah-tanah lapang, tanah bersukan *and so off* miliknya adalah Pejabat Daerah dan Tanah. Jadi kalau tengok tafsiran dua kawasan lapang ini sama ada bermakna di kawasan sama ada dikepong atau tidak atau direzabkan keseluruhannya. Sebab ada juga tanah-tanah seperti apa yang kita usahakan oleh juga Batu Lancang, Pantai Jerejak dan saya untuk membangunkan eko-pelancongan dan pelancongan sungai di Mengkuang Titi itu adalah rezab JPS. Lepas itu padang yang 4.46 ekar di Taman Guar Perahu yang Y.A.B. Air Putih datang baru-baru ini untuk mengadakan Majlis Pecah Tanah, membina dewan baru dan kita pun bina *street workout park* yang terbesar di Malaysia. Ini semua atas usaha penduduk bersama dengan kelab-kelab sukan, kelab rekreasi nelayan dan juga ADUN dan JKKK, dan juga di homestay Mengkuang Titi.

Di Padang Bola *Homestay* kita mengadakan klinik bola percuma, latihan percuma kepada anak-anak kampung di Penanti seramai 265 anak-anak yang berdaftar untuk mendapat latihan setiap Ahad yang dilatih oleh 7 jurulatih dan klinik bola ini di *maintain*, *sorry* di padang bola di selenggarakan sendiri oleh *coach* oleh pelatih-pelatih yang mengajar kanak-kanak ini dan juga oleh JKKK. Jadi saya nak memberi pandangan yang adakah selepas ini bila ada perbadanan *centralize* ataupun satu badan yang

berpusat ataupun *centralize* adakah ia, badan ini akan mempunyai jiwa yang sayang tempat itu sebab kita duduk di situ penduduk dan kelab-kelab rekreasi, jurulatih dan kelab rekreasi nelayan ADUN, JKKK kita buat semua pembangunan di tempat kita sendiri atas tanah kerajaan dan kita memohon kepada DO untuk mendapatkan peruntukan untuk membaiki ke, untuk naiktaraf dan *so off*, dan kita sama-sama buat *design* bersama-sama jadi sebab kita sayang tempat-tempat itu kita adalah orang yang tempatan di situ dan ADUN adalah orang yang bertanggungjawab sebab kami dipilih oleh rakyat di kawasan itu. Jadi apabila ADUN membangunkan sesuatu tempat bersama dengan penduduk dan JKKK dan juga Ahli Majlis, kita mempunyai rasa tempatan rasa *grass root* jadi kalau kita tengok the best park di mana-mana pun ia diusahakan oleh orang-orang yang tinggal di situ.

Kerisauan saya apabila tempat-tempat tanah lapang ini melalui Rang Undang-Undang ini secara teknikalnya boleh diserahkan sebab dia melibatkan taman bunga awam, taman awam, taman rekreasi awam. tempat makan angin, tempat jalan kaki awam, apa-apa yang ditentukan oleh pihak berkuasa Negeri kerisauannya sama ada syarikat yang akan menguruskan tempat-tempat padang-padang ini akan merasa sama yang bila kita rasa dan kalau kuasa ini ditarik keluar kepada satu badan maknanya tanggungjawab membangun kawasan setempat diambil alih ke badan lain maknanya nanti penduduk itu dia akan rasa yang tempat itu dia punya dia yang bangunkan dia yang *design*, dia yang sama merancang pembangunan tempat di kawasan sendiri.

Jadi katalah penyelenggaraan sekarang ini dia oran semua buat sendiri, *for the love of the place because they love the place*, jadi kalau syarikat lain mengambil alih *and then* kerisauan itulah *then* takutnya penduduk dan JKKK akan merasakan, wah! KOMTAR sudah ambil alih. Macam ada *centralization* faham tak, sebab sekarang ini kalau tengok di dunia apa yang berlaku di banyak-banyak tempat awam, di *centralization being power to the local people* untuk *develop* untuk membangunkan tempat itu. Jadi saya nak mohon jika boleh dimasukkan pindaan supaya ADUN kawasan JKKK dan persatuan penduduk ataupun kelab-kelab rekreasi dan kelab-kelab sukan dimasukkan dalam Rang Undang-Undang ini sebab dalam Rang Undang-Undang ini tidak dinyatakan secara spesifik yang kami akan dilibatkan dalam proses satu, penyenaian kawasan lapang. Sebab saya faham yang perbadanan ini mungkin akan melihat senarai yang mana dia nak ambil alih tapi saya nak cadangkan supaya *clause* itu dimasukkan supaya Ahli Majlis dan ADUN, dan JKK, dan penduduk merasakan mereka juga mempunyai mempunyai penglibatan dalam perancangan yang dibuat atas pembangunan kawasan lapang itu.

Setelah kawasan itu, jika perbadanan merasakan yang penduduk tidak mampu ataupun JKKK tidak mampu membangun tempat itu dengan baik, menyelenggara dengan baik jika kawasan itu diserahkan saya nak cadangkan supaya dimasukkan *clause* walaupun kawasan itu diambil alih tetapi ADUN kawasan JKKK dan persatuan penduduk dan kelab-kelab tempatan dimasukkan juga dilibatkan dan komuniti setempat dilibatkan dalam apa-apa perancangan dan aktiviti dan program-program yang dibuat di kawasan lapang itu. Buat sekarang ini penduduk dia suka nak melibatkan diri satu ialah satu aktiviti komuniti, lagi satu tempat-tempat ini juga memberi pendapatan kepada penduduk setempat mereka boleh menyewa sekarang ini mereka menyewa padang, *team-team* datang buat *tournament* macam Kampung Terus dulunya tempat tak ada jeti pun tapi sekarang dah buat jeti, lepas itu jeti dibesarkan dengan cantiknya dan 23 Julai ini kita ada buat *Penanti River Run* yang disokong oleh MMK Pelancongan. Jadi penduduk merasakan mereka boleh dapat *income* daripada penjualan makanan daripada aktiviti ini dan juga naik bot pelancong naik bot dan macam-macam lagi. Jadi itu satu *income* kepada JKKK kepada kelab rekreasi nelayan dan juga klinik bola sebagai contohnya.

Tetapi kalau perbadanan yang ambil alih kawasan-kawasan rekreasi ini pendapatan akan pergi kepada perbadanan sebab perbadanan kalau dia nak *provide* kawasan lapang yang terbaik di Malaysia, atau terbaik di rantau ini perbadanan perlu ada pendapatan, dan bila perbadanan nak macam kalau macam kita nak *provide the best park, the facility* jadi dia ada duit jadi isunya sekarang adakah perbadanan ini hanya akan memohon menggunakan bajet Negeri sebab kalau di bawah PBT, MPSP atau pun MBPP, MBPP dan MPSP dia ada duit daripada kutipan cukai pintu *so* dari pendapatan kutipan cukai ini mereka mempunyai duit untuk membangunkan tanah-tanah taman-taman ini dan juga kalau pejabat daerah walaupun wang itu disatukan tetapi mereka masih mendapat *income* daripada cukai-cukai tanah *and so off*. Jadinya kalau perbadanan ini yang ambil alih saya tak tanya pasal stadium sebab saya pergi ke Stadium Batu Kawan memang diselenggarakan oleh PDC dan memang kita rasa kena ada orang yang profesional tapi saya sebut pasal kawasan-kawasan lapang sebab kawasan-kawasan lapang di kawasan-kawasan kampung adalah tempat tumpuan penduduk jadi saya nak minta supaya penglibatan penduduk dalam *planing* dan dalam pelaksanaan dan juga pendapatan. Adakah satu *profit sharing* ataupun *revenue sharing model* akan dibuat di antara perbadanan dan penduduk kampung dan JKKK.

Okey. Saya juga hendak tanya sebab kawasan lapang ini bagaimana pula dengan kalau tanah tambakan laut? Nanti tambakan laut pun boleh jadi tanah lapang juga, jadi kalau kita beri beratus ekar tanah lapang ini dia akan di uruskan oleh perbadanan ini juga. *Point* ketiga ialah seperti PBA apa yang berlaku pencerobohan tempat kawasan tadahan air. PBA tidak ada kuasa untuk melalukan penguatkuasaan menghalau orang-orang yang menceroboh disebabkan dia sudah di *incorporated*, diperbadankan. Jadi bila dia dah tak ada akta-akta yang boleh digunakan jadi bila tanah-tanah ini yang dulunya dibawah Pihak Berkuasa Tempatan dan juga dibawah Pejabat Tanah jadi adakah perbadanan ini mempunyai kuasa-kuasa penguatkuasaan? Kalau tengok dari kes PBA tidak ada. Jadi saya ingin supaya satu jawatankuasa *select committee* atau satu jawatankuasa khas untuk meneliti perkara-perkara yang terdapat dalam Rang Undang-Undang ini supaya perkara-perkara yang saya sebutkan tadi dapat di pertimbangkan.

Okey. *The other* isu ialah perlindungan daripada *liability*. Tapi saya tengok juga disini yang baru diedar pindaan kepada perenggan 31(2)H, tapi bila saya baca pada 31(1), tengok 31(2)A bukan menggunakan mengenakan fee, lepas itu juga di sini isunya itulah. Kalau dia akan hidup perbadanan ini akan mencari wang dan akan mengenakan fee untuk supaya tanah-tanah lapang ini, taman-taman rekreasi menjadi *the best*. Apa yang kita risau terjadi macam SP Arena. SP Arena memang cantik tapi fee nya mahal, bukan semua orang kampung boleh buat kenduri di situ yang mampu. Buat kenduri di situ. Saya ada beberapa orang kampung buat kenduri di situ tapi mereka yang kaya-kaya yang duduk di banglo.

Bila baca kepada perenggan 31(3) di sini dinyatakan penalti denda tidak melebihi RM10,000.00 ataupun penjara selama tempoh tidak lebih pada 2 tahun atau kedua-duanya. Lepas itu ada denda tambahan RM1,000.00 setiap hari. Saya persoalkan denda penalti ini saya rasa kalaulah tambakan tanah laut juga ada kita kena kira ada berapa semua sekali tanah lapang yang akan diuruskan oleh perbadanan ini. Tapi saya rasa penalti agak rendah disini. Maknanya kita jika perbadanan ini melantik syarikat lain ataupun agen lain untuk mengurus kerja-kerja ataupun menubuhkan syarikat saya rasa penaltinya sangat sedikit sebab kalau kita tengok kepada para 16, muka surat 33 berkenaan dengan perlindungan daripada *liability* diri dan nombor 17, 18 dan nombor 22. Walaupun LA kata ini *standard clause* untuk melindungi penjawat awam. Tapi saya rasa terdapat banyak sangat *clause-clause* yang ditambah dengan 31(3). Banyak sangat *clause* yang saya rasa melindungi daripada apa-apa jika berlaku apa-apa yang tidak ditadbir dengan baik dan ada banyak sangat *escape clause*. Walaupun dalam *clause* ini memang tulis dengan suci hati. Jadi saya rasa sebelum saya akhir saya just nak tanya soalan ini. Adakah *centralization* lebih baik daripada di *centralization*.

Adakah pengusatan semua tanah-tanah lapang ini kepada dikawal oleh satu. *You know. And then* kalau kita tengok orang-orang dalam yang bertanggungjawab semuanya macam EXCO ke, CM dan semua di CM. Semua sangat-sangat sibuk yang mereka pun banyak GLC dan yang mereka kena jaga. Jadi saya hanya, *no what I mean is* sekarang ini semua tanah-tanah lapang yang ada itu dia dibangunkan *with the love of the place* sebab *there are local people...*(dengan izin). *That the point I am telling to make, but hes trying to say that, his tring to say, Batu Maung is trying to say that No. No the centralize people is going to do the better job. My question is are they really going a better job.* Okey. Terima kasih. Dengan itu saya ingin menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Penanti. Saya bagi rehat setengah jam lagi *you* bahas lebih. Saya minta apa nama YB. Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Terima kasih YB. Dato' Speaker diatas peluang untuk mengkongsikan pendapat saya tentang Rang Undang-Undang....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Wait, yang sudah hujah. Sudah.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Tapi saya rasa bentuk mesej dia ada berlainan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Pendapat saya adalah bahawa ada perbezaan dari segi kemahiran dan bidang kerja bagi pengurusan stadium berbanding dengan kawasan tanah lapang. Bagi stadium adalah berasaskan penyediaan kemudahan sukan yang selenggara. Kutipan yuran atau pintu masuk jika ada. Program-program seperti kelas atau pertandingan sukan dan pengurusan pekerja-pekerja untuk pengurusan penyelenggaraan dan pengendalian aset dan program-program berkaitan dengan stadium dan sukan. Namun dengan melihat kepada definisi kawasan lapang, kemahiran dan peralatan-peralatan yang diperlukan adalah berbeza. Definisi kawasan lapang adalah mana-mana kawasan sama ada dikepong *enclosed* atau tidak atau dirizabkan keseluruhannya atau sebahagian sebagai suatu taman bunga awam, taman awam, taman rekreasi awam, taman makan angin, taman jalan kaki awam. *Sorry* tempat jalan kaki awam atau suatu tempat awam yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Sebaik-baiknya pendapat saya bahawa perancangan reka bentuk pengurusan dan penyelenggaraan kawasan lapang adalah melibatkan Perancangan Bandar, horticulture, landscape arkitek, abories, dan kakitangan-kakitangan jentera-jentera dan peralatan-peralatan yang terlibat dalam penyelenggaraan taman awam, pokok-pokok besar, pokok-pokok bunga renyeh, bunga-bunga, perabot jalan dan tempat jalan kaki awam. Satu lagi perbandingan antara pengetahuan yang harus menjadi bakat kepada Pengurus Stadium berbanding dengan Pengurus Kawasan Lapang. Adalah Pengurus Stadium seharusnya mempunyai pengetahuan specialised termasuk sensitiviti-sensitiviti tentang kegunaan dan keperluan sukan dan peralatan sukan serta masalah dan *liability* yang mungkin wujud jika apa-apa terlepas pandang berlaku *emergence*...(dengan izin), atau apa-apa keputusan atau tindakan yang tidak sesuai yang dibuat yang berkaitan dengan sukan dan peralatan sukan. Pengurus kawasan lapang pula seharusnya ada sensitiviti perancangan bandar kawasan awam ataupun (dengan izin), *public commence*. Pertindihan dan transation daripada kawasan lapang kepada jalan raya, bangunan-bangunan dan aktiviti-aktiviti awam yang bersebelahan. Dan juga sensitiviti tentang alam semula jadi dan persekitaran.

Walaupun ada perbezaan ketara antara stadium berbanding dengan kawasan lapang saya berpendapat kandungan Rang Undang-Undang ini tidak memberi pertimbangan yang mencukupi kepada aplikasinya keatas tambakan kawasan lapang. Kandungan Rang Undang-Undang ini lebih kepada pentadbiran pekerjaan dan perbadanan dan lebih banyak mempertimbangkan urusan stadium. Misalnya muka surat 10. Fungsi dan Kuasa Perbadanan. 9 fungsi dari A hingga I disebutkan. Fungsi dan kuasa disebutkan dan daripada 9 ini, 5 spesifik kepada stadium sahaja. Kawasan lapang hanya dibangkitkan dalam tiga (3) ayat dibangkit bersama dengan stadium. Iaitu untuk menubuhkan, menguruskan, mengendalikan dan menyelenggara kawasan lapang untuk melaksanakan dasar dan program bagi menjamin daya maju stadium dan kawasan lapang untuk menggalakkan dan mempromosikan penggunaan stadium oleh mana-mana orang sama ada tempatan atau asing. Atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan oleh perbadanan.

Di seluruh Rang Undang-Undang ini memang jelas ketara bahawa lebih banyak pertimbangan telah dibuat untuk stadium dan kurang untuk kawasan lapang. Sepertimana yang telah saya jelaskan tadi ada banyak perbezaan antara stadium dan kawasan lapang,. Oleh itu pendapat saya adalah bahawa Pihak Berkuasa Tempatan mungkin lebih sesuai untuk merancang dan menguruskan kawasan lapang kerana lebih dekat dengan pertimbangan sensitiviti iaitu perancangan bandar, *public commence*, pertindihan dan *transation* kepada jalan raya – jalan raya, bangunan-bangunan dan aktiviti bersebelahan dan sensitiviti tentang alam semula jadi dan persekitaran.

Saya tidak menafikan bahawa pengurusan kawasan lapang di Pulau Pinang masih banyak ruang untuk ditambah baik. Banyak antara kita Ahli Dewan Undangan Negeri ini berasa bahawa tanggungjawab pemantauan dan penyelenggaraan kawasan lapang kerap terjatuh kepada Ahli Dewan Undangan Negeri. Namun tindakan yang sesuai adalah untuk mempertingkatkan kepakaran dan kemahiran kelengkapan teknologi dan bilangan sumber manusia di Jabatan Perancangan dan Jabatan Landskap PBT, Pihak Berkuasa Tempatan. Pandangan saya adalah bahawa hanya Pihak Berkuasa Tempatan ataupun Taman Botani yang mempunyai *economy of skills*...(dengan izin), untuk menguruskan kawasan lapang kerana pengetahuan, peralatan dan sumber manusia yang terlibat. Tambahan lagi PBT boleh menggunakan panduan Akta Kerajaan Tempatan 1976 Bahagian Tempat-tempat Awam yang membutuhkan pengawalan kuasa syarat dan sekatan yang diperlukan. Oleh itu, saya tidak selesa dengan Rang Undang-Undang ini kerana ia tidak jelas dalam kandungannya bagaimana kawasan-kawasan lapang yang termasuk jalan kaki awam yang kita katakan tadi akan diagihkan antara PBT dan perbadanan yang dicadangkan ini. Bagi saya keanggotaan perbadanan yang ditetapkan dalam Rang Undang-Undang dan bagi mereka yang tidak ada saya ingin bacakan. Keanggotaan adalah seorang pengerusi ianya hendaklah orang pada masa itu memegang jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang. Dua (2) Timbalan Pengerusi yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri di kalangan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, dua (2) orang Ahli Majlis Mesyuarat

Kerajaan Negeri yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Ketua Menteri bersama empat (4) orang EXCO, Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, tiga (3) orang wakil Kerajaan Persekutuan yang dilantik oleh Menteri, sembilan (9) orang yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai. Saya bimbang kerana bagi saya Datuk Bandar dan Yang di-Pertua MPSP adalah pegawai kerajaan yang dilantik oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu saya tidak pasti sama ada dengan Datuk Bandar dan YDP sahaja, pendapat Ahli Majlis, pendapat Majlis boleh diperseimbangkan berbanding dengan kuasa-kuasa EXCO dan Pegawai-pegawai Undang-Undang, Setiausaha Kerajaan Negeri dan sebagainya.

Demi menggalakkan daripada risiko berlakunya apa-apa kekeliruan atau percanggahan antara Majlis Perbandaran dan Ahli Majlis dengan Perbadanan Stadium dan kawasan lapang ini adalah sesuai agar perwakilan daripada MBPP dan MPSP termasuk Ahli Malis dipertingkatkan dalam keanggotaan badan ini. Jika tidak, adalah wajar garis panduan yang jelas digubal untuk memberi panduan kepada semua tentang pemilihan kawasan-kawasan lapang yang sesuai dipindah pengurusan kepada Perbadanan ini. Ramai di antara kita berharap MBPP dan MPSP boleh menguruskan kawasan lapang dengan lebih baik tetapi impak negatif yang mungkin berlaku dengan adanya Rang Undang-Undang dan Perbadanan ini adalah jika semakin banyak taman dipindah kepada urusan Perbadanan dan menjadi kurang penting pula untuk MBPP dan MPSP bertambah baik kepakaran, kemahiran dan sumber manusia mereka untuk menyediakan *public commence* yang cemerlang.

Saya ingin membuat persamaan dengan agensi-agensi Pejabat Perdana Menteri seperti Pemandu dan badan-badan yang wujud daripadanya yang telah mengambil alih bidang kerja pelbagai jabatan dan mengurangkan beban ke atas jabatan-jabatan ini untuk menjalankan tugas mereka. Seringkali pegawai-pegawai Kerajaan juga menjadi keliru dengan apa yang patut mereka buat apabila ada pertindihan bidang kerja. Budaya ini adalah tidak sesuai dan tidak diperlukan, jika mereka yang asalnya sepatutnya menjalankan tugas itu berupaya untuk maju dan lebih berjaya lagi. Saya berasa Pihak Berkuasa Tempatan di bawah pemantauan EXCO Kerajaan Tempatan, YB Padang Kota dan di bawah Datuk Bandar, Yang di-Pertua masing-masing berupaya terus berjaya dan meningkat lagi.

Oleh demikian, walau pun saya akan sokong Rang Undang-undang ini kerana saya faham keperluan untuk menyelaras dan mempertingkatkan pengurusan Stadium tetapi saya berharap dengan sesungguhnya memohon agar Perbadanan mengkaji dengan terperinci dan mendalam cara kerja antara Perbadanan dan Pihak Berkuasa Tempatan. Saya memohon agar Perbadanan menggubal garis panduan yang teliti untuk memberi panduan kepada pemilihan kawasan lapang dan proses pemindahan milik atau bidang kerja agar pada masa hadapan tidak kira siapa di Kerajaan Negeri dan siapa di Majlis. Perancangan dan penjagaan *public commence* adalah bersesuaian dan Pihak Berkuasa Tempatan kita memperkasakan dari segi kuasa dan kebolehan untuk memainkan peranan mereka sebagai Kerajaan Tempatan.

Sebagai kesimpulan, tidak boleh dinafikan Rang Undang-Undang boleh ditambahbaik dengan pertimbangan yang lebih tentang kawasan lapang. Saya memohon agar nasihat saya ini direkod dan diambil tindakan susulan. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Pulau Tikus. Sila YB. Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):

Terima kasih YB. Dato' Speaker kerana beri peluang untuk berbahas berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang. Saya berasa bimbang apabila sesuatu kemudahan dan perkhidmatan yang selama ini diuruskan oleh badan awam kini ditukar kepada badan swasta. Ini akan menimbulkan isu kos pentadbiran dan kecekapan atau dua (2) isu penting, isu pentadbiran, kos pentadbiran dan kecekapan, *efficiency*. Apabila kos pentadbiran itu meningkat, *efficiency* akan jatuh. Sebagai contoh, isu IJN – Institut Jantung Negara ditubuhkan daripada Hospital Jantung Kuala Lumpur pada tahun 80'an. Dengan pertukaran ini menyaksikan peningkatan kos rawatan dan pembedahan yang tinggi. Kalau pada masa dahulu sekitar tahun 70'an kos pembedahan jantung seperti *by-pass* adalah lebih kurang RM2,000.00 kini ia telah meningkat antara RM20,000.00 sehingga RM40,000.00. Hal ini berpunca daripada peningkatan kos pentadbiran untuk kemudahan dan perkhidmatan yang sama. Kos pentadbiran perlu dikekalkan antara 4% atau 8% untuk menjamin kos rawatan dan pembedahan yang munasabah. Oleh itu apabila Stadium ini telah diperbadankan maka kos pasti akan meningkat, susulan daripada kos pemasaran dan lain-lain kos yang dimasukkan dalam kos pentadbiran. Walau pun saya sokong Rang Undang-Undang ini namun saya ingat isu ini perlu

dipertimbangkan dengan secara teliti.

Dengan ini saya pohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Batu Uban. Silakan YB. Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua. Machang Bubuk juga ingin mengambil bahagian dalam Rang Undang-Undang Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang. Saya tidak akan ulang apa yang telah disebutkan cuma satu perkara iaitu sebagai Kerajaan tempat-tempat atau kawasan lapang serta stadium itu adalah tanggungjawab sosial bagi satu kerajaan. Apa yang kita dapati memang sekarang banyak kawasan-kawasan lapang di rumah-rumah mewah, *gated community*, semua itu telah dijadikan tempat-tempat yang eksklusif. Rakyat biasa tidak dapat akses ke tempat-tempat awam yang dikatakan tanah-tanah lapang tersebut dan yang boleh akses hanyalah penghuni-penghuni di kawasan itu sahaja. Saya rasa itu penting sebagai tanggungjawab sosial kerajaan untk memastikan kawasan-kawasan lapang yang sedia ada itu perlu diselenggara dan dijaga dengan baik untuk memastikan semua rakyat boleh akses kepada tempat-tempat dan kawasan-kawasan awam tersebut.

Cuma ada satu pertanyaan dalam sub-seksyen 3(C) di mana Perbadanan telah diberi satu kuasa untuk memindah hak, menyerahhak, memulangkan, menggadai, menggadai janji, menggemis, memajakkan, menyerah hak semula, memindah atau selainnya, melupus atau memperlakukan mana-mana harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan yang terletak hak kepada Perbadanan. Saya hendak tanya sama ada Perbadanan tersebut boleh mengeluarkan hak itu atau harta yang tidak alih itu. Oleh itu amat membimbangkan kerana Perbadanan itu akan dapat menjualkan kawasan-kawasan lapang atau stadium yang mungkin akan dikatakan tidak berupaya untuk diselenggarakan maka kita jual kepada pihak berkuasa dan pihak berkuasa akan mengendalikannya seperti apa yang berlaku di SPICE sekarang yang boleh dikatakan satu cara untuk menswastakan perkara itu.

Ini adalah satu perkara yang saya rasa kita kena menangani dengan lebih berhati-hati kerana sekiranya Perbadanan boleh mengadakan penjualan aset-aset tersebut itu akan menyebabkan akses kepada orang awam menjadi terhad. Saya juga ingin mencadangkan di sini bahawa sebenarnya tadi saya bersetuju dengan YB. Pulau Tikus, sebenarnya PBT iaitu MBPP dan MPSP ada Jabatan Pengurusan Hartanah atau Jabatan Penilaian dan Pengurusan Hartanah. Kemungkinan besar di jabatan-jabatan tersebut tidak ada kepakaran untuk menjaga atau mengurus hartanah seperti stadium tetapi pegawai-pegawai yang ada sekarang sekiranya mereka tidak ada kapasiti yang mencukupi untuk menangani aset-aset tak alih itu maka mungkin latihan atau lebih banyak dana atau bimbingan boleh diberikan kepada mereka untuk memperkasakan pegawai tersebut untuk mengambil tanggungjawab mereka atau memainkan peranan mereka dengan lebih berkesan lagi. Itu sahaja dari saya, saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, siapa lagi? YB. Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

YB. Dato' Speaker, saya bangun untuk membahaskan sedikit mengenai Rang Undang-Undang ini. Objektif *corporatised* tanah lapang ini memang ada kebaikan dan keburukan, kedua-dua ada *pros and cons* YB. Dato' Speaker. Kita semua faham bahawa tanah lapang yang sedia ada di Pulau Pinang atau pun di seluruh dunia ada yang diselenggara dengan baik dan ada yang tidak diselenggarakan dengan tidak baik. Isunya adakah bila tanah lapang *corporatised*...(dengan izin), akan memberi faedah kepada rakyat Pulau Pinang, kita fokus di Pulau Pinang. Di dalam Rang Undang-undang ini *open space*, tidak payah kita membuat definasi, kita semua sudah baca, termasuk banyak jenis tanah, tempat-tempat awam. Perkara pertama apa yang dikhuatir oleh saya adalah bahawa jikalau tapak atau tempat awam ini diagihkan, diberi hak kepada *corporate*, peluang orang awam untuk menggunakan mungkin kurang atau mungkin dikenakan bayaran pada masa hadapan, ini perkara pertama yang kita khuatir.

Kedua, YB Dato' Speaker, pengalaman saya sendiri terdapat beberapa contoh yang kita boleh beri, pendek kata, saya tahu di kawasan saya, Kebun Bunga, Botanical Garden, dengan izin diselenggarakan dengan baik. Walau bagaimanapun, saya faham pentadbiran Kebun Bunga ataupun *botanical garden* yang cukup besar apabila kebun bunga di menjadi satu korporat, misalnya kuasa ADUN ataupun kuasa wakil rakyat di kawasan ini tak semestinya *full fleth*.

Maksudnya, jikalau saya nak bercampur tangan dengan *management Botanical Garden* saya kena melalui satu saluran yang tepat. Tak semestinya ikut suka saya. Tetapi maksudnya ada satu *filtering effect*. Bagi saya sebagai wakil rakyat tetapi kalau kita tengok bagi orang awam juga sebegitu. Terdapat banyak *park*, ataupun taman-taman di seluruh dunia sudah menjadi *corporatise* dan akibatnya tak semestinya baik. Saya bagi satu contoh di San Francisco, pendek kata, mewujudkan satu *riot* kemudiannya selepas *park* San Francisco, *park* di *corporatise* kan kemudiannya, tempat-tempat pemandangan yang cukup indah ini diagih kepada orang yang membayar. Dan orang yang tidak membayar di San Francisco itu, diagih kepada tempat yang tak cantik ataupun lebih kotor ataupun kurang penyelenggaraan.

Jadi, ini ketidakbaikan *corporatisation* ada contohnya. Walau bagaimanapun kita juga faham seperti malam ini kita masih ada *officer-officer* ataupun pegawai pegawai pihak berkuasa tempatan sampai sekarang ini masih bekerja kuat dengan kita dan untuk mereka yang ditimpa dengan ataupun diberi dengan cukup banyak kerja, mungkin susah bagi pihak PBT untuk *manage* kesemua tanah lapang.

Walaupun bagaimanapun, *corporatize* kan tanah lapang ini tidak semestinya memfaedahkan rakyat Pulau Pinang. Jadi, contoh di Hamburg, Germany. Sampai PBT Hephpen City Council, mereka *require a company unilever company to open up their ground floor for public*. Maksudnya, *as condition for planning permission...*(dengan izin). Maksudnya *the trend* ataupun kecenderungan *planning permission* adalah mementingkan *public space* ataupun tempat awam untuk orang dan bukan *privatise...*(dengan izin) atau *corporatise* membayangkan Bukit Bendera jikalau warisan zaman British dimana *funicular train*, kereta api naik bukit itu. Mungkin tidak dibawah tangan *management* pengurusan negeri ataupun *local government* ataupun Pihak Berkuasa Tempatan. Mungkin *management* adalah lebih baik, mungkin adalah lebih buruk. Tetapi apa yang boleh dipastikan ia masih di bawah tangan *public sector*. Maksud dia, pengurusan di dalam entiti tersebut terpaksa dengan secara langsung bertanggungjawab kepada rakyat. Berbanding dengan apabila di *corporatise*, di dalam terminologi syarikat ataupun *private entity*.

Maksudnya, satu *filter* syarikat di mana banyak perkara ataupun tanggungjawab boleh diagih kepada pengarah ataupun *director* ataupun kumpulan yang lain dimana apabila orang awam yang menuntut hak mereka menggunakan tanah awam ataupun kawasan awam mereka dijauhi diusirkan dengan kurang syarikat ataupun *corporate* akan kata ini bukan lagi tanah awam. Ini adalah tanah korporat seperti San Francisco *park*, seperti taman-taman tertentu di seluruh dunia dimana hanya orang kaya dengan memberi wang yang lebih banyak boleh menikmati taman-taman ataupun tanah lapang yang disempunakan. Memang kemungkinan tanah lapang akan disempurnakan, dicantikkan, di *upgrade* kan, kerana sumber kewangan mungkin ada banyak selepas diswastakan.

Walaupun bagaimanapun sebagai satu Kerajaan yang mengambil fokus atas kepentingan kesemua rakyat termasuk miskin ataupun kaya kita perlu sentiasa mempertahankan hak orang awam dimana harta tanah awam masih ada ruang masih boleh dikekalkan, masih boleh diuruskan dengan sistem terbuka dan bukan hanya disembunyi di bawah *corporatisation*. Inilah pandangan saya dan pada malam ini 25 Mei tahun 2017, saya rasa adalah satu masa dimana kita cuba tahankan hak ruang awam. Apabila kita membahaskan rang undang-undang ini saya rasa jikalau boleh kepentingan orang awam dengan peluang untuk menggunakan tanah lapang perlu dipertahankan. Inilah cadangan saya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Kebun Bunga. Saya rasa saya nak bawa ke sesi penggulangan di mana saya jemput YB. Padang Lalang untuk buat penggulangan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dalam rang undang-undang ini. Saya rasa ada kekhawatiran dan saya berpendapat bahawa ini perbadanan ini, dia menjadi satu perkataan yang dikhuatirkan kerana memang di dalam Barisan Nasional, Pentadbiran Barisan Nasional *corporatisation* ini menjadi dia tidak mendatangkan hasil yang baik seperti yang diberi contoh YB. Batu Uban, IJN dan mungkin ada lain-lain contoh tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berpendapat ataupun saya rasa ada sedikit kesalahfahaman dalam *corporatisation* ini dan yang disamakan dengan *privatisation* ataupun perbadanan in akan menjadi satu *private entity*, tidak.

Kalau kita lihat bahawa keanggotaan Perbadanan itu memanglah Ahli-ahli EXCO dan juga YB. Phee Boon Poh dan juga ada 9 orang yang akan dilantik oleh kerajaan dan orang-orang yang akan dilantik itu mungkin adalah orang-orang yang pakar dalam pengurusan stadium dan tanah lapang. Jadi saya rasa Kerajaan kita ini, kita sudah memperbadankan Penang Hill dan Penang Hill pengurusannya

semakin baik. Jadi saya harap Yang Berhormat dapat melihatnya dari pengalaman Kerajaan ini dan bukan berasaskan Kerajaan Barisan Nasional yang dahulu. Ini adalah tidak sama. Untuk saya, saya rasa adalah perlu untuk Perbadanan ini kerana sekarang kita punya stadium kemudahan sukan, dan ada padang kawasan lapang yang dia menjadi tempat sukan juga dan dia menjadi juga tempat *recreation* dan tidak diurus dengan baik.

Sebenarnya tadi yang pertama YB. Berapit mengatakan Batu Kawan dia sepatutnya menjadi tempat *One Stop Centre* sukan dan mengapa dia lambat dijadikan realiti? Kerana tidak ada satu Perbadanan yang melihat khususnya kepada projek ini? Siapa mahu lihat projek ini? MSN tak ada pakar. MSN menguruskan sukan-sukan dan bukan kemudahan. Itulah sehingga Batu Kawan stadium pada dua (2) tahun yang lalu ditegur, pengurusannya ditegur oleh *Auditor General*. Itulah kami cadangkan ia diuruskan oleh PDC kerana PDC ada dana. Dia ada kapasiti. Dia ada banyak *engineer*. Di dalam MSN tak ada *engineer* pun. Kita semua pakar sukan bukan pakar stadium atau kemudahan sukan.

Walau bagaimanapun, Batu Kawan dia *slowly* sekarang sudah ada *basketball association* dan *wushu association* dan kata mereka minat untuk dapatkan satu keping tanah di sana dan mereka akan membinakan kemudahan untuk mereka sendiri dan bukan semua *association* memerlukan mahu pergi ke Batu Kawan kerana umpamanya *squasy Association* kerana mereka sudah ada tempat sendiri dan juga Badminton dia sudah ada tempat sendiri. Jadi mereka tak perlu pergi ke Batu Kawan. Sekira saya rasa apabila kita ada Perbadanan ini, Perbadanan ini akan *drive the project* dan mungkin dia akan lebih cepat menjadi kenyataan. Ada juga mengatakan bahawa Ketua Menteri sudah sangat sibuk dia pegang banyak jawatan dan sama ada beliau dapat menjalankan, melaksanakan tugas beliau kalau beliau menjadi Pengerusi di dalam Perbadanan ini.

Saya nak beritahu bahawa Perbadanan ini ialah untuk menggubal polisi dan halatuju untuk pembangunan stadium dan kemudahan-kemudahan sukan bukan kita sendiri nak pergi buat. Itulah kita ada CEO. Ini macam kita buat keputusan dan dilaksanakan oleh CEO dan pegawai-pegawainya dan apabila YB. Pulau Tikus katakan bahawa ini memerlukan *two (2) sets of different skill*. Saya setuju juga tapi dalam menggaji atau *in hiring of the* pegawai kita boleh *specific* kan kita boleh *hire* yang ada yang pakar dalam stadium juga boleh ada pegawai yang pakar dalam kawasan lapang. Jadi saya mahu memberi jaminan bahawa anggota-anggota di dalam Perbadanan ini semua adalah rakan kamu. Saya tahu kamu semua berjiwa rakyat, kamu juga Yang Berhormat juga memang berjiwa rakyat, kamu juga Yang Berhormat-Yang Berhormat memang berjiwa rakyat kami juga, *what we got to gain if we do this valley* kita sama-sama di dalam satu kapal. Tengok Pembangkang dia tak orang minat dia tak ada kerana dia lain bot.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

YB. Padang Lalang jangan mengambil hati sebab ada disebabkan kita dalam bot yang sama, kita Ahli-ahli di sini cuba tambahbaikan usaha ini. Tahukah Yang Berhormat, dalam pengubalan rancangan khas Bukit Bendera ada dikenalpasti bahawa Perbadanan Bukit Bendera itu adalah lemah. Saya bangkitkan Bukit Bendera kerana YB. Padang Lalang yang bangkitkan Perbandaran Bukit Bendera kerana Perbandaran Bukit Bendera adalah kekurangan besar iaitu kemahiran konservasi, sekarang Bukit Bendera boleh mengoperasikan kereta api naik atas bukit tetapi dari segi pengawalan kerja tanah pemuliharaan alam sekitar dan Perbadanan Bukit Bendera masih kurang, bagi mereka Bukit Bendera cukup besar untuk mengambil kemahiran-kemahiran yang diperlukan tapi saya bangkitkan tadi *economics of scale*. Berapa banyak kawasan lapang yang akan Perbadanan ini mengurus jika ingin mengambil kemahiran-kemahiran yang diperlukan. Jadi nasihat saya berkenaan dengan Perbadanan ini bahawa perlu ditelitikan kerana memang tidak mempunyai *ecomic of scale* kecuali anda mengambil alih banyak kawasan lapang. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nantilah, *one by one*.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Memang kami berfikiran untuk pelaksanaan ataupun *effectiveness* dan pada waktu sekarang kita pun belum tentukan nak ambil yang mana saya rasa Kerajaan kita ialah untuk menjalankan GRTB kita nak memperkasakan memperdayakan komuniti untuk menjaga kemudahan-kemudahan. Jadi untuk Penanti kalau sudah jaga sangat baik, saya rasa kita tak ambillah kenapa kita nak ambil, kita hanya nak ambil balik mereka dimana-mana yang tak ada orang jaga umpamanya ada banyak kemudahan-kemudahan sukan umpamanya gelanggang bola keranjang di mana komuniti-komuniti yang dibawah Kerajaan Tempatan, tetapi Kerajaan Tempatan tak ada dana tak ada bajet untuk nak selenggaranya,

selalunya dia datang balik kepada Ahli Yang Berhormat betulkah? Hanya ada Ahli Yang Berhormat membuat aduan ini sudah memerlukan *repair* baru ada tanah lapang diselenggarakan.

Jadi *intention* ialah supaya untuk mengadakan keseluruhan perancangan supaya kita dapat *we can develop the sport facilities* mengikut keperluan secara keseluruhan bukan nak ambil balik ataupun nak ambil alih mana-mana *property* dari siapa-siapa kalau itu *property* atau tanah lapang diurus dengan baik jadi *continue to* urus kerana bajet ini memerlukan bajet juga, kita nak memasukkan bajet supaya menguruskan yang perlu diselenggara ataupun diurus dengan baik. Sekarang kalau nak dapat bajet dia selalunya *ad hoc basis*. Ini memerlukan selenggaraan yang memerlukan naikan taraf jadi ini diluluskan. Dia tidak ada rancangan yang keseluruhan, umpama kalau kita adakan Perbadanan ini jadi kita tau di mana semua stadium dan kemudahan sukan mereka di mana mereka keadaan mereka macam mana yang mana dia perlu di mana satu perlu selenggaraan atau naik taraf pada tahun depan dan diberikan bajet. Tanah lapang kalau dia tidak diperlukan diselenggara ataupun Kerajaan Tempatan membuatnya dengan baik jadi tak perlulah.

Jadi tujuan untuk Perbadanan ini bukan untuk berhasrat untuk mengambil alih mana-mana harta. Dia berhasrat untuk memasukkan dan menyediakan bajet dan pakar untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan yang perlu dipertingkatkan dan diurus tadbir dengan lebih baik. Stadium dan kemudahan-kemudahan Sukan yang kami bimbang tidak cukup dengan *economic of scale*. Jadi kita nak dia termasuk juga kawasan lapang supaya dia ada satu *economic of scale* dan kalau kita nak dia asingkan kedua Perbadanan itu lebih memakan kos pentadbiran lagi dan juga anggota-anggota di dalam Perbadanan ini memang sibuklah. Jadi jika dua (2) Perbadanan dia akan *meeting* sekali sekarang *meeting* satu kali jadi...(gangguan). Untuk gulung, tak ada penjelasan...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sorry cuma sedikitlah *sharing* saat-saat ini, Ahli Yang Berhormat mengapa saya khasnya bahagian EXCO mengapa waktu ini saya masih memberi ruang yang banyak bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana memandangkan kita pengubal dasar pengubal undang-undang bukan banyak undang-undang yang sempat kita bawa dalam Dewan ini untuk buat perbahasan dan kerja inilah adalah yang antara kerja yang paling penting walaupun dia dibawah aturan mesyuarat yang akhir sekali so saya bagi lebih masa untuk Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berbahas. Tak apa Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Yang saya berpendapat bahawa saya bukan ambil hati ataupun saya memang rasa Ahli-ahli Yang Berhormat juga berhak untuk bersuara tapi sekiranya ada perbezaan pandangan, saya rasa kita perlu menjelaskan jadi pada saya rasa ini ada penting kerana sekiranya kita tidak satu Perbadanan ini bukan *centralization* yang ditengokkan seperti *centralization of power* ini untuk menguruskan dengan lebih berkesan semua-semua kemudahan ini dengan lebih berkesan.

Sekiranya Yang Berhormat-Yang Berhormat masih berpendapat ada yang tidak sempurna umpamanya memerlukan satu garis panduan supaya menetapkan macam mana dia akan dilaksanakan umpamanya mengambil alih atau kita mahu masukkan kawasan lapang yang mana jadi kita boleh berbincang dengan semua *stakeholders* bukankah itu memang amalan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini, jadi saya mengucapkan banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Penjelasan. Saya dengar banyak hasrat daripada EXCO hasrat daripada Yang Berhormat tapi hasrat kita sekarang di dalam Dewan ini berbanding dengan kuasa yang diberikan Akta ini adalah berbeza dan oleh itu nasihat saya adalah untuk mewujudkan secara rasmi garis panduan yang cara kerja bersama dengan PBT cara pengaliran milik daripada PBT kepada badan. So hasrat dan kuasa yang diberikan itu tidak sama dan untuk masa depan boleh ditukar. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Memang Rang Undang-Undang ini digubalkan dengan *consultation* dengan badan-badan yang semua badan-badan terlibat termasuknya Kerajaan Tempatan, banyak pihak yang terlibat dalam Rang Undang-Undang ini. Jadi saya rasa Kerajaan Negeri kita memang selalunya mendengar kepada rakyat dan juga mendengar kepada Yang Berhormat - Yang Berhormat. Jadi dengan ini saya berterima kasih satu kali lagi kepada semua dan saya cadang menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Padang Lalang, rasanya kita teruskan Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang adalah Rang Undang-undang Enakmen Perbandaran Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang 2017 dibacakan bagi kali yang kedua. Ahli-ahli Yang bersetuju katakan “Ya”.

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan “Tidak”. “Ya” lebih banyak.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk menubuhkan Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang 2017 mengadakan peruntukan bagi pengurusan, pengendalian, pengawalan dan penyelenggaraan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Rang undang-undang telah dibacakan untuk kali kedua dan rang undang-undang sekarang akan dipertimbangkan dalam Jawatankuasa.

Setiausaha Dewan:

Fasal 1 dan 2.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 1 dan 2 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

“Ya”.

Setiausaha Dewan:

Fasal 3 dan 4.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 3 dan 4 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

“Ya”.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, pindaan dalam Jawatankuasa yang dicadangkan adalah dengan memasukkan perkataan “dan kawasan lapang” selepas perkataan stadium dalam sub fasa 3(4) Rang Undang-Undang ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi adalah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam kertas pindaan oleh YB. Ahli Kawasan Padang Lalang yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas kerana tercicirnya tiga (3) perkataan tadi yang disebutkan. Saya minta izin kalau ada apa-apa bantahan untuk saya tidak adakan sesi perbincangan untuk tiga perkataan yang dicicirkan. Ada bantahan?

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

“Tak ada”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kalau tak ada saya nak teruskan. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi adalah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh YB. Ahli Kawasan Padang Lalang seperti dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujui. Ahli-Ahli Yang Bersetuju katakan “Ya”.

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan “Tidak”. “Ya” lebih banyak pindaan dipersetujui. Fasal 3 dan 4 sebagaimana yang dipinda adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

“Ya”.

Setiausaha Dewan:

Fasal 5 hingga 11.

YB. Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri:

Fasal 5 hingga 11 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

“Ya”.

Setiausaha Dewan:

Fasal 12 hingga 22

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 12 hingga 22 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

“Ya”.

Setiausaha Dewan:

Fasal 23 hingga 30

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 23 hingga 30 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

“Ya”.

Setiausaha Dewan:

Fasal 31 hingga 37

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 31 hingga 37 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

“Ya”.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, pindaan dalam Jawatankuasa yang dicadangkan adalah dengan memasukkan perkataan “dan kawasan lapang” selepas perkataan stadium dalam sub fasal 31(2)H rang undang-undang ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sama iaitu masalah yang kita hadapi bahawanya pindaan sebagaimana tertera dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Padang Lalang yang telah bentangkan sekali lagi terbuka untuk dibahas atas sebab tiga (3) perkataan iaitu “dan kawasan lapang” yang telah tercicir, saya sekali lagi meminta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekiranya ada bantahan

saya tiadakan sesi perbahasan untuk tiga (3) perkataan yang tercicir ini. Ada bantahan?

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

“Tiada”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalah yang kita hadapi sekarang ialah bahawa pindaan Yang Berhormat Ahli Kawasan Padang Lalang seperti dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujui. Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya”.

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan “Tidak”. “Ya” lebih banyak pindaan dipersetujui.

Fasal 31 hingga 37 sebagaimana yang dipinda adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

“Ya”.

Setiausaha Dewan:

Fasal 38 hingga 40.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 38 hingga 40 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

“Ya”.

Setiausaha Dewan:

Fasal 41.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Fasal 41 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

“Ya”.

Setiausaha Dewan:

Jadual.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jadual adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

“Ya”.

Setiausaha Dewan:

Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen Untuk Menubuhkan Perbadanan Lapang Pulau Pinang 2017 mengadakan peruntukan bagi pengendalian dan pengurusan, pengawalan dan penyelenggaraan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tajuk penuh dalam fasal yang mengundangkan adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Saya memohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Perbadanan Kawasan Lapang Pulau Pinang 2017 telah pun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam jawatankuasa dan dipersetujui dengan pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga serta diluluskan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan. Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya”.

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

“Ya”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli yang tidak bersetuju katakan “Tidak”. “Ya” lebih banyak.

Setiausaha Dewan:

Enakmen Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang 2017, maka dengan maka ini diperundangan oleh kuasa undangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Rang Undang-Undang telah dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Setiausaha Dewan:

Usul daripada YB. Ketua Menteri II.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Speaker, sebelum usul dibentangkan oleh kerana usul-usul pembangkang telah pun ditolak maka dengan itu kami tidak akan turut serta di dalam usul-usul yang akan dibentangkan oleh pihak kerajaan. Kami mohon untuk meninggalkan Dewan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Sila saya minta Dewan disambungkan. Sila YB. Perai.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini meluluskan usul di bawah Subseksyen 13 (3) Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010, Enakmen 16 bagi Pelantikan Ahli-Ahli Lembaga Rayuan selama tempoh yang tidak melebihi dua (2) tahun mulai Jun 2017 hingga 31 Mei 2019.

Senarai Lembaga Rayuan adalah seperti berikut,

Tuan Wong Chiang Kiat	-	Pengerusi
YBhg. Dato' Haji Mokhtar bin Jait	-	Timbalan Pengerusi
YBhg. Ajit Singh Jessy	-	Ahli Lembaga
YBhg. Dato' Syed Jaafar bin Syed Ali	-	Ahli Lembaga
YBhg. Dato' Murelidaran M. Navaratnam	-	Ahli Lembaga
YBhg. Dato' Agatha Foo Tet Sin	-	Ahli Lembaga

Tuan Muniandy A/L Kannyappan

- Ahli Lembaga

Puan Regina Amalorpava Mary A/P Aboorvasamy - Ahli Lembaga.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Usul ada sokongan?

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Enakmen saya beri sedikit maklumat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

I want to get sokongan dulu. Ucapan pencadang.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Pulau Pinang 2010 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Yang mulia ini pada 4 November 2011 melalui Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kedua Belas. Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010 Enakmen 16 telah diwartakan pada 2 Feb 2012 dan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2015. Keanggotaan Lembaga Rayuan terdiri daripada seorang Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan 6 orang yang akan menimbang dan meneliti rayuan-rayuan yang diterima bagi permohonan FOI yang ditolak. Pencalonan Ahli Lembaga Rayuan dibuat berdasarkan kepada pengalaman masing-masing serta bidang kepakaran yang berkaitan dengan tugas setiap Ahli Lembaga Rayuan. Senarai Ahli Lembaga Rayuan semasa yang berkuat kuasa mulai 1 Januari hingga 2015 hingga 31 Mei 2017 yang saya telah baca tadi saya tertarik ini Lembaga Rayuan tidak pernah bersidang kerana tiada rayuan yang diterima melainkan pada bulan April lepas 3 permohonan kes rayuan telah diterima dan akan dirujuk kepada Lembaga Rayuan.

Tiap-tiap keputusan Lembaga Rayuan hendaklah satu keputusan majoriti dan alasan keputusan kedua-dua pihak majoriti dan minoriti hendaklah direkodkan suatu perintah yang dibuat oleh Lembaga Rayuan atas suatu rayuan di hadapan adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah dan hendaklah mengikut semua pihak kepada rayuan itu atau yang terlibat dengan perkara ini. Cadangan senarai Lembaga Rayuan ini tadi saya sudah sebutkan cadangan baru ini perlu mengemaskini dan menggantikan pelantikan Ahli Lembaga Rayuan semasa akan tamat pada 31 Mei 2017 tempoh lantikan Ahli Lembaga Rayuan yang terbaharu adalah 1 Jun 2017 hingga 31 Mei 2019. Seorang Ahli Lembaga Rayuan ini yang tidak bersetuju untuk dilantik semula Yang Berbahagia Dato' Seri Jamaludin bin Hassan memandangkan beliau terikat dengan komitmen-komitmen lain yang menyebabkan beliau sukar hadir ke mesyuarat yang diadakan. Itu sahaja Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Perai. Saya perlukan sokongan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Dato' Speaker, saya mohon menyokong memandangkan usul ini adalah satu usul yang formal untuk melantik Ahli-ahli Lembaga Rayuan saya menerima pakai apa yang dikatakan oleh YB. Perai.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Datok Keramat. Kita masih dalam seisi perbahasan. Usul daripada YB. Timbalan Ketua Menteri II yang telah pun dibentangkan tadi Ahli-ahli Yang Berhormat sesiapa yang ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Tiada kita seterusnya ke penggulungan YB. Perai.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Biar saya rumuskan. Adalah jelas bahawa usul ini pada hakikatnya kita hanya mencadangkan pertukaran seorang Ahli Lembaga Rayuan sahaja iaitu menggantikan Yang Berbahagia Dato' Seri Jamaludin bin Hassan dengan Yang Berbahagia Dato' Mokhtar bin Mohd Jait iaitu mantan YB. Setiausaha Kerajaan Negeri dan mantan YB. Pegawai Kewangan Negeri. Keanggotaan Ahli-Ahli Lembaga Rayuan lain dikekalkan seperti pelantikan bahawa kelulusan Enakmen Kebebasan Maklumat FOI. Seperti yang dinyatakan ketika saya mengemukakan usul tadi Ahli Lembaga diluluskan berkuat kuasa pada 1 Januari 2017 ini perlu bersidang segera bagi menimbang tiga (3) rayuan yang kita telah terima. Saya

berkeyakinan keanggotaan Lembaga Rayuan yang dicadangkan ini merupakan satu gandingan yang baik dari segi komposisi, pengalaman dan latar belakang setiap Ahli Lembaga Rayuan tersebut tersebut.

Akhir kata terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang sebenarnya tidak mengambil bahagian dan YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan....(*gangguan*) Sorry, 1 Jun 2017 dan saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan saya mohon pertimbangan Dewan yang mulia ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Perai masalah yang kita hadapi sekarang Dewan ini ialah usul bahawa Dewan ini meluluskan usul di bawah Subseksyen 13(3) Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010 (Enakmen 16) bagi pelantikan Ahli-ahli Lembaga Rayuan dalam tempoh tidak melebihi 2 tahun mulai 1 Jun 2017 hingga 13 Mei 2019. Senarai Lembaga Rayuan adalah seperti berikut,

Tuan Wong Chiang Kiat	-	Pengerusi
YBhg. Dato' Haji Mokhtar bin Jait	-	Timbalan Pengerusi
YBhg. Ajit Singh Jessy	-	Ahli Lembaga
YBhg. Dato' Syed Jaafar bin Syed Ali	-	Ahli Lembaga
YBhg. Dato' Murelidaran M. Navaratnam	-	Ahli Lembaga
YBhg. Dato' Agatha Foo Tet Sin	-	Ahli Lembaga
Tuan Muniandy A/L Kannyappan	-	Ahli Lembaga
Puan Regina Amalorpava Mary A/P Aboorvasamy - Ahli Lembaga.		

Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya".

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak setuju katakan "Tidak". Sebulat suara kita menerima usul ini.

Setiausaha Dewan:

Usul daripada YB. Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Tuan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri usul saya mencadangkan bahawa Dewan yang mulia ini membantah sekeras-kerasnya sebarang cadangan mangsa rogol dikahwinkan dengan orang yang merogolnya untuk menangani masalah rogol di kalangan kanak-kanak. Semua wakil rakyat perlu berusaha untuk melindungi kanak-kanak dari sebarang keganasan khasnya keganasan seksual.

Yang Berhormat sekalian, menurut data dari Polis DiRaja Malaysia yang dikongsi terdapat 12,587 kes penderaan seksual kanak-kanak dilaporkan kepada Polis antara Januari 2012 hingga Julai 2016 di Malaysia. Tetapi hanya 2,189 kes difailkan dan hanya 140 disabit kesalahan. Ini bermakna 17% kes difail dan hanya 1% kes disabit kesalahan daripada jumlah kes yang dilaporkan. Ini jelas menunjukkan yang jenayah seksual terhadap kanak-kanak di Malaysia adalah sangat serius dan memang sukar di bawa ke muka pengadilan. Dalam perbahasan Rang Undang-Undang Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 baru-baru ini di Parlimen apabila disyorkan oleh YB. Ahli Parlimen Kulai Dato' Teo Nie Ching bahawa perkahwinan kanak-kanak dimasukkan juga sebagai kesalahan.

YB. Dato' Shabudin Yahaya, Ahli Parlimen Tasek Gelugor telah mengatakan bahawa seseorang kanak-kanak perempuan berumur 12 sampai 15 tahun sudah pun kelihatan seperti 18 tahun. Dan oleh itu sudah bersedia untuk berkahwin. YB. Dato' Shabudin telah menyatakan bahawa sebahagian kanak-kanak perempuan mencapai akil baligh seawal 9 tahun dan mereka bersedia dari segi fizikal rohani memasuki alam perkahwinan kononnya kanak-kanak perempuan ini sudah cukup matang untuk berkahwin dan adalah satu penyelesaian bagi menangani masalah tersebut. Walaupun kanak-kanak ini kelihatan matang ini tidak bermakna yang dia adalah bersedia untuk berkahwin lebih-lebih lagi kepada perogolnya.

Yang Berhormat sekalian, kenyataan ini adalah sama sekali tidak boleh diterima dan perlu ditentang sekeras-kerasnya. Perkara ini perlu ditentang bukan kerana Dato' Shabudin merupakan Ahli Barisan Nasional tetapi kerana pemikiran sebegini yang berdasarkan mitos rogol akan memburukkan lagi keadaan untuk mangsa. Mitos rogol menyebabkan masyarakat memandangkan masalah ini kurang serius dan sebaliknya memberikan alasan untuk menyalahkan mangsa dan melepaskan pesalah. Persepsi saya ini membolehkan pesalah melepaskan diri dan menggunakan pelbagai alasan dan pada masa yang sama mengurangkan keyakinan mangsa kepada sistem untuk mendapatkan keadilan bagi dirinya. Kita sebagai wakil rakyat dan pembuat dasar perlu memahami sebab-sebab sebenar disebalik kejadian dan jenayah rogol supaya perkara ini dapat ditangani dengan efektif dan mencari jalan penyelesaian untuk menyokong mangsa bukan terus menghukum mangsa. Seksyen 376 di bawah Kanun Keseksaan Malaysia telah jelas dikatakan bahawa rogol adalah satu jenayah keganasan yang berbentuk seksual terhadap seorang tanpa kehendak atau kerelaannya. Hukumannya jelas termaktub dalam perundangan di Malaysia.

Dari laman web Women Centre For Change, rogol adalah satu jenayah yang kejam dan melanggar hak asasi manusia contohnya hak ke atas tubuh badan seseorang. Rogol bukan seks atau jenayah ghairah tetapi adalah sejenis cetusan rasa keganasan kemarahan dan kuasa bertujuan untuk menyakitkan dan memalukan mangsa. Perempuan atau wanita senantiasa dipandang rendah dan dilayan sebagai objek seks. Kanak-kanak dan wanita sering menjadi keganasan seksual sebagai satu cara untuk menindas mangsa.

Untuk makluman Dewan, mengikut buku *work way rape survival and handbook* yang telah diedarkan kepada Yang Berhormat sekalian antara mitos rogol adalah seperti berikut ini bukunya. Saya harap semua Yang Berhormat telah dapat dan baca untuk memahaminya. Mitos *about rape* terjadi kerana nafsu seks. Sebenarnya jenayah seksual terhadap wanita dan juga kanak-kanak bukan kerana nafsu seks yang tidak dikawal tiba-tibanya tetapi berlaku apabila penjenayah menggunakan seks sebagai senjata untuk memalukan dan menindas mangsa sebahagian besar daripada kes rogol adalah dirancang dengan rapi dan perogol didorong oleh kuasa kemarahan dan kemahuan untuk menindas mangsa mereka. Mangsa yang biasa satu lagi ialah hanya wanita cantik dan muda dirogol. Lingkungan umur mangsa adalah dari bayi hingga usia tua penampilan mangsa bukan suatu pertimbangan yang besar. Perogol memilih untuk menyerang mangsa yang seolah-olahnya paling lemah atau....(dengan izin) *most adorable*. Peluang adalah faktor paling utama dalam menentukan mangsa yang dipilih oleh perogol untuk merogol, jadi dia lihat seseorang wanita cantik jadi dia mahu rogol bukan, itu dirancang.

Mangsa jenayah seperti ini tidak dapat diselesaikan dengan mengahwinkan mangsa dengan perogolnya. Adakah kita mahu menggalakkan seseorang perogol memperoleh perkahwinan paksaan dengan merogol mangsanya. Saya rasa ini akal fikiran yang dahsyat. *No woman goes be safe*. Jika kita mengenakan fikiran ini di luar dimana-mana. Bukankah ini ibarat orang mengantuk disorongkan bantal sebagai ibu bapa, kita tidak patut membenarkan anak kita dengan perogolnya khasnya apabila anak kita adalah masih kecil dibawah umur.

Dalam kes rogol dan kahwin di Sabah, Riduan Masmud, berusia 40 tahun yang telah pun berumahtangga dan mempunyai 4 orang anak telah merogol seorang kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun. Kes ini telah mengemparkan dan mengejutkan penduduk bukan sahaja di Negeri Sabah tetapi di seluruh Malaysia, dengan mengahwinkan kanak-kanak ini untuk dilepaskan daripada dakwaan. Ini bukan budaya kita orang Malaysia sejak zaman berzaman. Orang yang mencuri ayam pun tidak dilepaskan apatah lagi anak gadis dicabul dan dirogol.

Manakala kes Richard Hacker yang kita ketahui tahun lepas telah menunjukkan yang perogol dan pendera seksual kanak-kanak menggunakan modus operandi dimana-mana dengan menjerat mangsa mereka dari kecil dan membuat perancangan untuk terus menindas kanak-kanak tersebut yang bakal dikahwinnya. Tambahan pula, tanggapan bahawa dengan hanya berkahwin seseorang perogol boleh bertaubat dan berubah menjadi seorang manusia yang baik adalah tanggapan yang serong ketinggalan zaman dan melanggar hak asasi kanak-kanak tersebut. Pemikiran seperti ini tidak membantu mangsa tetapi sebaliknya menjerat mangsa dalam satu kitaran keganasan yang berterusan ini menyebabkan ramai pendera seksual kanak-kanak menggunakan perkahwinan sebagai cara melepaskan diri daripada disabitkan jenayah merogol. Apabila diambil tindakan jangkamasa pendek untuk menyelesaikan masalah yang kompleks kerana maruah keluarga terjejas akan menyebabkan dan masalah yang lebih serius akan berlaku di masa depan. Siapa yang akan menjaga kanak-kanak ini dari si perogol yang sudah menjadi suaminya? Adakah kanak-kanak ini dapat meneruskan persekolahan dan kehidupannya jika hamil dengan bayi perogol. Jikalau masih muda, adakah badannya boleh bertahan untuk hamil dan melahirkan seorang bayi dan apakah masa depan yang bakal ditempuhi si mangsa.

Mengikuti organisasi *International Women Help Polition* perkahwinan kanak-kanak akan mengakhiri zaman kanak-kanak *no more child road*, mengurangkan pendidikannya, mengurangkan peluang sosial ekonomi, meningkatkan risiko mangsa keganasan berterusan di rumah serta kehamilan berisiko tinggi. Kanak-kanak dibawah umur 15 tahun adalah lima (5) kali lebih cenderung untuk mengalami kematian semasa melahirkan kanak-kanak berbanding dengan wanita dalam lingkungan umur 20'an, mereka juga akan menghadapi risiko yang lebih tinggi untuk mengalami kecerahan berkaitan dengan kehamilan. Selain itu, masalah kekurangan darah atau anemia serta kadar pembesaran janin akan terbantut. Pengantin kanak-kanak sering tidak mempunyai kuasa perunding untuk amaran seks selamat dan oleh itu, mengalami risiko tinggi untuk dijangkiti HIV atau penyakit kelamin yang lain. Kesan negatif perkahwinan kanak-kanak menjangkau lebih daripada kehidupan kanak-kanak tersebut tetapi juga kepada anak-anak pengantin kanak-kanak adalah 60% lebih cenderung untu mati pada tahun pertama perkahwinnya berbanding dengan ibu-ibu lebih daripada 19 tahun. Anak-anak ini juga lebih cenderung terjat dalam kitaran keganasan dan kemiskinan.

Yang Berhormat sekalian, kita sebagai wakil rakyat telah diberi amanah untuk melindungi rakyat Pulau Pinang. Kita diberi tanggungjawab oleh rakyat untuk menentang ketidakadilan, hari ini saya meminta semua Yang Berhormat untuk berpegang kepada amanah tersebut dan menentang sekeras-kerasnya pemikiran seperti ini untuk melindungi kanak-kanak kita daripada keganasan seksual. Saya memohon Dewan yang mulia ini menyokong usul saya dengan sebulat suara, membantah sekeras-kerasnya sebarang cadangan mangsa rogol berkahwin dengan orang yang merogolnya untuk menangani jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Tuan Yang di-Pertua, saya kesal bahawa pihak Barisan Nasional tak ada di sini walaupun ini usul ini dibawa kerana rakan mereka perkataan rakan mereka, sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Padang Lalang, saya perlukan sokongan untuk usul ini. YB. Penanti sila.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong. *Bismillahirrahanirrahim Assalamualaikum wbt. wbr* dan Salam Sejahtera dan Selamat Malam. Berkenaan dengan usul yang dikemukakan oleh Ahli Kawasan Padang Lalang iaitu kita membantah sekeras-kerasnya cadangan mangsa rogol berkahwin dengan orang yang merogolnya untuk menangani jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Saya akan bercakap dari segi undang-undang Islam. Dalam Islam kita mengangkat martabat wanita dari 1400 tahun dahulu dan di dalam Al Quran dan di dalam Islam, tidak ada undang-undang yang memberi ganjaran ataupun mereward orang yang telah merogol dengan membenarkannya berkahwin dan tidak ada sebab dalam Islam, jika merogol dalam istilah yang saya guna di sini adalah paksaan, *of course* kita ada *statutory of rape* tapi saya menggunakan di sini paksaan. Tidak ada undang-undang dimana-mana yang kita memberi dan jarang kepada penjenayah. Dalam Islam kalau seorang especially sudah berusia macam kes di Sabah dah ada anak semua dan dah berkahwin kalau dalam Islam dia mesti direjam sampai mati. Maknanya dibaling batu sampai mati bukannya dikahwinkan dengan orang yang dirogol tidak ada undang-undang yang begitu dalam Islam.

Jadinya, effect kalau dalam Islam juga jika wanita itu mengandung bapa kepada anak itu tidak direcognisekan sebagai seorang bapa dalam Islam kita ada saya pakai tudung, saya kena pakai tudung depan lelaki yang boleh saya kahwin. Kalau orang yang saya tak boleh kahwin saya ada abang ka, pak cik ka saya tak boleh kahwin kan jadi bukan muhrim. Tapi dalam Islam kalau orang itu tak ada pernikahan dan dia katalah dia rogol ka atau pun *statutory rape* mendapat anak dalam Islam dia kalau ada anak pun kalau undang-undang Islam dia tak *recognise* sebagai bapa maknanya menunjukkan orang yang *statutory rape* ka, merogol ka..tak ada hak langsung ke atas anak itu dan tak dibinkan sebagai bapa. Itu hakikatnya martabat lelaki yang merogol wanita ataupun merogol mungkin dia pujukla bagi makan coklat la apa ka *still*, kita tengok kanak-kanak kan dia bagi, *still* tak diiktirafkan sebagai seorang bapa.

Okey dalam Undang-Undang di Malaysia kalau kita tengok dalam Undang-Undang Sivil, kanak-kanak yang bawah 16 tahun boleh dikahwinkan tetapi dengan kelulusan Ketua Menteri dan dalam Undang-Undang di Pulau Pinang, dalam Undang-Undang Islam kanak-kanak itu boleh 16 tahun ke bawah boleh dikahwinkan jika bapa dia *concern* tapi kena pergi ke Mahkamah maknanya bukan sahaja setakat seorang Ketua Menteri, *you know* macam itu bukan dia kena pergi ke Mahkamah dan bawa kes ke Mahkamah untuk mendapat kebenaran membenarkan anak dia berkahwin dengan seorang lelaki kalau dia 16 tahun ke bawah. Maknanya dalam Undang-Undang Islam pun bukan senang untuk mengahwinkan seorang yang bawah umur dan maknanya Undang-Undang Islam di Pulau Pinang melindungi wanita dan memang susah dan *especially* kalau ada jenayah seksual di mana orang yang nak dikahwin itu adalah orang yang memaksa dia dan merogol dia.

Kalau kita tanya Ketua Hakim Pulau Pinang pun, saya tanya kepada dia, dia berkata kalau seorang lelaki telah membuat jenayah kriminal perkara ini akan dibawa ke Mahkamah Kriminal dan hukuman akan dikenakan bukan dikahwinkan, ada kes-kes yang kadang-kadang budak-budak sekolahkan, *girlfriend- boyfriend* tersilap itu lain, ini yang saya sebut ini ialah paksaan. Sekarang ini kita tengok banyak kes-kes budak-budak sekolah merogol ataupun guru-guru merogol tidak ada dalam Islam yang kita, dalam Undang-undang Islam di Pulau Pinang, di Malaysia yang kita akan memberi ganjaran siap bagi kahwin, tidak.

Jadi saya hendak menyatakan disini memang saya menyokong usul ini yang kita tidak boleh memberi ganjaran penjenayah iaitu perogol sepatutnya kalau kita ada Undang-undang Islam di sini kita akan rejam sampai mati, okay. Saya mohon menyokong, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Penanti, ada sesiapa yang ingin berbahas.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih kepada YB. Dato' Speaker, saya juga ingin mengambil bahagian dalam Usul YB. Padang Lalang yang membantah sekeras-kerasnya sebarang cadangan mangsa rogol berkahwin dengan orang yang merogolnya untuk menangani jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kenyataan daripada Ahli Parlimen Tasek Gelugor iaitu YB. Dato' Shahbudin bin Yahaya dalam perbahasan Rang Undang-undang kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak tahun 2017, memang menyakitkan hati semua ibu bapa di seluruh Malaysia, saya rasa seluruh dunia mencetuskan kemarahan kaum wanita dan bukan sahaja kaum wanita, kaum lelaki pun yang siapa yang ada anak dan ada adik perempuan dan saudara dan ibu dan menjadikan nama baik Malaysia disindir oleh netizen media sosial seluruh dunia.

Kenyataan tentang perkahwinan antara mangsa rogol iaitu seorang gadis bawah umur lelaki yang merogolnya mungkin boleh mengurangkan masalah sosial adalah tidak bertanggungjawab dan dangkal. Tindakan mengahwinkan mangsa penjenayah yang merogolnya bukanlah satu jalan penyelesaian sebaliknya tindakan tersebut hanyalah pemikiran kuno tidak bertamadun dan melepaskan tangan memilih jalan pintas semata-mata untuk mengelakkan berasa malu ahli keluarga tanpa memikirkan perasaan dan masa depan anaknya yang menjadi mangsa. Dalam kes ini tidak timbul seperti apa yang diperkatakan oleh Shahabudin iaitu sekurang-kurangnya dia ada suami, ada orang yang boleh jadi suaminya pada ketika itu, ini bukan masalah kepada mangsa untuk mencari jodoh sehingga dia diperlakukan sedemikian.

YB. Dato' Speaker, bila kenyataan Shahabudin itu tercetus di dalam televisian anak perempuan saya yang berusia sembilan tahun, dia bertanya mengenai perkara ini, bolehkah berkahwin dan sebagainya, pada hari-hari selepas kenyataan Shahabudin bahawa, saya sangat marah, bila isu ini berkaitan dengan seorang anak, saya rasa ini adalah isu melibatkan semua orang, semua golongan masyarakat. Kalau anak perempuan saya boleh bertanya soalan begitu, adakah umur 9 tahun boleh berkahwin dan sebagainya. Kenapa boleh ada suami, dia tidak faham apa itu rogol dan kenapa boleh kahwin dengan perogol? Jadi bolehkah kamu bayangkan apa yang Shahabudin sudah lakukan kepada Negara ini, dia sudah mengelirukan anak-anak kita. Sebagai ibu bapa sanggupkah kita memperjudikan masa depan dan nasib anak-anak perempuan kita pada hakikatnya hanya menjadi mangsa dengan mengahwinkannya bersama seorang lelaki yang telah memperkosakannya tanpa apa-apa jaminan dan hanya berkemungkinan bertaubat. Beliau juga dilaporkan seorang perempuan yang akil baligh pada usia 9 tahun mungkin sesuai berkahwin secara rohani dan jasmani, (dengan izin)...*we are so say that physicaly and spirit sharring it is not the problem to married of girls height between nine to twelve years old. Bersedia secara fizikal dan rohani untuk berkahwin, tetapi saya pergi cari daripada laman web bahawa akil baligh maksudnya adalah bukan membayangkan yang ini bukan masalah umur seorang gadis dikira pematangan merujuk kepada akil baligh jika sudah sampai 9 tahun akil baligh. Setengah kanak-kanak berumur dua belas tahun atau lima belas tahun tetapi fizikal macam gadis berumur 18 tahun dalam hal ini tidak mustahil dia dikahwinkan, dia sudah mencapai akil baligh pada umur 9 tahun, tetapi akil baligh bukan membayangkan pematangan, tetapi akil baligh ialah perubahan fizikal tubuh badan bermulanya satu proses fizikal yang merupai fizikal ke arah remaja dan dewasa, tetapi ia tidak bermaksud dari segi pemikiran kanak-kanak itu sudah mencapai usia matang dan biologi juga menunjukkan gadis bawah umur belum lagi matang daripada segi mental dan fizikal.*

Daripada kenyataan Shahabudin, tengok ini (dengan izin) *bahasa Cina*, bak kata pepatah Cina, bagai tikus melintas jalan semua jerit hendak memukul, siapa yang membuat kenyataan sedemikian tengok semua jari tunjuk kepada dia dan saya juga mengambil petikan oleh Tengku Putera Johor dia kata

(dengan izin)...yes, under age sex is considered as rape willingly or not and the media might have taken out context on that part but he did say girls age nine to twelve are ready for marriage. Is this a type a state liners you want to see in this country? Do you want this to happen to you daughter, you will keep begging to this man, no, I will stand by the children.

Saya rasa kita semua akan *stand by our children*, betul tidak? Saya sangat marah. Saya hendak tanya bagaimana perasaan kamu jika anak kamu atau saudara perempuan kamu yang diputuskan untuk berkahwin dengan perogolnya, cuba fikirkan? Jika ini berlaku kepada sesiapa, adakah kamu ingin perogol ini berkahwin dengan mangsa kanak-kanak itu. Jadi menantu. Adakah kamu hendak perogol itu jadi menantu kamu? Saya seorang perogol tetap seorang perogol...(gangguan). Maksud saya kata seorang perogol tetap seorang perogol, minta maaf. Seseorang perogol haruslah didakwa, dihukum dan dipenjarakan jikalau disabit kesalahannya di sisi undang-undang. Dimanakah Perlembagaan Malaysia jika seorang perogol boleh membebaskan diri daripada hukuman penjara dengan mengahwini mangsa yang dirogolnya. Sebagai seorang wanita dan seorang ibu, saya merasa sangat sedih dan kecewa kerana di Malaysia yang kucintai ini ada seorang Parlimen dari Negeri Pulau Pinang pula, memalukan Pulau Pinang yang langsung tidak menghormati hak wanita dan hak kanak-kanak. Kenyataan melampau ini oleh Ahli Parlimen Tasek Gelugor yang langsung tidak pedulikan perasaan seorang wanita di mana kehormatannya telah dicabuli.

YB. Dato' Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga ingin membahas kenyataan sadis Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Seri Tengku Adnan Tengku Mansor terhadap wanita semasa Majlis TN50, satu Majlis Dialog Transformasi Nasional 2050. Yang ini Menteri ini pula lagi satu, Menteri ini lagi satu. *Haiyo*. Dia tidak suka perempuan cantik ke, tidak suka perempuan yang berpakaian cantik ke, saya pun tidak faham. Kenapa Menteri kita di Malaysia ini berfikiran tidak waras kalau saya hendak kata.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Otak tidak ada.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Otak tidak ada. Kamu yang kata.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah habis?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Belum. Belum. Dia kata 'awak ini cantik, lain kali pakai comot-comot sikit' kata Tengku Adnan. Sekarang adalah era yang baru, kecantikan seseorang wanita bukan khasnya untuk menghiburkan hati kaum lelaki sahaja. Kebebasan berpakaian juga, adalah hak wanita hari ini. Kita tidak harus menyekat pakaian seseorang wanita. Tetapi sebaliknya kita patut menghindar fikiran tidak sihat kaum lelaki seperti Tengku Adnan ini. Wanita berpakaian kemas, dan berwajah cantik menunjukkan keyakinan dirinya kepada orang awam. Ia tetap bukan untuk membuta kaum lelaki, cuma hanya lelaki berfikiran jijik seperti Tengku Adnan sahaja yang mengangan-angankan semua ini.

Saya ingin menegaskan bahawa, keselamatan wanita dan kanak-kanak di Malaysia sentiasa dipersoalkan. Saya harap perkara ini dapat diatasi dengan segera, supaya kita tidak ada lagi Wakil Rakyat atau orang awam mengeluarkan komen-komen seksis seperti ini dari semasa ke semasa. Bukan saya sahaja yang khuatir, seorang ahli Puteri UMNO juga melahirkan kebimbangan mengenai keselamatan awam, kerana banyaknya berlaku kes-kes rompakan dan penculikan di Malaysia. Saya rasa, berhentilah meletakkan cara pemakaian wanita sebagai punca berlakunya jenayah seksual atau mengandaikan merekalah yang bertanggungjawab terhadap kesalahan itu. Sebaliknya lebih menghormati wanita dan tidak memandang rendah terhadap golongan ini. Sepatutnya, sepatutnya Menteri dan Kerajaan perlu mempertingkatkan, carikan jalan untuk mempertingkatkan keselamatan untuk menjamin keselamatan rakyat jelata, tetapi bukan keluarkan kata-kata sedemikian. Secara kesimpulannya, saya berpendapat bahawa pendidikan sivik dan moral haruslah dipertingkatkan lagi, bukan di kalangan kanak-kanak Malaysia sahaja, tetapi Menteri-Menteri seperti yang saya sebut tadi yang dua (2) menteri itu. Satu adalah Ahli Parlimen, satu adalah Menteri. Sepatutnya memberi pendidikan kepada mereka juga untuk mengujudkan kehormatan di antara kaum wanita dan kaum lelaki. Saya ingin mengakhiri perbincangan saya dengan satu pantun, pantun itu berbunyi sedemikian;

“Tanam Pinang Rapat-rapat,

Biar Senang Puyuh Berlari,

Ku Hantar Pinang, Pinang Tak Dapat,

Ku Roboh Dulu, Dapat Kahwin Free”

Ooh, jadi saya ingin mengakhiri perbahasan saya dan saya menyokong usul yang dicadangkan oleh YB. Padang Lalang. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, YB. Sungai Pinang. YB. Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Ya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Cadangan seorang ahli UMNO iaitu Nombor Parlimen Tasek Gelugor bahawa mangsa rogol mengahwini dengan perogol, ini tidak boleh masuk akal. Kalau seorang sudah mengadakan hubungan seks dengan kanak-kanak, walaupun ada persetujuan dari segi undang-undang ini adalah salah. Dan perogol itu boleh dipenjarakan. Bagaimana pula kanak-kanak itu dirogol tanpa persetujuan dan dipaksa dikahwinkan dengan perogol. Dalam perkahwinan mesti ada cinta, di mana ada cinta bila seorang kanak-kanak dirogol, dan dipaksa mengahwini perogol. Dewan ini mesti mengutuk 'binatang' yang buat kenyataan seperti ini. Rakan-rakan beliau, di Dewan ini semua sudah lari. Mereka tidak berani menghadapi kita. Hak wanita mesti diperlihara dan dipertahankan. Wanita bukan objek seks, mereka main peranan sebagai anak kita, adik kita, isteri kita dan ibu kita. Kita mesti hormat pada wanita, iaitu saya sokong usul Padang Lalang. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Bagan Dalam. Saya ingin silakan YB. Padang Lalang untuk membuat penggulungan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada YB. Sungai Pinang, YB. Penanti dan YB. Bagan Dalam kerana telah mengambil bahagian dan mengambil satu pendirian untuk mengutuk perbuatan atau kenyataan untuk dimana mencadangkan kanak-kanak yang dirogol itu dikahwinkan dengan perogol.

Saya rasa kita sebagai Wakil Rakyat yang bertanggungjawab perlu menjadi lebih peka, lebih peka *gender* serta menambahkan ilmu untuk memahami sebab sebenarnya jenayah rogol berlaku. Kesannya terhadap bangsa serta mengambil tindakan yang efektif untuk memastikan yang kanak-kanak kita boleh hidup dengan selamat dan sejahtera. Dan kalau perogol itu saya sangat bersetuju dengan YB. Penanti, seorang perogol itu tidak boleh diberi ganjaran lagi. Ini satu sangat saya rasa tidak boleh diterima, tidak ada orang boleh menerima. Kita sebagai pemimpin negeri dan negara, tidak boleh sewenang-wenangnya mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menghina dan tidak berasas fakta dan kajian. Cukuplah sudah kenyataan demi kenyataan yang menghina kaum wanita dan kanak-kanak yang diucapkan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Saya sangat bangga dengan rakan-rakan saya di dalam Dewan ini, mereka memang tidak pernah memberikan kenyataan seperti ini kerana memang rakan-rakan di sini, mereka faham dan tahu menghormati semua orang termasuk wanita dan kanak-kanak. Jadi cukuplah sudah, (dengan izin)... *enough is enough*. Jadi saya rasa untuk pemimpin yang seperti ini kalau mereka tidak dilucutkan jawatan ataupun tidak di *vote out*, saya rasa bimbang masa depan kita untuk khasnya anak-anak kita.

Jadi, saya memohon supaya Perdana Menteri mengambil tindakan kepada mereka yang mengeluarkan kenyataan-kenyataan seperti ini. Untuk Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama seperti PWDC dan pihak NGO seperti (WCC), *Women's Centre For Change* dan (PPW), Pusat Khemah Wanita mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan kesedaran

berkenaan isu-isu keganasan berdasarkan *gender* ataupun (*dengan izin*)...*Gender Base Violent*. Antara program yang dijalankan di peringkat Negeri ialah Kempen *Penang Goes Orange*. *Penang Goes Orange* ialah untuk menghentikan keganasan terhadap wanita yang telah berjaya dianjurkan sejak tahun 2015. Selain itu latihan kesedaran *gender* dan kesaksamaan *gender* pada berbagai peringkat masyarakat serta sektor awam, turut dijalankan sebagai usaha pencegahan awal. Kerajaan Negeri juga menyokong PPW dengan menyediakan peruntukan tahunan bagi menyediakan perkhidmatan sokongan kepada mangsa di Seberang Perai dan kawasan-kawasan berjiran. Semua usaha ini adalah untuk mengurangkan persepsi dan tanggapan salah masyarakat mengenai jenayah seperti rogol.

Yang Berhormat sekalian, saya menyeru kita sama-sama mengambil pendirian untuk melindungi mangsa daripada risiko keganasan berterusan. Maka saya memohon supaya kita semua sokong usul 'hentikan perkahwinan kanak-kanak kepada perogolnya'. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih YB. Padang Lalang. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi adalah usul bahawa Dewan yang mulia ini membantah sekeras-kerasnya sebarang cadangan mangsa rogol berkahwin dengan orang yang merogolnya untuk menanggapi jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Semua Wakil Rakyat perlu berusaha untuk melindungi kanak-kanak daripada sebarang keganasan khususnya keganasan seksual. Ahli-Ahli yang setuju, katakan "Ya".

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju, katakan "Tidak". Sebulat suara. Usul dipersetujui. Y.A.B. Air Putih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya memohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sokong?

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan, dan usul telah mendapat sokongan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih diatas kerjasama semua sepanjang perjalanan persidangan Dewan ini. Dengan ini Dewan ditangguhkan ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Sekian terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.40 malam.